

# Kutipan esei-esei Sam Ahmad

Kata pengantar Fathi Aris Omar

Buku ini tiada terjual di Kinokuniya, MPH, Times atau mana-mana kedai buku termasuklah di kedai buku Marwilis, Shah Alam.

---

# Kutipan esei-esei Sam Ahmad

---

Satu lagi terbitan  
Unauthorised Studia Merah Production

Semua hak cipta terpelihara, dipegang oleh  
Unauthorised Studia Merah Production  
25 November 2005.

© 2005 Unauthorised Studia Merah Production

Dibenarkan penyalinan semula tetapi haruslah mengekalkan nama  
pengarang sebagai pembuat esei

Reka susun oleh Unauthorised Studia Merah Production

Kandungan

# Kata Pengantar

Fathi Aris Omar

**Penulis muda sebagai ikon si pemberani**

**ROTTW** Kazaa, Perkongsian Fail Dokumen dan Runtuhnya Industri Muzik Dunia  
-- Cukup Sudah Main-main -- Membaca Irama Muzik -- Sindiket SMS dan Rancangan Mencari Bakat --  
Muzik dan Erti Komitmen -- Selamat Kembali Seniman Jalanan -- Marcos, Zapatista dan isu semasa dalam muzik

**Akhbar Mahasiswa** Survival Cinta Rakyat di Paloh -- Mungkinkah Tuhan Sudah Mati --  
Tiada Yang Berhak Menghukum Melainkan DIA -- Autonomi Anak Muda dalam GGPR -- Pengaruh Bollywood dan  
Filem Melayu -- Pengaruh Kiri dalam Panggung Amerika -- Budaya Suap dan Filem Melayu -- Tentang Dia -- Islam  
sekular

**Al-Islam** Imam Mahadi Dari Pandangan Ibnu Khaldun

**Tamadun** Pena: Mungkinkah Selesai Masalah?

**Siasah (majalah)** Ini Hal Peribadi

**Siasah (OnLine)** Profesor Undang-undang Kritik Perang ke Atas Iraq

**Siasah (Tabloid)** Budaya Suap dan Filem Melayu

**Jalantelawi.com**

Logik dan filem

**satu @ RAH** Filem The Matrix: Propaganda Komunis?  
-- Jiwa Kacau -- Kawanku Pembunuh! -- Malaysiakini.com Lambang Kebebasan Media Siber Malaysia  
-- Rokok Nan Sebatang -- Surah Ke Langit Buat Rachel Corrie  
-- Dari Labirin Politik Khalid Jaafar -- Masalah Autonomi Artis dan Syarikat Rakaman  
-- Dari hal mumia dan anak -- Edisi Siasat Yang Diharapkan Mungkin. . . -- Dunia Selepas 11 September 2001  
-- Belasungkawa Buat Edward Said -- Media: Bolehkah Sampai Ke Titik Bebas? -- Cinta – Machiavelli -- Janji Joni  
-- Proses Institutionalized dan Masyarakat Korup Tertindas -- Janji Diana Tidak Menjanjikan Apa-apa -- Bila manusia  
jadi tuhan -- Duit Segalanya Bukan Luaran -- Perjuangan Kelas dalam Tollgate Girl

## **Kata Pengantar**

### **Penulis muda sebagai ikon si pemberani**

**M** enulis, di banyak tempat, memang kerja 'gila'. Atau, maksud saya, hanya orang yang 'gila' sahaja akan jatuh cinta dengan pekerjaan tulis-menulis, misalnya menjadi wartawan bebas dan penulis kreatif. Kerja yang belum menjamin pulangan hasil, walaupun wang untuk membeli sekotak rokok, secangkir kopi (atau segelas teh tarik) dan sesekali mengajak kekasih menonton di pawagam.

Saya rasakan sangat hal ini sewaktu diamuk asmara dengan seorang siswi UPM pada 1996-97, walau punca kami berpisah itu tiada kena mengena dengan kepenulisan. Tetapi diam-diam, saya fikir, dia jatuh hati kerana saya seorang penulis! Kerana waktu itu saya sedang menyiapkan manuskrip novelet cinta remaja 'Sekuntum duri' (yang 80 peratus siap tetapi sekarang sudah

hilang), selain mengirim komentar kepada 'Utusan Sarawak' dan beberapa majalah kecil.

Kerja 'gila' ini memang sulit dimengerti oleh orang tua, adik beradik, kekasih, teman-teman atau isteri (kalau lelaki). Ada orang yang berbakat dan boleh lebih 'maju' dalam hidup tiba-tiba menukar haluan dan menumpukan masa untuk melayan kegilaan ini. Saya, selepas kira-kira 15 tahun terapung-apung dalam hidup, tidak pernah faham di mana indahnya melayan kegilaan itu tetapi yang saya perhatikan, seperti ada pada beberapa penulis muda dan besar (peringkat dunia), ia sudah tumbuh sejak kecil. Sedikit sebanyak kita boleh baca buku 'Living to tell the tale' – biografi karangan sendiri Gabriel Garcia Marquez (masih hidup), si pemenang anugerah Nobel sastera (1982).

Sebab itu, saya senang sekali apabila pengarang samizat ini Ahmad Zulfikar Samsuri memperkenalkan kerjayanya sebagai "penulis sambilan dan penganggur sepanjang masa". Sekurang-kurangnya, saya harap, dia – kami di Jalan Telawi memanggilnya Sam sahaja, atau Sam Ahmad – tidak bermimpi. Walau sering orang fikirkan kerja tulis-menulis, khususnya yang kreatif, itu kegiatan berangan-angan. Dan memang berangan-angan, bagi penulis kreatif itu, nampaknya membuahkan hasil juga!

Namun, jika ditanya pada Ayu Utami novelis popular Indonesia, novelnya bukanlah angan-angan tetapi penyelidikan yang intensif tetapi diolah melalui fiksyen (begitulah yang saya faham tentang proses penulisan kreatifnya sewaktu beliau mengajak saya, selama seminggu, belajar tentang gua daripada seorang pakar gua di sini). Ayu sudah beberapa kali bertanya saya tentang alam serangga, tentang bagaimana serangga-serangga bersenggama dan haiwan-haiwan berasmara. Tanya Ayu, apakah si jantan di atas?

Tanyanya lagi, bukankah hanya gorilla (yang lagaknya manusia itu) berasmara berdepan-depan, seperti kita, sementara

binatang lain tidak? Katanya, ia menyelidik untuk bahan dalam novelnya.

Maksud saya, berangan-angannya penulis itu hanya tanggapan bukan penulis sahaja. Entah juga, mungkin di Malaysia (atau di negara-negara lain) pengarang kreatif memang berangan-angan, bukan mengangkat pengalaman konkret dirinya (dan orang lain).

Kepenulisan, agak mual untuk ditegaskan sekali lagi di sini, bukanlah angan-angan – walau masih tetap perlu sedikit 'kegilaan' tersendiri. Misalnya, kegilaan berfikir, kegilaan membaca, kegilaan bertanya dan berdiskusi (sebenarnya, bersembang!). Termasuk, lagi, kegilaan untuk mencoret bermacam-macam hal, siap dan tidak siap, terbit atau tidak diterbitkan, berbayar atau tidak, murah atau mahal. Pendek kata, jangan fikir sangat soal wang – seolah-olahnya wang sudah menjadi 'anti-thetical' dengan penulis. Atau, penulis tidak perlu makan dan harus jalan kaki ke mana-mana, dengan poket kosong!

Dalam 'Living to tell the tale', ada diingatkan kepada Marquez oleh seorang doktor tua (yang pernah berangan-angan menjadi penulis tetapi gagal), sewaktu Marquez ghairah ingin menjadi penulis dan meninggalkan kuliah undang-undang (dan dibantah ibu bapanya): "menulis itu satu-satunya kuasa yang boleh mengatasi kuasa cinta."

Mungkin doktor perubatan itu ingin mengingatkan ibu Marquez bahawa anak sulungnya itu sudah sanggup tidak mempedulikan pengorbanan besar orang tuanya semata-mata sudah dijangkiti 'kegilaan menulis' – kegilaan bertemu beberapa wartawan dan seniman muda yang kemudiannya dikenali dengan nama 'kelompok Barranquilla' di Colombia.

Tulis Marquez lagi, doktor kenalan keluarganya itu turut menyebut, kira-kira: "pekerjaan seni ini, yang paling misteri daripada sekian banyak misteri, menjadikan seseorang memperhambakan keseluruhan hidupnya tanpa mengharap apa-apa pulangan pun!"

Selain Marquez, tentunya kita boleh membaca dan menganalisa sendiri riwayat

hidup mereka yang lebih awal: John Stuart Mill (pengarang 'On Liberty', awal abad 19), Maxim Gorky ('Mother' dan 'Foma Gordeyev', hujung abad 19-awal abad 20), George Orwell ('Animal Farm', pertengahan abad 20) atau generasi pemikir-seniman Jerman abad ke-18, abad yang kononnya disebut era moden, Zaman Pencerahan di seluruh benua Eropah.

Dalam koleksi tulisan Sam ini, kita dengan cerdas akan dapat merasakan pekerjaan tulis-menulis tidaklah angan-angan atau 'gila'. Dia berdepan, mencari dan mengulas, dengan fakta-fakta yang serius, besar dan mendunia sifatnya. Dia mengupas tentang Edward Said dan 'Orientalism'-nya, tentang sekularisasi agama, tentang filem, budaya, politik dan hal-hal serius lain tapi cerewet dengan tanggapannya yang kreatif.

Sebagai penulis muda, Sam bolehlah dibilang sebagai seorang penulis, dan wartawan, berbakat dan mempunyai masa depan yang cerah – cuma, mungkin, Sam tidak boleh hidup dan bekerjaya di Malaysia sebab negara ini tidak memungkinkan dia besar. Ya, kita bercerita lebih panjang lebar di kesempatan lain tentang hal ini.

Sam berdepan dengan dunia yang nyata, yang sangat penting dan maha besar – apatah lagi pada ukuran anak muda seusianya di negara kita. Yang, sekali imbas, kita lihat mereka tidak menghargai kehidupan berbudaya (tinggi?) dan intelektual. Mereka hidup dengan indra konsumerisme budaya global – limpahan super-kapitalisme naluri.

Tetapi Sam tidak begitu. Malah dia cuba lari daripada keghairahan hidup generasinya (saat ini) dan mengasosiasikan diri dengan manusia se-idealismenya seperti kelompok Jalan Telawi, selain teman-temannya di Shah Alam, Bangsar Utama, Pasar Seni dan lain-lain (yang saya tidak ikuti).

Boleh jadi, sekadar ikut-ikutan atau tidak sepenuhnya sedar risiko sewaktu memilih asosiasi itu tetapi – ya, kita lihat sendiri nanti – lama kelamaan akan terbentuk juga kesedaran diri tentang lingkungan, dengan segala kemanisan dan kebejatannya.

Tetapi 'kegilaan' penulis di sini bukanlah natijah peribadi – yang dia relakan sepenuhnya – tetapi juga akibat tekanan sosial. Dengan kata lain, masyarakatlah yang melahirkan penulis-penulis yang melayan kegilaannya. Sama ada masyarakat untung atau rugi, adil atau tidak, sikap, reaksi dan layanan masyarakat menceruk penulis kreatif, pengulas sosial, pengamat politik dan juga wartawan bebas (semua orang ini tidak ada syarikat yang membayar gaji bulanan) sehingga status sosialnya dipandang rendah tetapi (ada waktu-waktunya) dikagumi.

Saya tidaklah mahu berpanjang-panjangkan menyalahkan masyarakat atau nampak hanya masyarakatlah yang bersalah. Penulis, sarjana, pemikir atau wartawan kita juga ada kelemahan, pastinya. Tetapi jika semua jenis dan kelompok penulis tidak diberikan penghargaan dan perhatian; sementara penulis muda tanpa bimbingan dan naungan sewajarnya, dan karya-karya olah fikir kita sama ada kreatif atau bukan, sama ada sastera, ilmiah, seni atau bahan-bahan media] tidak membangkitkan kepuasan batin bangsa ini, maka tentulah ada hubungan buruk/hodoh antara masyarakat kita dan kaum penulisnya. Nampaknya masyarakat berlepas tangan dalam isu dan hal ini. Malah, kelompok penulis juga sudah sangat capek!


Maka, dalam konteks inilah, saya jelaskan di awal tadi: penulis muda seperti Sam seorang 'ikon bangsa' ini yang berani – berani melangkah dalam dunia yang mulia, berani membelit diri dengan kerja akal, berani menganalisa (dan dengan itu, menelanjangi kelemahan atau kesilapan diri) – untuk menghidangkan cebisan akalnya kepada masyarakat yang tidak menghargainya dan tidak memandang padanya. Ini memang kerja gila. Tetapi bukan kegilaan penulis, atau kegilaan Sam, tetapi kegilaan kita semua! Kegilaan masyarakat dan penulisnya.

Selamat datang ke dunia 'kami', Sam!  
Selamat berkarya, semoga berjaya!

Fathi Aris Omar,  
Utari Kayu, Jakarta  
20 Februari 2005

## ROTTW

### **Kazaa, Perkongsian Fail Dokumen dan Runtuhnya Industri Muzik Dunia**



ntuk mencari album kumpulan Atari Teenage Riot atau kumpulan Slank dari Indonesia adalah sedikit sukar di Malaysia. Jarang ada kedai yang menjual album-album tersebut. Dan jika ada pun tentu harganya mahal sedangkan kualitasnya pula kurang baik.

Namun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan kewujudan perisian "perkongsian dokumen" atau shared document dari Kazaa, peminat-peminat muzik serata dunia sudah tidak perlu bimbang lagi jika ketinggalan koleksi album artis kegemaran mereka. Kazaa beroperasi

secara perkongsian fail dokumen antara pengguna. Pengguna bertukar-tukar fail melalui beribu-ribu "supernodes" atau fail punca yang tidak diketahui pemilinya. Dan istimewanya, operasi mereka adalah halal di sisi undang-undang.

Kazaa terdiri daripada tiga pecahan yang bergabung di bawah satu induk besar. Pecahan-pecahan tersebut adalah server, perisian dan domain. Yang menariknya kesemua pecahan-pecahan tersebut berada di lokasi di negara-negara berlainan. Servernya berada di Denmark. Perisiannya di Estonia dan domainnya di daftar di Australia. Hari ini dianggarkan terdapat sejumlah 60 juta pengguna Kazaa di seluruh dunia dan kejayaan mereka juga sekarang sudah mengatasi Napster yang pernah menggegarkan dunia muzik antarabangsa. Yang pastinya mereka tidak semalang Napster, jatuh disaman oleh dunia muzik Amerika dan telah dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Pada 2 Oktober 2001, gabungan beberapa buah syarikat rakaman, artis dan syarikat perfileman dunia telah mengemukakan saman terhadap Kazaa yang dikatakan telah melanggar undang-undang hak cipta. Berbeza dengan Napster yang pernah berjaya disaman, Kazaa tidak menyediakan lagu-lagu atau klip-klip filem dari server mereka untuk dimuat turun oleh pengguna, sebaliknya Kazaa cuma menyediakan perisian untuk perkongsian fail dokumen, bagi membolehkan kesemua penggunaanya berkongsi koleksi muzik atau koleksi klip video sesama mereka.

Dan yang pasti cubaan tersebut (saman) gagal!

Perkhidmatan yang disediakan oleh Kazaa ini telah menyebabkan penjualan CD enam bulan pertama tahun 2002 jatuh sebanyak 11%, dan tahun sebelumnya sebanyak 3%. Serentak dengan itu, jumlah penjualan CD kosong pula telah melambung sebanyak 40% pada tahun sudah dan jumlah pengguna Kazaa juga telah meningkat kepada jumlah tiga kali ganda.

Jelas nampaknya, kewujudan Kazaa memberi petanda buruk kepada industri

muzik dunia. Ditambah pula dengan ancaman lanun-lanun cetak rompak, kejatuhan industri muzik dunia sudah seperti tidak dapat diselamatkan lagi. Syarikat rakaman pula pada ketika ini sedang mencari jalan untuk menangani permasalahan ini. Ada di antara syarikat rakaman yang mengambil langkah memperkenalkan jualan melalui internet. Dengan setiap lagu atau klip video hendaklah dibayar dahulu sebelum dapat dimuat turun dan kemudiannya dimiliki.

Untuk mengambil tindakan ke atas Kazaa, mungkin bukan satu cara yang baik yang patut difikirkan. Ini disebabkan undang-undang siber yang tidak seragam antara negara-negara dalam dunia. Dan mana pula yang patut di ambilkan tindakan? Adakah servernya di Denmark, ataupun domainnya di Australia. Pasti juga bukan pemilik perisiannya yang berpangkalan di Estonia.

Menurut undang-undang antarabangsa, keterhadan yurisdiksi boleh mengelakkan seseorang "penjenayah" itu dipanggil sebagai penjenayah. Kepelbagaian polisi sesebuah negara dalam dunia ini juga menyumbang kepada kepayahan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas Kazaa.

Mungkin satu hari nanti kita akan melihat juga kejatuhan industri muzik dunia ini. Dan penyanyi atau artis rakaman perlulah menyanyi seikhlas hati, bukan kerana wang. Menjadi artis juga bukanlah boleh dilihat seperti sekarang. Dunia yang penuh dengan populariti atau glamor. Dan nampaknya persembahan pentas perlulah dijalankan dengan lebih kerap lagi untuk memastikan artis atau penyanyi tersebut mendapat wang mata pencarian.

### Cukup Sudah Main-main

**P**etikan gitarnya benar-benar bertenaga. Pukulan drumnya cukup kemas. Bunyi keyboard dan piano mereka nyata mengesankan. Sese kali bunyi loceng yang kedengaran cukup mendatangkan tanda, bahawa muzik ini bukan datangnya dari sini, namun nyanyian qasidah yang lemah gemalai benar-benar syahdu, menterbalikan agakkan kau tadi. Dan apabila vokal ala-ala King Diamond yang bergabung dengan syair dan alunan koir, qasidah yang cukup mengasyikkan, kau pasti akan merasakan sesuatu benar-benar hebat berlaku. Sesuatu yang mampu buat kau menangis, leleh air mata, syahdu atau paling kurang pun bergenang air mata.

Susunan muziknya amat menarik. Penuh jiwa. Cukup dengan akidah muziknya.

Seperti kata Immanuel Kant, seorang tokoh zaman Renaissance Eropah, pernah mengulas mengenai muzik. Katanya, "Kesan muzik adalah sangat kuat, sangat cepat, ikhlas dan tidak pernah menipu. Manusia telah mendendangkan muzik sejak beberapa abad yang sudah tanpa mengambil kira; kandungannya yang tersirat, mereka enggan untuk mengiktiraf, sesuatu konsep yang abstrak dari yang tersurat, yang terdapat dalam sesebuah muzik".

Dan jika beliau masih hidup, dan cuba mendengar muzik mereka ini, pasti beliau akan tambah yakin berbicara mengenai muzik. Tentu beliau juga akan terpana mendengar muzik mereka yang penuh dengan apa yang beliau maksudkan.

Belum lagi bercerita mengenai liriknya. Liriknya berunsur dakwah, tentu ramai penyanyi nasyid tempatan akan buka mata mendengar lirik-lirik mereka. Terus dan tepat menuju sasaran. Tidak berkias-kias namun pandai menyusun kata. Kelahiran band-band di Malaysia kebanyakannya demi komersialisme. Ya, tentu boleh kalau nak komersial. Tapi janganlah konsumer mahu ditipu. Konsumer berhak mendapatkan yang terbaik dan dalam masa yang sama berhak juga mendapat apa yang mereka berhak dapat.

Apa yang berhak mereka dapat? Dan apa yang tidak berhak mereka dapat? Ini jawapannya: Mereka berhak mendapatkan sebuah band yang cukup bakat dan bersedia untuk terjun berjumpa peminat. Kamampuan bermain seperti Dewa, Gigi, Slank, Padi dan ADA Band dari Indonesia atau kalau mahu lagi hebat seperti Radiohead, Devildriver, Coldplay, Korn, Muse, Audioslave ataupun Spineshank dari barat. Ini barulah band yang baik! Ini tidak main macam orang main-main. Tidak serius, tidak bersedia.

Baru-baru ini saya telah pergi ke beberapa gig dan konsert-konsert tempatan, dan saya lihat terlampau banyak band yang main-main, tidak bersedia dalam permainan

mereka. Tidak payah pergi jauh untuk meneliti muzik mereka, fundamentalnya sahaja sudah cukup. Muzik mereka cukup intipati tiruan, kalau meniru gaya mainan dan kreativiti sahaja bolehlah berkompromi, tapi cukup dengan bunyi dan lagu-lagu mereka tiru. Mana letaknya kreativiti dan kesungguhan? Jangan cakap lagi pasal semangat, tentulah tiada dari awal. Ini nasihat untuk kau (yang mahu form band), "tanya dahulu diri kau, kenapa mahu buat band dan main muzik!?" Namun dalam 'terlampau banyak' band yang seperti saya katakan tadi, yang seperti menuju kebelakang. Tetap ada lagi yang dapat membuktikan pendapat saya salah. Dan masih ada lagi band-band yang mampu menggugat industri muzik negara (tak payah cerita dulu untuk menggugat industri muzik dunia, cukup Malaysia aje), menghasilkan bunyi-bunyi berkualiti dan mempunyai skill (dari latihan dan amalan hari-hari) yang hebat.

Saya mengaku, terdapatnya pertambahan dari segi jumlah band-band muzik tempatan. Tak kiralah dari genre apapun, namun tak sampai sebahagian yang mampu bermain dengan baik. Tak mampu memberi impak yang hebat kepada industri muzik. Skill yang kurang (akibat latihan sedikit), dan kreativiti yang tidak meluas.

Bila orang suruh belajar tak mahu, bila orang suruh berlatih tak nak. Sudahnya apa tujuan korang buat band. Saja-saja... main-main. Kalau macam tu, baik tak payah buat band. Tak payah rekod demo. Persoalan pertama tu harus dijawab dahulu. "kenapa mahu buat band dan main muzik!?" Hey jangan bikin semak industrilah!!

Dan saya pasti mereka-mereka ini (band-band yang tidak mampu bersedia – malas berlatih dan kurang kreatif) pasti akan lenyap satu hari nanti, dan pada masa itu, wujudlah pelbagai alasan kelenyapan mereka ini – dah mendirikan rumah tangga, sibuk kerja dan ada komitmen lain!

Satu lagi persoalan ataupun masalah yang dicipta oleh band-band sekarang, ialah walaupun sudah top, tapi masih belum mampu untuk bermain dengan baik. Kenapa agaknya? Yelah.. kalau sudah top, tentu boleh main dengan baik. Pendengar

ditipu! Ingatkan betul diorang main, tapi guna sessionist!  
Ini semua bahana komersialismelah... band-band yang ada line up handsome-tapi-tak-tau-main memang banyak di Malaysia. Jadi apa muzik yang mereka hasilkan? Tak berjiwa. Tiada kreativiti dan tangkap muat. Tapi hairan jugak, kenapa mereka banyak peminat.

Saya tak mahu salahkan peminat, tapi saya mahu beri pandangan kepada peminat/pendengar. Jadilah seorang warga konsumer yang menilai seni estetika. Bukannya warga konsumer yang telan apa sahaja benda palsu, tak menilai terlebih dahulu mana yang baik, mana yang buruk. Mana intan, mana kaca. Mana bunga plastik, mana bunga betul.

Tapi, saya yakin tujuan untuk buat band yang macam ini, cuma untuk tujuan nak cari duit aje, nak dapat untung. Dan kalau inilah tujuannya, band ini pasti tidak akan wujud lama. Yelah.. nama pun letak nama 'budak', dah tentulah hidup tak lama. Takkan samapi bila-bila nak jadi budak.

Cukup! Tak nak cakap lagi. Saya tentu rasa saya ini, tentang persoalan-persoalan di atas, saya berkongsi bersama dengan Immanuel Kant, jika beliau masih hidup. Lebih baiklah kalau kami terus mendengar muzik dari band yang kami sebutkan awal tadi. Biar aje kami dibuai muziknya yang syahdu, berat, keras, arrangement yang baik dengan pelbagai elemen dimasukkan. Dan kadang-kadang biar aje kami bergurau antara satu sama lain, gelak ketawa bersama – mencuba vokalnya yang ala-ala King Diamond.

### **Membaca Irama Muzik**

**M**

uzik – ini suatu perkataan menarik. Sem menarik apa yang dimaksudkannya. Ia juga mungkin magis bagi peminat-peminatnya. Tambah lagi, peminat yang fanatik. Kata mereka, “Hidup tak lengkap, tanpa muzik”.

Muzik seringkali didengar, tidak dibaca. Itu sudah jadi naturnya. Tapi, kadang-kadang, kita patut juga membaca muzik. Membaca lengkok melodinya. Membaca keindahan iramanya, sehinggalah selengkap-lengkap gabungan sebuah muzik dengan kata-kata – lagu.

Muzik yang bagus, menghantar perasaan, berita, emosi dan ilmu bersama-sama. Ya!

Tidak perlu cuma dengan perkataan sahaja. Muzik yang mandom, sedikit berelemen gothic, slow nak mampos atau tak de semangat, boleh menunjukkan rasa sedih dan simpati ke atas kesedihan orang lain. Begitu juga dengan muzik yang rancak, laju tak ingat, fast can die dan berelemen grinding, muzik sebegini seperti mahu menunjukkan rasa marah, protes atau berontak ke atas sesuatu perkara dan kadang-kadang perkara itu mungkin diri kita sendiri.

Awal bulan sudah, kita di Malaysia didedahkan dengan alunan piano Maksim. Lagu Flight to Bumblebee. Memang dia seorang yang berbakat. Memang dia seorang yang berperasaan. Chemistry antara dia dengan pianonya terlihat, dengan alunan mantap, mainan jarinya tidak pernah silap memetik bar piano kaler hitam putih. Seperti Vanessa Mae lagaknya. Cuma berbeza sedikit dengan Vanessa, dia tidak bermain biola. Tapi dia tidak menghampakan – itu perkara yang dikongsi bersama dengan Vanesa selain daripada bermain instrumental – bakal-bakal peminatnya.

Muzik yang mereka main ini – Vanesa dan Maksim – saya sendiri tidak tahu jenisnya. Rock? Pop? Metal? Jazz? Etnik kreatif? Itu terpulang pada mereka yang mahir mengklasifikasikan muzik. Cuma yang saya tahu, perasaan mereka jelas sampai pada saya. Dan lagi, yang paling penting saya dapat berkongsi perasaan dengan mereka. Apa perasaannya? Itu mungkin subjektif. Berbeza mengikut persepsi yang mendengarnya. Tapi, saya dapat rasakan mereka bukan dalam keadaan sedih. Dan paling pasti mereka tidak memberontak. Yang dapat saya rasakan, perasaan mereka berkecamuk. Bercampur baur. Mungkin marah. Mungkin juga tidak puas hati. Mungkin membayangkan keadaan depress yang mereka alami.

Di Malaysia, selain Okestra RTM cuma sebilangan sahaja artis yang berminat dengan muzik jenis ini. Muzik instrumental. Contoh yang paling baik saya rasa, ialah Jari dan Moram. Malang nasib mereka, muzik mereka tidak diterima oleh

masyarakat di sini. Muzik mereka masih eksklusif.

Persoalannya sekarang, kenapa perkara macam boleh terjadi? Bila kita buat satu muzik untuk sampaikan perasaan kita, masyarakat sendiri tak dapat terima muzik macam itu. Sedangkan bila orang luar buat, mereka lebih dapat sambutan lagi. Agaknya kenapa? Mungkin masyarakat kita bukan ataupun masih belum lagi dapat mengamalkan tabiat membaca muzik. Bukan setakat dengar, tapi lebih lagi – baca dan faham! Seperti membaca buku, apa yang tertulis – tulisan, abjad, perkataan, huruf - adalah sesuatu yang cuma fizikalnya nampak, tapi tanpa menganalisa, menghayati, berfikir serta berpolemik dalam fikiran, pembaca cuma melihat apa yang tertulis – abjad-abjad yang tersusun menjadi ayat, seterusnya ayat-ayat yang tersusun menjadi paragraf dan dari paragraf-paragraf ini tercipta satu karangan - secara lahiriah sahaja.

Sama juga halnya dengan muzik. Muzik bukan setakat untuk didengar. Cukup sedapnya sahaja, kira dah boleh layan. Muzik sepatutnya dibaca, difahami apa perasaannya, apa yang mahu disampaikan oleh komposer tersebut.

Pernah dengar lagu Masirah nyanyian M. Nasir? Apabila mendengarnya, saya berkongsi rasa sedih dan kadang-kadang, rasa marah, dendam. Tambah-tambah lagi, dengan kekuatan liriknya berkenaan perjuangan rakyat Palestine demi pembebasan. Lagi itu cukup ramuan. Cuma orang-orang yang enggan membaca muzik sahaja merasakan lagu tersebut kosong.

Sampai bila agaknya, kita cuma mahu jadi pendengar. Memang agaknya, itu realiti masyarakat sekarang, seringkali mengambil yang luarnya sahaja. Dan mereka cukup puas hati dengan semua ini. Namun, mungkin mereka kurang sedar, bunga plastik yang cantik, tidak punyai nilai-nilai estetika tersendiri. Melihat sebenarnya adalah untuk merasai. Bukan setakat di mata, tapi terus ke hati. Bagai ungkapan, "dari mana datangnya cinta, dari mata turun ke hati".

Kefahaman tentang muzik bukan setakat mengetahui apa jenis muzik tersebut, malahan mengetahui juga perasaan yang mahu dibawa oleh sesuatu muzik. Immanuel Kant, seorang tokoh zaman pencerahan Eropah, pernah mengulas mengenai muzik. Katanya, "Kesan muzik adalah sangat kuat, sangat cepat, ikhlas dan tidak pernah menipu. Manusia telah mendendangkan muzik sejak beberapa abad yang sudah tanpa mengambil kira; kandungannya yang tersirat, mereka enggan untuk mengiktiraf, sesuatu konsep yang abstrak dari yang tersurat, yang terdapat dalam sesebuah muzik".

Sama ada kita mahu terus mendengar muzik, itu terpulanglah. Tapi sekali mendengar, pastikan turut membacanya.

### **Sindiket SMS dan Rancangan Mencari Bakat**

**P**ra penulisan: Terkejut dengan situasi sekarang. Limpahan rancangan mencari bakat dan peraduan berunsur SMS. Penulis berfikir, mungkin American Idol pembawanya. Dan penulis juga berfikiran bahawa ada sesuatu yang di luar pemikiran penulis serta rakyat negara ini telah berlaku. Mungkin ada persekongkolan, mungkin juga ada konspirasi dan mungkin juga sindiket. Semuanya berkemungkinan

---

Ketika menikmati persembahan sepasang peserta menyampaikan lagu Sway (nyanyian Michael Buble – nota: tidak buat rujukan tentang penyanyi asal) dalam sebuah rancangan mencari bakat di stesen televisyen tempatan, saya agak terhibur. Terhibur bukan kerana menikmati persembahan mereka yang hancur, tetapi kerana keharmonian lagu tersebut dan rentak lama yang terasa segarnya.

Juri professional malam itu, bukan calang-calang juga. Nah, punya banyak kelemahan, punya banyak kekurangan. Pasangan tersebut perlu berlatih lagi, mencari pitching yang betul, key yang sesuai dan mengasah kemahiran lakonan bagi membolehkan mereka terus berada dalam pertandingan tersebut.

Seperti pasangan tersebut, pasangan yang lain juga turut menerima komen serta kritikan yang seimbang daripada para juri. Walaupun tidak selancang mulut juri American Idol, namun komen mereka pasti tetap mampu menusuk hati para peserta.

Sejak kebelakangan ini terlampau banyak rancangan seperti ini di kaca televisyen yang percuma mahupun kabel berbayar. Ya, ianya merupakan suatu perkembangan yang sihat, namun semuanya agak mengejutkan saya. Setiap stesen televisyen pasti akan ada rancangan seperti ini dan setiap waktu apabila saya mahu menukar saluran televisyen pasti akan ada iklan: “Undilah saya dengan SMS talian berikut. Saya akan lakukan yang terbaik untuk anda dalam rancangan seterusnya.” Kalau tidakpun, “Suara saya unik dan saya juga mengharapkan untuk menjadi bintang! Maka undilah saya dengan SMS talian ini.”

Begitulah promo serta kempen yang rancak sedang dijalankan di serata stesen televisyen tempatan. Kalau tidak percaya, buka televisyen anda sekarang!

Walau selancang mana sekalipun juri professional dalam rancangan tersebut, namun segala keputusan – kalah menang – masih terletak di dalam tangan penonton/juri awam yang mempunyai telefon tangan. Teknologi menjadi jambatan penghubung bagi mereka ini untuk mengadili para peserta dan memastikan peserta mana yang

patut disingkirkan dan peserta mana yang patut dikekalkan dalam rancangan tersebut.

Maka terjadilah polemik dan terciptalah perdebatan tentang isu ini. Tentang isu baik buruknya pengadilan juri awam berbanding juri professional. Namun disebalik polemik ini ada insan-insan yang bersuka gelak ketawa mengaut keuntungan, mengeksploitasi bakat-bakat baru yang pada asalnya mampu menggegarkan arena seni tempatan.

Jadinya, wujudlah seniman-seniman baru yang terbengkalai – hidup dan bakatnya. Ini persoalan utama, berapa sangat bakat-bakat baru ini yang berjaya diketengahkan oleh rancangan-rancangan tersebut dan mampu bertahan sehingga kini. Kirakanlah dan bandingkan jumlahnya dengan bakat-bakat yang dicungkil melalui sesi ujibakat-ujibakat biasa yang dijalankan oleh syarikat rakaman. Ya, mungkin terlalu awal untuk menghakimi keberkesanan rancangan seperti ini – rancangan cari bakat berasaskan SMS juri awam. Vince boleh dianggap sebagai pelopor. Dan sudah pasti beliau menjadi prototaipnya dan keberjayaan Vince dan kemampuannya untuk bertahan selama yang mungkin pasti akan menjadi bukti yang menolak hujah-hujah saya.

Pun begitu, saya tetap tidak menafikan rancangan tersebut punya kepentingan tersendiri dalam menjayakan arena serta industri muzik tempatan. Tetepai cara pengendalian dan penggunaan teknologi SMS untuk tujuan komersial dan keuntungan boleh merosakkan keberkesanan rancangan tersebut. Persekongkolan pengendali khidmat SMS, syarikat telekomunikasi serta stesen televisyen mampu menjadikan rancangan yang pada mulanya bertujuan mencari bakat, menjadi sebuah lubang keuntungan segelintir kolomengrat yang tidak mengenal langsung erti keluhuran serta kehalusan sesebuah hasil seni.

Bukankah keuntungan dan komersial tidak mengenali apa itu seni atau estetika? Yang dipentingkan ialah apa sahaja yang boleh mendatangkan keuntungan. Bunga betul lebih cantik dan punya nilai yang tersendiri, bandingkan dengan bunga plastik – tiada nilai. Begitu juga dengan muzik yang

dimainkan secara langsung menggunakan tenaga manusia, ianya lebih seni jika mahu dibandingkan dengan muzik yang dikomputerkan atau muzik dengan bantuan elektronika. Pihak yang mahukan keuntungan pasti akan memilih jalan mudah dengan menggunakan alat-alat yang artificial ini – bukan-manusia – dan menjualkan lagu-lagu mereka untuk mendapatkan keuntungan maksima daripada lagu-lagu tersebut. Untuk mendapat keuntungan daripada sebuah orkestra mungkin agak sukar dan saya rasanya tidak perlu lagi menjelaskan tentang pembahagian bayaran mereka-mereka yang terlibat.

Kaitannya dengan rancangan ini amatlah sesuai. Pergi mampos dengan seni atau bakat, untung itu lebih penting! Dan lebih tinggi untung, lebih baik lagilah rancangan tersebut. Disambung untuk dua tiga musim lagi – kolomengrat jadi lebih besar!

Maka menangislah para penonton melayan perasaan hiba, emosi yang kecewa dengan pemilihan mereka sendiri. Mengalirlah air mata pilu menghadapi situasi di hadapan mereka. Peserta pilihan mereka tersingkir daripada rancangan daripada pertandingan yang mereka sertai. Dan bagi para peserta, mereka menangis sesama mereka. Esak dan airmata bergelincangan menjadi rintihan buat mereka ini yang masih belum tahu cerah atau gelapnya masa depan mereka dalam arena seni tempatan..

Pasca penulisan: Selepas dimenungkan dan diteliti hasil tulisan di atas, penulis berharap agar apa yang ditulisnya tidak benar. Penulis juga memohon maaf terlebih dahulu jika hasil tulisannya boleh dianggap berniat jahat kepada konglomerat dan mereka-mereka yang terlibat. Penulis selain itu berharap mahu ada lagi perimbangan antara seni dan keuntungan.

---

### **Muzik dan Erti Komitmen**

**F**ilemnya masih diminat hingga kini. Lagu-lagunya popular bukan sahaja ketika beliau masih hidup. Beliau memang seorang yang sangat istimewa. Menjadi idola jutaan peminatnya dan menjadi inspirasi kepada anak-anak muda masa kini.

Penulis juga terinspirasi dengan beliau. Terinspirasi untuk mula menulis artikel ini. Jika beliau masih hidup hendak sahaja penulis berjumpa dengan beliau, menyatakan kekaguman yang tidak terperi, mengucap tahniah dan berbual-buala dengan

beliau bertanyakan tentang rahsiaan kejayaan beliau.

Untuk mencari penggantinya, amatlah payah. Mungkin sampai akhirnya tiada yang mampu menjadi pengganti. Tidakkah ini berlawanan dengan pepatah lama orang-orang Melayu – patah tumbuh hilang berganti. Atau mungkin tidak sesuai lagi pepatah tersebut.

Lagu-lagu ciptaannya mendahului zaman. Dan filem-filemnya tidak terlawan oleh pembuat-pembuat filem masa kini. Tentu beliau kecewa menyaksikan pewaris-pewarisnya menghasilkan filem-filem dan lagu-lagu yang cukup membosankan.

Begitulah mungkin perasaan P. Ramlee – kecewa melihat tiada pembangunan dalam seni tanah air. Dan P. Ramlee mungkin akan bersetuju dengan penulis bahawa setiap bidang yang mahu diceburi memerlukan komitmen yang tinggi daripada mereka yang mahu mencebur sesuatu bidang – terutamanya seni – muzik!

Setiap perjuangan perlukan komitmen. Ia merupakan perkara asas sesebuah pergerakan ataupun individu mesti miliki. Dan jika perkara itu tiada, maka dari awal lagi pergerakan tersebut ataupun individu yang memperjuangkan sesuatu isu akan bisa mengenal erti kecundang. Maka begitulah kita lihat kejayaan yang terhasil daripada komitmen yang tinggi daripada sesuatu pergerakan atau ahli-ahli dalam pergerakan tersebut dan begitu juga individu-individu yang memperjuangkan sesuatu isu.

Lihat sahaja kejayaan Dato Onn bin Jaafar yang memperjuangkan kemerdekaan negara. Begitu juga dengan kejayaan Revolusi Bolshevik yang menumbangkan kerajaan Tsar di Rusia dan kejayaan junjungan besar Muhamad SAW menawan Mekah dengan jalan damai.

Inilah perkara asas. Perkara asas atau tapak untuk naik ke peringkat lebih tinggi lagi – komitmen. Komitmen - suatu perkataan yang cukup berkuasa (dan penuh makna).

Ceburilah bidang apa saja, jika mahu capai impian dan mahu berjaya dalam hidup perkara inilah yang patut dititik beratkan. Mencari tidak semudah berusaha untuk mencari. Jika komitmen yang kau cari maka komitedlah dalam pencarian.

Dan sebagai karyawan dalam memperjuangkan muzik, seseorang itu perlukan perkataan ini dari sifatnya sendiri. Sebagai karyawan yang mempunyai komitmen pasti akan komited pada perjuangan seninya. Dan jika dia benar-benar komited, maka muziknya pasti akan didengari, semangatnya pasti akan diikuti dan kata-katanya pasti akan dihayati.

Kita mampu menilai komitmen seseorang dengan apa yang telah dihasilkan oleh orang tersebut. Jika hasilnya penuh lesu, sebu dan tidak bermaya, begitulah juga dengan koitmennya terhadap apa yang mahu dihasilkan, Tentu komitmen yang lesu, sebu dan tidak bermaya atau dalam kata lainnya tidak komited!

Hasil karya pemuzik tanah air, pada pendapat penulis masih belum mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Mungkin juga masih lesu. Perkara ini mencerminkan bahawa pemuzik tanah air masih belum cukup memperlengkapkan diri dengan perkataan komitmen ini, atau mungkin sahaja belum pernah mengerti apa yang dimaksudkan dengan perkataan ini. Ya, jika kau (pemuzik – terutamanya bakat baru) mahu tahu apa erti perkataan ini, bertanyalah kepada Eric Clapton, Paul McCartney dan kawan-kawan dalam Beatles yang masih hidup, Bob Dylan, Elton John dan beberapa lagi karyawan muzik yang telah berjaya di luar negeri. Atau kalau terasa jauh sangat mereka-mereka itu, tanya sajalah kepada Andy Peterson, Josie Thomas, Ahmad Nawab, M. Nasir, Tan Sri SM Salim dan orang-orang lama dalam bidang muzik tanah air. Mereka pasti ada jawapannya.

Pun begitu, mampukah kau untuk komited – mengekalkan komitmen? Tengok cermin dan tanya pada diri sendiri: Betulkah aku mahu berjaya? Dan jawab sendiri pertanyaan kau: Aku perlu komited! Dengan cara tegas dan tiada berpatah balik. Terus

berusaha, melihat puncak kejayaan bagai suatu tujuan yang hendak dicapai.

Kita masih belum mampu mencipta identiti sendiri melalui muzik. Itu juga sakit ertinya bagi industri yang mula mahu berkembang. Kita masih terikut-ikut dengan trend dan jauh sekali menjadi pencita trend. Lihat sahaja dahulu ketika naiknya zaman hip hop. Jenguk sebentar ketika zaman naiknya muzik-muzik dari Indonesia. Karyawan-karyawan muzik kita berebut-rebut mahu meniru muzik-muzik mereka ini. Maka terciptalah muzik yang tiada jiwa, capek, lelah dan sakit. Tiada idea baru dalam penciptaan lagu-lagu dan jalan keluarnya mengikut dan meniru. Maka terciptalah, boneka pemain muzik yang memainkan jenis muzik yang orang lain cipta. Dan sekarang yang lebih teruknya boneka itu seperti boneka sakit!

Begitulah pemuzik negara. Dan perkara ini jelas datangnya daripada perkataan komitmen itu sendiri. Tidak komitedlah ertinya!

Jika kau mahu terus hidup wahai pemuzik dalam dunia tanpa batasan, globalisasi yang menular dunia pada masa kini, perlulah kau persiapkan diri kau dengan komitmen ini. Dan keperluan untuk komited. Jika tiada dalam diri kau perkara-perkara ini maka lupakanlah hasrat kau untuk menjadi seorang karyawan muzik berjiwa besar dan berjaya dalam lapangan kau ceburi. Dunia moden masa kini mengkehendakkan kau menjadi seorang yang komited dan berkomitmen.

Dan P. Ramlee sudah melakukannya pada zama yang lebih awal lagi daripada zaman sekarang. Hasilnya lihat kejayaan beliau. Seniman teragung tanah air. Moga-moga rohnya dicucuri rahmat dan bertemu tuhan dengan mendendangkan hasil-hasil ciptaanya, bernyanyi dan bersiulan di syurga bersama bidadari-bidadari anggun tidak terpei. Al – Fatihah.

### **Selamat kembali seniman jalanan**

**S**ementara menanti seorang kawan yang sudah lama tidak ketemu, penulis lepak dahulu di Central Market atau Pasar Budaya. Mencuci mata melihat panorama yang indah dan melayani "buskers" bermain muzik di situ. Dan mereka (buskers) memang menghiburkan.

Dari lagu yang sudah biasa kita dengar, hinggalah ke lagu mereka sendiri (mereka mempunyai album sendiri), setiap hari pasti

mereka takkan jemu menghibur orang ramai yang lalu lalang di situ. Dan mereka berbuat demikian demi untuk mengisi perut dan poket yang kosong.

Agaknya, kenapa mereka tidak merakamkan lagi lagu-lagu mereka. Pasti dapat lebih banyak duit. Tidaklah jadi macam sekarang, mengharapkan seringgit dua ringgit daripada penonton sahaja. Mungkin disebabkan prinsip. Ataupun disebabkan pegangan. Mungkin juga disebabkan pandangan.

Mereka yang macam ini ada yang tak yakin dengan muzik mereka. Dan ada juga yang tidak percaya pada syarikat rakaman dan pengguna negara ini, takut-takut kalau nanti ditipu. Jadi mereka ambil keputusan main tepi jalan, jadi seniman jalanan!

Sesetengah khalayak menganggap pekerjaan ini sebagai orang minta sedekah. Mengemis. Sesetengah lagi anggap pemuzik jalanan ini bukan suatu kerja yang boleh menjamin masa depan, tambah-tambah lagi buat mereka yang sudah berkeluarga. Kais pagi, makan pagi dan kais petang, makan petang. Mereka yang jenis ini, sentiasa berdo'a supaya anak mereka tidak menjadi seniman jalanan, nanti takde life -- hidup susah. Yang nyata dan boleh dibuat kesimpulan, mereka ini kadang-kadang memandang hina kerja ini.

Penulis amat terhibur dengan persembahan "buskers" itu. Tambah lagi mereka menyampaikan sebuah lagu karang M.Nasir bertema Di Jalan Sesat. Bagi penulis lagu itu layak didendangkan secara tanpa palam. Penulis menghulurkan dua keping syiling emas kepada mereka. RM2 untuk enam buah lagu. Mahal juga! Cuba kira betul-betul, RM2 untuk enam buah lagu yang sekali sahaja dimainkan.

Bayangkan jika ada dua puluh orang yang mendengarnya. Dapat RM40. Banyak tu. Jika nak dikira dalam masa sehari. Itu pun penulis bagi wang RM2. Jika penulis bagi lebih lagi. Mungkin lebih lagi yang mereka dapat. Dan jika "buskers" itu menyanyi dan mengutip wang di tempat yang ramai orang, tentu lebih lagi yang mereka perolehi.

Namun, suatu masa nanti pandangan jelek terhadap seniman jalanan ini mungkin akan berubah. Sekarang, kejatuhan industri muzik dunia sudah mula kelihatan. Dengan serangan dari pengeluar-pengeluar muzik cetak rompak. Sudah cukup boleh mengesengarkan industri muzik dunia. Belum lagi perkhidmatan muat turun secara percuma oleh pengguna internet ke atas produk-produk muzik penyanyi-penyanyi popular dan terkemuka dunia.

Tambah-tambah lagi dengan kewujudan Kazaa -- sebuah syarikat yang menyediakan software atau perisian secara percuma untuk memuat turun segala macam lagu-lagu terbaru dan klasik dari seluruh dunia atau video muzik-video muzik artis pujaan mereka. Sebutkan sahaja lagu-lagu apa yang anda hendak. Lagu klasik seperti Sway (yang bermacam versi), video muzik kugiran metal Luca Turilli atau pun wawancara dengan Tom Morello, ada, boleh didapati melalui Kazaa ini.

Nasib Kazaa begitu baik, kerana cubaan untuk mengenakan tindakan terhadap mereka seperti Napster (sebuah lagi syarikat seperti Kazaa) gagal. Metallica berjaya menyaman Napster, namun pada 2 Oktober 2001, gabungan beberapa buah syarikat rakaman, artis dan syarikat perfileman dunia telah gagal dalam saman mereka terhadap Kazaa.

Berbeza dengan Napster, Kazaa tidak menyediakan lagu-lagu atau klip-klip filem dari server mereka untuk dimuat turun oleh pengguna, sebaliknya Kazaa cuma menyediakan perisian untuk perkongsian fail dokumen, bagi membolehkan kesemua penggunaanya berkongsi koleksi muzik atau koleksi klip video sesama mereka.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Kazaa ini telah menyebabkan penjualan CD enam bulan pertama tahun 2002 jatuh sebanyak 11%, dan tahun sebelumnya sebanyak 3%. Serentak dengan itu, jumlah penjualan CD kosong pula telah melambung sebanyak 40% pada tahun sudah dan jumlah pengguna Kazaa juga telah meningkat kepada jumlah tiga kali ganda.

Syarikat pekomputeran terkenal Apple juga telah menambahkan lagi parah artis-artis

dan syarikat-syarikat rakaman dunia dengan mengeluarkan produk-produk terbaru mereka yang lengkap dan multifungsi. Berslogankan Rip, Mix, Burn (ambil, adun dan rakam), mereka, seperti dalam majalah Wired edisi Februari tahun ini, seakan menterjemahkan "Fuck you, record labels!" (Pergi mampus, syarikat rakaman!)


Dan percakaran atau 'perang saudara' antara Sony Music dan Sony Corporation juga belum nampak lagi kesudahannya. Undang-undang yang melindungi hak cipta Sony Music telah menjadi halangan besar ke atas kemajuan teknologi yang mahu dicipta Sony Corporation. Bagaimana mereka mahu menyelesaikan masalah-masalah ini? Bukan kita yang patut jawab.

Serangan pengeluar cetak rompak sudah pasti tidak akan lumpuh. Muat turun secara percuma di internet juga makin lama makin membiak. Jualan CD kosong akan terus naik. CD Audio yang original hanya akan laku bila harganya sama dengan yang cetak rompak atau apabila pihak pengedar turun ke merata jalan, ke kedai mamak atau tempat di mana terdapat ramai orang.

Ini nasihat untuk artis tempatan. Tak payahlah susah-susah menangis, merayu peminat jangan membeli CD cetak rompak. Tak payahlah sibuk-sibuk nak buat konsert anti lanun cetak rompak. Muzik industri nampak seperti tidak akan tahan lama. Lupakan sahaja. Yang kembali, pasti akan kembali!

Dan zaman ini, adalah zaman kembalinya seniman jalanan.

### **Marcos, Zapatista dan isu semasa dalam lagu**



ewat beberapa bulan sudah kelibat Subcomodante Marcos kembali mewarnai kamera dan perkampungan La Realidad sekali lagi popular, menjadi tumpuan media. Zapatista bertekad akan menyertai politik negara Mexico. Dan juga bertekad akan memenuhi kamera-kamera media dengan wajah mereka yang bertopeng. Penulis agak orang yang paling gembira, tentunya Zach De La Rocha, frontman dan

personal utama kugiran (the late) Rage Against the Machine.

Dalam klip video lagu People of the Sun, Rage Against the Machine ada menyelitkan visual kata-kata simpati untuk Zapatista pada akhir dan juga dimerata-rata tempat di dalam klip video berkenaan.

Mungkin ada yang masih ingat lagi, perhimpunan muzik terbesar dunia. Dan ada yang masih ingat lagi kelahiran the Beatles, Grateful Dead, Pink Floyd, individu seperti Bob Dylan, John Baez dan ramai lagi. Perhimpunan itu berlaku kerana kekecewaan yang teramat sangat kepada penghantaran tenaga-tenaga muda menyertai skuad tentera Amerika Syarikat di Vietnam. Rakyat AS membantah penghantaran yang ternyata sia-sia – kerana kekalahan.

Nama-nama yang penulis sebut sebelum ini, merupakan nama yang tidak asing lagi dalam menyatakan ketidakadilan dunia. Sementara nama seperti Rage Against the Machine, Coldplay, U2, Starsailor, Chumbawamba, Henry Rollins, Jello Biafra, N.O.F.X, Bad Religion, Incubus, Massive Attack dan banyak lagi merupakan antara nama yang terpahat sebagai kugiran dan individu yang menjalankan aktiviti kemanusiaan serata dunia di kala ini.

Seperti penghantaran tentera AS ke Iraq, Michael Moore pembikin doku-drama Fahrenheit 9/11 menyatakan bantahan di dalam doku-drama tersebut. Begitu juga dengan artis-artis yanglibat di dalam konsert Live 8 mereka membantah usaha-usaha sesetengah pihak yang dikatakan menindas lapan negara termiskin dunia.

Rage Against the Machine (R.I.P) sememangnya juara bagi aktiviti-aktiviti kemanusiaan ini. Perjuangan mereka berasaskan ideologi Marxisme. Dan di dalam di dalam setiap konsert, klip video dan barangan lain, pasti ada imej Che Guevera – seorang pejuang Marxisme. Che Guevera – salah seorang orang kuat kerajaan Cuba, komunis, pimpinan Fidel Castro – Menteri Kewangan kerajaan Cuba dan mati tertembak – tidak tahu siapa yang menembaknya – kerana idea-idea

ekonominya yang bertentangan dengan kerajaan Cuba semasa itu.

Che Guevera bukan sahaja ikon bagi faham Marxisme, tetapi perjuangan berterusan menggapai kebebasan. Waktu akan terus menjadikannya sejarah dan waktu juga menjadi bukti bahawa beliau mati kerana idea-ideanya yang bertentangan dengan komunis iaitu kerajaan Cuba itu sendiri.

Dua tahun sudah Coldplay yang dianggotai oleh Chris Martin (vokalis), Johnny Buckland (guitaris), Guy Berryman (basis) dan Will Champion (drummer) telah mengadakan dua buah konsert sempena kempen "Make Trade Fair" (Hasilkan Urusiaga Adil) yang dikepalai oleh British Charity Oxfam untuk menyambut mesyuarat WTO (World Trade Organization atau Pertubuhan Perdagangan Dunia) yang telah dijadualkan diadakan minggu berikutnya di sebuah pekan resort Cancun.

Menurut Reuters, "petani-petani di negara-negara membangun seperti Mexico, berkata mereka tidak mampu bersaing dengan subsidi berharga berjuta ringgit yang diperolehi oleh petani-petani di negara-negara maju, terutamanya petani di negara seperti Amerika Syarikat."

Martin dan Buckland kemudiannya menuju ke Cancun pada hari Selasa, minggu selepas mengadakan konsert, untuk berjumpa dengan orang kuat WTO, Supachai Panitchpakdi dan akan memberikan petisyen berjumlah 3 juta tandatangan. Petisyen itu dikenali sebagai Big Noise (Gangguan Besar).

Usaha negara-negara maju untuk memaksa negara-negara membangun membuka pasaran mereka, tapi dalam masa yang sama mereka (negara-negara maju) masih mengekalkan subsidi kepada industri-industri mereka. Ini menjadikan negara-negara membangun ini sukar untuk bersaing oleh kerana tidak mendapat subsidi sebesar negara maju dapat.

Coldplay mungkin akan menjadi duri dalam daging kepada usaha membuka pasaran atau globalisasi tajaan negara-negara kapitalis dan syarikat-syarikat multi nasional corporation, memandangkan mereka

menurut Martins, cuba untuk menjadi agen penyedar, terutamanya kepada peminat-peminat mereka tentang kemiskinan dan kepayahan hidup manusia-manusia di negara-negara membangun, apatah lagi negara-negara miskin.

Mengikut laporan berita reuters tersebut, mungkin Coldplay tidak mampu untuk mengubah dunia, tapi cukuplah sekadar ada peminat yang sedar tentang kemiskinan di luar negara mereka.

Tidak ketinggalan mereka yang berada di negara jiran turut memutarakan lagu mereka yang berkait dengan isu semasa. Sebagai contoh grup Project Pop, Ahmad Band, Dewa dan Iwan Fals. Ahmad Band – sebuah kugiran pojek oleh Ahmad Dhani dari kugiran Dewa -- memutarakan lagu-lagu seperti Impotent, Distorsi, Ode Buat Extremis, Interupsi, Rahasia dan Dimensi yang melewati masalah-masalah sosial setempat.

Sementara Lagu Cinta Adalah Misteri – daripada kugiran Dewa -- pula menceritakan tentang ketaksuban dan kefanatikan pelampau atau fundamentalis Islam. Kerana Cinta kepada Allah sanggup melakukan apa sahaja, termasuklah ingkar dengan larangannya.

Iwan Fals seperti yang kita semua ketahui memperjuangkan lagu-lagu kerakyatan seperti Sudah Gila, Apa Kamu Sudah Jadi Tuhan, Surat Untuk Wakil Rakyat, Mbak Tini, Hadapi Saja dan banyak lagi. Iwan Fals turut dinobatkan sebagai Pahlawan Asia oleh majalah Majalah Time (Edisi Asia) atau Hero of Asia pada susuk ini dan ia (susuk ini) telah menjadi cover untuk majalah berkenaan untuk keluaran tahun 2002.

Di Malaysia juga ada terdapat penyanyi yang menyanyikan lagu-lagu yang bersifat semasa. Contohnya seperti M.Nasir, Ito, Ramli Sarip, Koprata, KRU, Search, Lefthanded, Wings, Zainal Abidin, Redang, Yassin dan ramai lagi. Mereka menyanyi lagu-lagu yang menyentuh isu-isu semasa.

---

## **Akhbar Mahasiswa**

### **Survival Cinta Rakyat di Paloh**

**S**

Seorang Bintang Tiga memerhatikan gelagat Pak Arifin dan kawan-kawannya sedang bermain gambus di atas pangkin tempat mereka selalu sembahyang dan berehat-rehat. Nampak sekali dia tersenyum, mungkin hatinya terhibur.

Sebagai mana Bintang Tiga itu terpicat dengan, mainan gambus Arifin Nur, begitulah juga hati saya terpicat dengan filem Paloh arahan Adnan Salleh. Walaupun kualiti bunyi, kesan khas dan sinematografinya ada sedikit kelemahan. Namun kekuatan lakonan dan skripnya, dibantu pula dengan plot (jalan cerita) yang berbetuk substructure menenggelamkan segala kelemahan filem tersebut. Hingga menyebabkan saya menontonnya berulang-ulang kali.

Ramai yang saya tanya mengatakan susah untuk memahami filem ini jika cuma sekali tonton. Saya juga mengaku hal tersebut. Kali kedua saya tonton, barulah faham sedikit plotnya. Plotnya mungkin berterabur tetapi ianya unik sekali, memandangkan jarang filem tempatan yang berbuat demikian. Mungkin inilah pembaharuan. Dan harapnya filem-filem lain juga berani untuk melakukan pembaharuan sepertimana filem Paloh ini.

Dari segi lakonan, filem ini tidak mempunyai banyak masalah. Memandangkan pemilihan pelakon adalah daripada pelakon-pelakon yang nyata mempunyai bakat. Nam Ron jelas sekali tidak mempunyai masalah dalam lakonannya. Title sebagai pengarah teater antara yang terbaik jelas memang layak baginya.

Pemilihan lain-lain pelakon seperti Janet Khoo, Elly Surtiati dan Adlin Ramli, memang suatu pemilihan yang tepat.

Filem ini juga adalah filem tempatan pertama yang saya perhatikan berani untuk mengajak kita berfikir semula tentang komunis sebagai pejuang kemerdekaan, melawan penjajah tak kira Jepun ataupun Inggeris. Teliti dialog berikut, dialog yang diucapkan Ariffin Nur kepada anaknya Fatimah. "Mati Puteh, sia-ia sahaja. Lebih baik mati sebagai komunis. Paling tidak komunis mati mempertahankan hak kita."

Dan ia merupakan, satu-satunya juga filem yang menunjukkan perjuangan bekas-bekas pejuang dalam Kesatuan Melayu Muda yang mahu berpakat dengan komunis. Mungkin kita tidak didedahkan sangat dengan perjuangan mereka. Atau mungkin kita

terlalu terdedah dengan perjuangan UMNO yang juga berapi-api menuntut kemerdekaan.

Nama Marx, Lenin, Mao Tze Tung, Syeikh Ahmad Abduh juga tidak segan silu disebut. Dialog-dialog di dalamnya pun penuh berisi dan ini saya perhatikan kurang terdapat dalam filem-filem tempatan. Filem luar, terutamanya filem dari Hollywood, Iran, Perancis, Korea, Thailand dan Indonesia banyak berbincang tentang itu semasa, pertikaian ideologi, sejarah dan ilmu pengetahuan. Filem-filem mereka juga bukan setakat untuk tujuan hiburan, malahan kadangkala punya mesej tersirat.

Di sebalik suasana perang (perebutan kuasa antara Inggeris-Jepun) dalam filem ini, survival rakyat yang tersepit di celah-celah gajah yang bergaduh, diperlihatkan dengan tegas. Bagaimana mereka yang bersifat tidak radikal telah mengambil keputusan untuk tidak mencampuri keradikalan mereka-mereka yang radikal. Tindakan Ahmad, Puteh, Harun dan rakan-rakan mereka dalam paku polis Jepun dapat dilihat untuk melepaskan diri dari keganasan perang. Mungkin cara mereka bagi sesetengah pihak adalah seperti pengkhianat, namun itu terpaksa mereka lakukan demi kerana masa depan mereka dan orang-orang yang mereka sayang.

Selain itu, terselit juga kisah cinta antara dua bangsa - Ahmad yang Melayu bercinta dengan Siew Lan yang Cina. Percintaan mereka seperti mahu menggambarkan jambatan keakraban yang patut dibina kukuh antara kaum Melayu dan Cina di negara ini. Dan gambaran ini jelas sekali dengan terwujudnya watak Usman yang peranakan Cina dan Melayu. Dengar semula dialog yang diucapkan Ah Meng kepada Ahmad, "Sebelum Jepun datang ke sini, orang Melayu sama orang Cina ada gaduh? Tak pernah." Memang selalunya orang luar terutamanya penjajah, gemar memecah belahkan kesatuan dalam negara yang mahu dijajahnya. Dan bertitik tolak dari situ, dasar pecah dan perintah Inggeris sampai ke hari ini telah membawa perpecahan secara tidak nampak atau terpendam antara kaum Melayu dan Cina.

Filem ini juga diwarnai dengan jenaka dan adegan lucu. Namun demikian ianya bukan lawak slapstik atau lawak yang merendahkan maruah orang lain. Cukup sekadar lawak situasi orang-orang Polis Jepun. Saya amat tertarik dengan lakonan Adlin Ramli. Bersahaja dan berkesan. Selamba dan amat memuaskan. Dua babak yang pati akan membuat penonton ketawa, babak di stesen keretapi ketika Sarjan lakonan Adlin cuba melengah-lengahkan keretapi untuk menolong Ahmad. Dan babak kedua, ialah ketika Balai Polis Paloh didatangi pelawat iaitu seorang pegawai Tentera Jepun berpangkat tinggi. Masing-masing anggota Polis Jepun termasuklah Ahmad, Puteh dan Sarjan cuba menipu pegawai tersebut dan penipuan mereka berjaya.

Tabik saya pada Adman Salleh dan Filem Negara kerana menghasilkan filem tempatan yang bemutu. Dan tabik saya juga pada perjuangan Arifin Nur dan rakan-rakan mereka di hutan. Mainan gambusnya tidak sumbang, malahan menjadi semangat kepada pejuang-pejuang kemerdekaan untuk terus berjuang demi agama, bangsa dan tanah air. Rentak zapinnya juga berseni ibarat rentak juangnya yang terus bersemangat mahu memerdekakan diri dan negara.

### **Islam Sekular**

**J**

elas, manusia mengenal sekular ketika zaman reformasi agama Eropah. Zaman gelap pula mengenalkan manusia dengan kongkongan agama dan salah gunanya terhadap sistem pemerintah. Masyarakat ditindas dengan alasan agama, dihadapkan ke majlis inkuisisi dan penghukuman tidak boleh disangkal

disebabkan hukuman tersebut datang daripada tuhan.

Dalam Islam, sekular dianggap taboo politik - terutamanya bagi rakyat negara ini. Sekular boleh dianggap kafir, sistem bukan Islam dan menolak agama. Tetapi sejauh manakah benarnya kenyataan-kenyataan ini.

Sekular boleh didefinisikan sebagai sebuah sistem pemisahan antara agama dengan kerajaan sesebuah masyarakat. Agama cuma pegangan moral penganutnya, tidak lebih daripada itu - ataupun mengjangkau jauh hingga ke aspek pentadbiran sesebuah negara.

Secara terang saya menyokong pemisahan agama dengan dunia. Ini sejajar dengan hadis nabi (yang dipegang oleh penganut mazhab sunnah Imam Shafie a la Malaysia). Ulama perlulah menasihati umarak.

Dalam dunia tanpa sempadan ini, di mana umat Islam hebat dihentam akibat daripada sebilangan umatnya yang ekstrim, penentangan umat terhadap eksterimisme amatlah perlu. Kejadian letupan bom berani mata pada hampir setiap hari, amatlah dikesali kerana kebanyakan pengebom berani mati itu terdiri daripada orang-orang Islam.

Menurut Samuel Huntington dalam bukunya Clash of Civilisation, barat akan menentang Islam selepas jatuhnya komunis yang dahulunya mengimbangi dunia daripada blok kapitalis.

Entiti ulama perlulah diasingkan daripada entiti umarak (pentadbir). Entiti ulama perlulah menasihati entiti umarak jika pentadbiran melakukan perkara terkutuk dari sudut agama.

Hudud adalah sebahagian kecil yang dituntut Allah. Banyak lagi perkara yang dituntut Allah seperti dakwah Islamiah.

Ingatkah kau bahawa Saidina Umar dan Saidina Uthman pun pernah menggantung hudud.

Penyokong sebuah parti pembangkang tidak menyifatkan Malaysia sebagai sebuah

negara Islam yang berdaulat. Tahukah kau (penyokong sebuah parti pembangkang) apakah maksud negara Islam? Tiada jawapan yang muktamad bagi soalan ini dan begitu juga dengan negara Islam. Terdapat ulama yang berpendapat bahawa negara Islam ialah negara majoriti berpenduduk Islam. Penulis berpendapat yang sama dengan pendapat ulama berkenaan.

Jadi Malaysia bagi penulis ialah sebuah negara Islam tidak seperti pendapat blog penulis yang pro parti itu atau yang mahu menegakkan negara Islam yang berdaulat.

Daulat bermaksud diiktiraf dan jika kita ikut definisi dulu-dulu kerajaan Melaka berdaulat akibat diiktiraf oleh negeri China. Bukankah Malaysia diiktiraf dunia sebagai salah satu daripada negara Islam?

Sheikul Almarhum Abul Hassan Ali An Nadwi yang terkenal pernah berkata bahawa dia bersyukur dilahirkan di India dan menetap di negara sekular India daripada tinggal di negara Islam Pakistan. Sheikul berkenaan pernah menjadi tetamu kehormat parti pembangkang itu.

Kalau tidak silap penulis ada sebuah hadis yang mengatakan bahawa lebih baik membebaskan 99 pesalah daripada menghukum 1 pesalah. Bukan calang-calang orang boleh menghukum dengan hukuman had. Mungkin dia seorang nabi. Atau mungkin juga dia maksum seperti nabi.

Nabi pernah bersabda bahawa perbezaan pendapat adalah satu rahmat bagi umatku. Jadi tertubuhnya parti kerajaan adalah rahmat bagi rakyat Malaysia.

Salah satu daripada tujuan parti berkenaan ialah menubuhkan negara Islam. Tujuan parti berkenaan baru sahaja ujud. Ketika di awal penubuhan parti berkenaan tiada disebut tentang tujuan parti itu seperti hari ini. Tiada dalam perlembagaan parti berkenaan, menyatakan ingin menubuhkan negara Islam. Dulu tiada, tetapi sekarang ada. Lebih elok jika kita umumkann secara rasmi apa yang kita nak buat.

Saidina Umar pernah mengambil hukuman penjara dari romawi bagi kerajaannya. Syariah Islam membolehkan kita mengambil

sistem bukan Islam asalkan ia tidak bertentangan dengan Islam.

Sepatutnya umat Islam menegakkan negara Islam dan daulah Islamiah di dalam dirinya. Hukuman hudud dilakukan ke atasdirinya sendiri jika bersalah. Ini tidak bermakna menghukum 100 kali sebatan jika melakukan zina. Jangan melakukan zina, barulah tertegaknya negara Islam di dalam diri


Nabi juga pernah bersabda bahawasanya bagilah dunia kepada dirimu sendiri dan agama kepadaku..

Imam Hanafi merupakan salah seorang daripada imam mazhab fekah mazhab Sunnah wal Jamaah mati di dalam penjara akibat tidak mahu kitab-kitab tulisannya diangkat menjadi undang-undang negara. Dia tidak mahu pendapatnya digunakan untuk menghukum orang. Dia tidak berani, seorang ulama besar, masakan kita.

Abdullah an Naim dan gurunya Sheikh Mahmud Taha giat mempejuangkan sekularisasi Islam. Mintaknya tiada inkuisisi seperti Zaman Gelap di Eropah. Agama dipergunakan oleh penguasa akibat daripada dasar yang tidak memisahkan agama dengan pentadbiran Pentadbiran dikongkong gereja.

Sheikh Mahmud Taha dipenjara dan diseksa di negaranya Sudan yang dikatakan mempunyai hukuman hudud.

### **Mungkinkah Tuhan Sudah Mati**



ahaya yang menyinari alam, menjadi suatu nur suci juga menerangi hati setiap manusia yang kepinginkan cahaya itu.

Maka kerananya juga terciptalah alam ini. Terciptalah manusia. Terciptalah haiwan. Jadilah pokok dan tumbuhan. Tertegaklah gunung ganang dan bukit bukau. Terbangnya lautan luas. Namun, akhirnya pasti akan punah!

Itu kata-kata orang tasauf. Sufi. Aku ambil petikan itu dari suatu buku sufi. Aku bukan orang tasauf. Aku cuma seorang yang percaya pada Kau, Ya Allah dan rasul Kau Muhammad Rasulullah. Aku juga bukan orang alim. Bukan juga warak. Malahan kadang kala aku gagal tunaikan yang wajib ke atas aku. Yang terlarang pula sering jadi pilihan.

Perang - suatu contoh pertelagahan manusia sudah tiba ke kemuncak. Manusia telah mula bercakaran sesama sendiri. Manusia telah mula hilang rasa hormat dengan manusia lain. Perang jadi penentu

kepercayaan yang mana patut diikuti.  
Nyawa jadi taruhan. Kuasa jadi mainan.

Mungkin ini suatu petanda. Engkau sudah mati agaknya. Manusia pula berkejaran mahu ganti tempat Kau. Usaha dari jalan manusia-yang-bukan-tuhan-tapi-anggap-diri-tuhan kebanyakannya gagal. Kerana apa? Kerana manusia telah anggap Kau sudah mati. Malahan ada sesetengah manusia yang sudah jadi pembunuh Kau. Pembunuh tuhan yang abadi.

Teringat aku tentang dialog Kau dengan Nabi Musa. "Bagaimanakah keadaan dunia jika Kau tertidur?" Tanya Nabi Musa kepada kau. Soalan tersebut Kau balas dengan menyuruh Nabi Musa mengambil gelas dan menyuruhnya memegang gelas itu. Nabi Musa mengikut suruhan Kau. Lama dipegangnya. Sehingga dia merasa letih dan mengantuk. Langsung dia tertidur. Dan gelas yang dipegangnya tadi jatuh dan pecah berderai. Maka Kau pun berkata, "Bayangkanlah aku sebagai kamu dan gelas itu dunia ini."

Siapa yang bertanggungjawab membunuh Kau, Ya Allah? Aku! Dia! Mereka! Kami semua! Kami semua telah membunuh Kau, Ya Allah! Semua tindakan yang kami buat, seperti kami pula yang mahu jadi tuhan.

Tapi, kalau betul Kau Maha Kuasa, kenapa Kau biarkan diri Kau mati, Ya Allah? Bukankah satu sifat tuhan - Maha Kekal. Ya! Memang tuhan itu maha kekal. Tapi Kau sebenarnya sengaja mahu mencabar manusia yang mahu jadi tuhan. "Kalau nak sangat. Ambillah! Jadi tuhan! Aku nak tengok macam mana kau jaga dunia. Aku nak lihat bagaimana kau tadbir manusia."

Sekarang, agaknya kami dah terima cabaran Kau. Kami dah mula tinggi hidung. Kemanan dunia adalah hasil usaha kami. Kami dah mula sombong. Perpaduan manusia adalah datang dari sikap toleransi sesama manusia. Hasilnya: "Nah! Sekarang lihat. Apa dah kita lakukan pada dunia?" Manusia mula bercakaran. manusia sering selalu berperang. Dunia jadi kacau - alam sudah mula hancur!

Pernah juga fikiran nakal aku ini memikirkan tentang ketidakwujudan Kau. Bukan setakat

Kau itu mati. Memang tidak wujud dari azali. Konon beriman dengan teori evolusi Darwin. Tapi fikiran aku tentang perkara itu tidak lama. Bila aku pandang dunia yang penuh kehijauan, akal aku jadi tenang. Bila aku tarik nafas, dada aku jadi lapang. Aku kembali beriman semula dengan Kau yang Maha Esa. Aku mengucap panjang. Istighfar.


Dunia ini tak mungkin jadi dengan sendirinya. Dunia ini juga jadi bukti kata-kata aku. Pasti ada penciptanya. Itu sesuatu yang pasti. Bila semua orang dah anggap bahawa tuhan itu tidak wujud. Sudah pasti ada yang mahu mewujudkannya. Sudah pasti ada yang mahu jadi tuhan!

Dulu, masa aku kecil-kecil, aku selalu tanya. Kalau tuhan itu ramai, sudah tentu dunia ini akan lebih aman, lebih senang ditadbir. Tapi sesudah aku meningkat dewasa sekarang, baru aku faham kenapa tuhan itu cuma satu. Supaya tidak akan berlakunya perbalahan antara tuhan-tuhan yang akhirnya mengakibatkan dunia ini hancur.

Tapi perkara yang aku bayangkan waktu kecil dahulu, sudah mula jadi kenyataan. Tuhan-tuhan yang menggantikan Kau yang sudah mati itu sehari demi sehari sudah mula berbalah. Bercakaran sesama sendiri. Berperang! Tuhan-tuhan itu sudah mula bertikam-tikaman sesama sendiri mahu buktikan pada dunia bahawa dialah yang terhebat.

Maka serangan Amerika ke atas Iraq tempoh hari telah mengisyaratkan satu lagi tanda. Bahawa satu lagi tuhan sudah muncul. Dan tuhan ini mahu kuasai dunia!

### **Tiada Yang Berhak Menghukum Melainkan DIA.**



Lebih 1400 tahun dahulu,  
Muhammad SAW muncul  
membawa sinar kebenaran.  
Beberapa tahun kemudian  
baginda kembali menemui

kekasihnya dan meninggalkan satu amanat  
buat umat Islam seluruh dunia pada masa  
itu hinggalah sekarang.

"Maka, pada hari ini, lengkaplah Islam  
sebagai agama umatku." Tambah baginda  
lagi, "Aku tinggalkan pada kamu semua, dua  
benda berharga - ayat-ayat al-Quran dan  
Sunnahku, untuk kamu jadikan panduan  
dalam hidup."

Kebanyakan penganut beragama Islam  
bermazhab Sunnah wal-Jamaah memegang  
kuat kedua-dua hadis di atas. Ulama-ulama  
mereka juga menjadikan hadis-hadis  
tersebut sebagai asas rujukan dan  
perselisihan hukum syariah masing-masing.

Menurut seorang tokoh agama muda  
Indonesia - Uil Abshar dalam tulisannya,

beliau ada menyatakan, "kembali kepada Quran dan Sunnah bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan, dan tidak dengan sendirinya menjamin bahawa umat Islam akan dengan sekelip mata berada dalam satu saf. Sebab bagaimana mereka kembali dan menafsirkan kedua-dua sumber itu bisa sangat berbeda dari satu golongan ke golongan yang lain."

Dari pemahaman beliau, satu realiti yang boleh kita saksikan sekarang telah membenarkan suatu hadis yang lain, yang berbunyi, "perbezaan pendapat boleh membawa rahmat kepada umat Islam." Islam sekarang telah berpecah kepada pelbagai bentuk pemikiran. Untuk menyekat segala bentuk tafsiran, lebih-lebih lagi tafsiran yang dipandu oleh ilmu pelbagai aspek, adalah sesuatu yang mahu menutup rahmat.

Ruang ijtihad patut dibuka semula, setelah lama umat Islam mengalami zaman Islam taqlid. Islam adalah milik sekalian alam. Islam jugalah yang memberi rahmat pada dunia dan seisinya. "Rahmat bagi sekalian alam."

Islam yang berpecah kepada aliran-aliran fundamentalis, moderat, revivalis, moden, neo-modenis, neo-revivalis, liberal dan banyak lagi, telah memberi rahmat pada umat untuk memilih yang terbaik di antaranya. Kuasa membeli adalah milik pelanggan. Dan menurut Ulil Abshar lagi, sebagai seorang pelanggan di sebuah pasaraya Islam, seseorang itu punya kuasa untuk memilih langsung membeli Islam yang paling berkualiti.

Dalam Novel Imam karya Abdullah Hussein, perbincangan mengenai perbezaan aliran fiqrah agama Islam secara permukaan telah dikemukakan iaitu dalam Bab 4: Inquisisi. Dalam novel tersebut, watak utamanya iaitu Haji Mihad menegaskan dalam soal siasatnya dengan Jabatan Agama Islam negeri, bahawa "Nabi Muhammad SAW sendiri walaupun pernah berkata bahawa umat di belakangnya nanti akan terpecah ke dalam 73 mazhab dan cuma satu yang benar, tetapi baginda tidak benarkan orang mengatakan yang 72 lagi itu bukan orang Islam, bukan umatnya."

Seperti Ulil Abshar, Haji Mihad juga berpendirian yang sama. Dalam novel tersebut Haji Mihad juga mengingatkan bahawa betapa pentingnya ilmu dan pengetahuan yang mendalam tentang semua perkara. Lebih-lebih lagi ilmu agama, kepelbagaian sumber dalam mendalami ilmu agama merupakan sesuatu yang terbaik. Beliau memberikan beberapa buah kitab yang boleh menjadi panduan kepada manusia.

". . . pelajarilah Kutub al-Mazahib, baik yang lama mahupun yang baru dan kitab yang nampaknya bertentangan antara satu sama lain semacam Kasyful Irtiyah fi' Raddi'ala Muhammad bin Abdul Wahhab, Al-la mazahibiyah Akhtharu Bi'atin, An-Nadlatul Ishlahiyah, Ghausul Ibad dan sebagainya, baik sebagai perbandingan atau rujukan agar kita ini mampu menjadi semacam Imam al-Ghazali yang bermazhab Syafi'i atau semacam Ibn Taymiyah dan Ibn Qayyim yang bermazhab Hambali."

Namun kerahmatan perbezaan pendapat dalam menafsirkan al-Quran dan Sunnah antara ulama atau perbezaan pendapat dalam tidak menafsirkan al-Quran dan Sunnah antara ulama seringkali mendapat perhatian yang negatif dalam umat yang sudah biasa dengan Islam taqlid ini.

Yang memarakan lagi tabiat anti ijtihad ini ialah golongan politik. Bukankah semua ulama-ulama muktabar zaman masing-masing mengakhiri hidup mereka dalam penjara atau mati kerana ijtihad mereka.

Hassan Hanafi dalam Jurnal Kiri Islam beliau menyatakan: "Tidak ada seorang faqih yang mencuba secara konsisten, kecuali berhujung pada penjara, penyiksaan, kematian dan kesyahidan sejak Imam Ahmad Hanbal sampai Imam Hassan al-Bana dan Sayyid Qutb."

Manusia tidak mengetahui apa yang ada di hati manusia yang lain. Memetik kata-kata Imam Syafie yang teguh pegangan dan kepercayaannya. Beliau berkata: "Pendapatku benar tapi mungkin salah, pendapat lawan diskusiku salah tapi mungkin juga benar." Imam itu menunjukkan ketidak tauhuannya tentang

kesalahan atau kebenaran hujah ulama yang tidak mahu mengikut ajarannya.

Oleh itu, mana mungkin kita manusia biasa yang kurang ilmu ini mahu senang-senang melabelkan muslim yang lain sebagai kafir, murtad, keluar Islam atau sesat. Yusuf Qardhawi seorang tokoh Islam ulung juga sependapat dengan Imam Syafie, beliau menolak keras amalan mentakfir. Sama seperti Ibn Taymiah, yang pernah menegur perbuatan kafir-mengkafir antara umat Islam.

Dalam tempoh beberapa tahun ini disebabkan perbezaan pendapat antara ulama, seorang tokoh Islam Sudan, Mahmud Taha mati di tali gantung. Dan anak muridnya Abdullahi An-Na'im begitu komited memperjuangkan apa yang dipanggil beliau sebagai: "syariah tidak boleh dilaksanakan oleh pemerintah."

Pada pendapat beliau, apabila sahaja syariah dilaksanakan oleh pemerintah ia harus dikuat kuasakan. Maka sesiapa yang berjihad selain daripada yang sama seperti Islam pemerintah, maka orang itu akan dikejar, dipasung dan dihukum.

Hukuman yang sama berlaku terhadap Imam Abu Hanfah dan Imam Syafie. Semuanya kerana keenganan mereka untuk meletakkan kitab serta ajaran masing-masing sebagai perlembagaan negara. Dan mereka juga enggan untuk menuruti segala jenis Islam ciptaan pemerintah.

Bukankah, dalam kes mazhab ini tiada siapa pun yang betul? Dan tiada siapa juga yang salah.

Mungkin Imam Malik atau Imam Syafie serta Imam Hanafi tidak setuju jika Islam jatuh di tangan pemerintah. Apabila hegemoni pemerintah berada dalam Islam, maka sistem Islam akan beroperasi dengan bantuan nafsu. Dan dengan sewenang-wenangnya jugalah seorang pemerintah muslim, mempergunakan Islam sebagai perisai dan senjata penghukumannya.

Islam akan terus menjadi jumud dan beku jika sekiranya usaha ke arah pengwujudan umat mujtahid tidak dilaksanakan. Seperti tulisan Khalid Jaafar yang pernah tersiar di

dalam Majalah Siasah: "Tanda ilmu islam berkembang adalah apabila munculnya mazhab atau aliran baru. Di barat ilmu-ilmu baru berkembang, pelbagai disiplin dan mazhab pemikiran bercambah. Tanda sesuatu umat itu beku adalah apabila tidak ada mazhab atau aliran baru muncul."

Islam turun melalui Muhammad SAW. Al-Quran dan Sunnah menjadi rujukan utama selain akal manusia itu sendiri yang bersandarkan pada kedua-dua sumber tersebut. Tafsiran dan perbezaan pendapat adalah rahmat bagi umat. Ruang ijtihad harus dibuka semula.

Bak kata Muhamad Rasyid Ridha dalam buku terjemahan, Wahyu Ilahi Kepada Muhammad: "Barangsiapa yang memerhatikan dengan cermat ayat-ayat al-Quran, pasti ia mengetahui bahawa pemeluk agama Islam adalah ahli berfikir dan menimbang, ahli yang memfungsikan akal dan fikiran dan ahli memahami dan menghayati. Dan orang-orang yang melalaikan, tidak mempergunakan akal sebagaimana mestinya, hidupnya tak ubah seperti binatang ternak. Orang yang lalai itu sama sekali tidak memperoleh bahagian keuntungan sedikitpun dari agama, lantaran mereka hanya mengambil yang lahiriahnya sahaja secara taklid buta, yang demikian itu sudah barang tentu agama atau al-Quran tidak bisa menyucikan jiwa dan akal semacam itu."

Aliran-aliran berbeza dalam bidang falsafah, fekah, sufi, tasauf dan lain-lain lagi memeriahkan Islam. Tiada yang betul dan salahnya jika kita dengan niat ikhlas berfikir semata-mata untuk mencari kebenaran. Mencari keredhaan Allah. Seperti kata Hassan Hanafi dalam Jurnal Kiri Islam tulisan beliau:

"Bagi yang salah mendapat satu pahala dan yang benar dua pahala. Perbezaan antara kita adalah seperti perbezaan para imam dan sahabat. Kita semua mencari kebenaran, melakukannya dan mempersaksikannya, mempertanggungjawabkannya, tak ada seorang pun yang dapat mengklaim kebenaran sebagai miliknya dan yang lain pasti salah."

### **Autonomi Anak Muda dalam GGPR**

**A**

anak muda sering menghadapi dilema ketika usia mereka belasan tahun, terutamanya selepas habis sekolah. Saat ini pelbagai situasi yang berlaku – krisis identiti, pengalaman baru dan segala macam situasi yang berkehendakkan mereka hidup sendiri. Dan di tahap ini jugalah, tekanan akan sentiasa menemani, terutamanya tekanan dari pihak yang lebih tua atau pihak yang dikatakan berkuasa ke atas mereka.

Anak muda yang berjaya mengatasi tekanan dan mendabik dada sambil berkata, “aku mampu berdiri di atas kaki sendiri,” merupakan anak muda yang mampu maju ke hadapan. Ruang untuk anak muda ini hidup sebagai ‘orang’ lebih cerah jika dibandingkan dengan mereka yang masih memerlukan tongkat.

Rata-rata anak muda mengalami masalah ini. Masalah dalam menentukan pilihan. Sama ada mereka tidak mampu buat pilihan, pilihan mereka terpengaruh dengan pilihan orang lain atau mereka langsung tidak berkuasa membuat pilihan – langsung bagai lembu dicucuk hidung, mengikut sahaja kehendak tuannya.

Beginilah persoalan yang mungkin ingin dibawakan oleh pembikin filem ini. Persoalan tentang pilihan anak muda. Sejauh mana mereka mampu memilih dan sejauh mana kehendak mereka perlu dituruti. Gila-gila Pengantin Remaja (GGPR) mengungkap persoalan ini dengan membuka ruang-ruang perdebatan pro dan kontra serta membawa fikiran penulis bermain di persekitaran ruang-ruang ini.

Walaupun persoalan diungkapkan menerusi sebuah kisah cinta anak muda – bukan isu besar semacam politik atau hal-hal lain, namun di sini ia menggambarkan betapa kawalan orang tua ke atas anak muda terlalu ketat sehinggakan turut mencampuri urusan mencari pasangan hidup. Inikan pula isu besar yang lain – politik, budaya dan agama.

Penulis mengaku bahawa sebelum menonton filem ini, penulis punyai prasangka negatif terhadapnya. Pada pendapat penulis, filem ini cuma sebuah filem yang mahu menyalahkan anak muda. Semua perkara dan anasir negatif – kahwin lari contohnya dalam filem ini - berpunca dari anak muda, masyarakat dengan sendirinya roboh kerana mereka. Namun selepas menonton, penulis sedar bahawa penulis tersilap dengan telahan buruk tersebut.

Sepekara yang menarik mengenai filem ini, lapisan naratifnya bergabung dengan lapisan narator iaitu band surf rock Les Sekinchan yang menyanyikan lagu-lagu perjalanan keseluruhan kisah cinta Amir dan Mastura. Lihat sahaja kemunculan Opie dan bandnya di mana-mana sahaja di dalam filem ini dengan lagu yang cukup catchy menarik sesuai dengan plotnya.

Penulis secara personal memuji khidmat pengarah fotografi Indra Che Muda yang dapat menangani bahagiannya hampir

sempurna. Pergerakan kamera yang baik, shot yang cantik dan efek yang dipadankan dengan masa yang sesuai sememangnya mampu membuatkan sesebuah filem menjadi lebih baik. Mungkin sekarang, beliau boleh berfikir untuk menyaingi kehebatan Bada Azmi. Lihat sahaja kerjanya dalam VCD Kelibat. Bukankah cukup gaya independen dan penuh gaya kreatif serta filem Buli yang menampilkan foografi ala Hollywood. Dan kerjanya dalam GGPR boleh meyakinkan bahawa beliau memang mampu pergi lebih jauh.

GGPR bukan sebuah filem komersial semata-mata, ia sarat dengan persoalan dan Aziz berjaya menggarapnya dengan begitu baik sekali. Dan GGPR muncul sebagai filem yang lebih baik mutunya jika mahu dibandingkan dengan Gila-gila Pengantin. Cuma ada beberapa kelemahan yang perlu dibaiki. Tahap lakonan pelakon wanita utama dan pelakon pembantu wanita perlu lebih baik lagi. Jelas Zahnita bukan pelakon yang sesuai untuk peran tersebut.

Skop Production belum pernah berjaya menarik minat penulis dengan mana-mana filem yang mereka pernah hasilkan sebelum ini. Sebut sahaja barisan filem daripada Yusof Haslam dan Yusof Kelana, daripada Sembilu, Gerak Khas hinggalah ke Janji Diana, Skop benar-benar menghasilkan filem-filem yang kosong tanpa dapat menggerakkan budaya fikir penonton. Persoalan cinta tanpa membangkitkan masalah masyarakat menjadi tema pilihan, selain daripada nilai-nilai kosmetik sampingan – kereta mewah, rumah besar, KLCC, Putrajaya dll. Filem GGPR boleh dikatakan filem terbaik pertama yang pernah diterbitkan oleh Skop. Dan diharapkan Skop akan lebih serius lagi dalam membawakan filem-filem bermutu tempatan, tidak mengutamakan keuntungan semata-mata.

Ingat, filem mengangkat permasalahan masyarakat, ruang perbincangan umum dan membentuk budaya fikir sosial tertentu. Hasil sesebuah filem melambangkan masyarakat, tersebut, seperti kata pengarah muda kelahiran Malaysia, Tsai Ming Liang yang mendapat tempat di peringkat antarabangsa (tentu ada yang masih belum mengenalinya), "filem merupakan salah satu alat untuk memahami dirinya sendiri."

Jika betul ungkapan ini, “filem kita wajah kita” maka pertontonkanlah wajah kita yang cantik semula jadi, bukannya cantik disebabkan solekan! Dan dalam penghasilan GGPR, Aziz berjaya menjadikannya cantik tanpa perlu banyak solekan, masih terpapar lagi kecantikan semulajadi.

---

Penulis merupakan penonton setia filem-filem Melayu. Penulis dibesarkan dengan filem Badul, Rahim Razali, Jins Shamsudin, Hussein Abu Hassan, Panshah dan Hafsham. Meminati filem-filem arahan sutradara tempatan seperti U-Wei Shaari, Adman Salleh, Yasmin Ahmad, Shuhaimi Baba, Aziz M. Osman, Hishamuddin Rais, dan Bada Azmi.

---

## Pengaruh Bollywood dan Filem Melayu

**I**ni hakikatnya. Kita dibesarkan dengan filem Hindi dari Bollywood. Filem melodrama-romantisme dengan selitan lagu-lagu mendayu-dayu dangdut nyanyian penyanyi yang sama berpuluh-puluh tahun. Aksi tarian ghairah-berguling-guling di kaki bukit-tukar lima enam pakaian dalam satu lagu. Ceritanya, selalu sahaja tentang cinta. Dan penamatnya selalu sahaja bahagia – bagai hikayat panji -- watak utama lelaki bertemu jodoh dengan watak utama wanita. Yalah, bukankah itu hukum orang-orang di sana – hukum karma -- balas dibalas jahat, baik pasti ketemu keadilan. Inilah hakikat filem-filem Hindi, walaupun hakikat itu sebenarnya berbeza daripada dunia nyata.

Sejak zaman Studio Jalan Ampas hinggalah sekarang, zaman Yusof Haslam dan soon-to-be zaman Prof. Razak Mohaideen kebanyakan filem-filem kita terikut dengan filem daripada Bollywood. Biarpun tak ramai dari pengusaha-pengusaha filem Melayu yang mengikut mereka di segi aksi tarian ghairah-berguling-guling di kaki bukit-tukar lima enam pakaian dalam satu lagu, namun tetap filem-filem Melayu mengambil rempah ratus resepi filem-filem Bollywood.

Filem bukanlah tempat menyelesaikan masalah – yang baik pasti menang di akhir, sepasang kekasih pasti ditemukan dan yang jahat tersedar insaf dengan keadaannya. Filem juga bukanlah pasar borong atau pasar lambat tempat orang berjual beli dan mengira keuntungan. Filem menurut Jostein Gripsrud merupakan penggerak masyarakat dan bukan sekadar hiburan semata – menyajikan pengajaran daripada cerita yang dibawa (Ku Seman Ku Hussain – Apresiasi Filem, Panca Indera).

Corak sesuatu filem juga perlulah berkaitan atau bersesuaian dengan keadaan sosial tempat filem itu dikeluarkan. Bukankah Finas bangga menjerit “filem kita, wajah kita.” Jika benar kata Finas, maka wajah kita terlalu hodoh dek kerana filem kita yang terlalu lesu dan membosankan – tiada pembaharuan, jauh ketinggalan dengan panggung-panggung besar di Hollywood, Perancis, Iran, Korea dan Jepun.

Permasalahan dan realiti sosial kotemporari masih gagal dibawa oleh pengarah-pengarah Malaysia ke atas. Kebanyakan filem yang terdorong dengan faktor komersialisme menerapkan budaya popular masyarakat tanpa ada perdebatan tentang isu – pro dan kontra. Inilah masalah pengarah komersial tempatan. Mereka seakan tidak memikul amanah sebagai penggerak massa, sebuah tugas berat seorang pengarah filem. Yang penting keuntungan individual mereka sendiri. Asal filem mereka mendapat sambutan hangat, sudah memadai.

Filem sepatutnya menjadi ruang lontaran pelbagai idea dan pendapat. Dan pembikin filem mungkin terperangkap dengan kehendak massa. Massa berkehendakkan

filem ringan, tiada permasalahan berat dan menutup ruang diskusi. Filem kotemporari tempatan sekarang lebih suka menyudukan sajian mereka ke mulut penonton daripada menyediakan hidangan yang disudukan sendiri.

Tiada salahnya membikin cerita ala-ala Bollywood, sarat dengan cinta dan melodrama habis. Ataupun, filem yang happy ending, tidak sekejap filem Iran atau kisah cinta tragis filem Hong Kong. Tetapi gabungkanlah pula dengan asakan pendapat, idea baru dan bukannya ruang perbincangan. Lihat sahaja Kuliah Cinta arahan Prof. Razak Mohaideen, bukankah carbon copy kepada naratif filem Kuch Kuch Hota Hai. Dan Janji Diana arahan Yusof Haslam, tidak membawa hujah-hujah kuat kenapa Diana menjadi tomboy atau pendapat yang kontra dengannya. Sebaliknya Yusof Haslam lebih mementingkan pakaian Erra, kenderaan Rosyam dan aksesori-aksesori sampingan yang lain – Putrajaya, KLCC, rumah besar dan kerja standard tinggi.

Inilah masalahnya dengan filem Malaysia. Dan filem boleh mencerminkan pengarahnya sendiri. Setakat mana tahap keintelektualan mereka boleh dinilai melalui filem-filem keluaran mereka. Penulis rasa Ho Yuhang pelakon iklan “kenapa, tak percaya?” lebih tinggi tahap keintelektualannya. Yuhang yang mendapat penghargaan di sebuah majlis perfileman di Nantes disebabkan filem arahnya Min, lebih menggambarkan filem yang bermutu. Begitu juga dengan Amir Muhamad, Osman Ali, Yasmin Ahmad, James Lee, Yuen 3R, Adman Salleh, U-Wei, Shuhaimi Baba dan Aziz M. Osman, hasil kerja mereka masih boleh dibanggakan sebagai penggerak massa.

Bukan niat untuk merendahkan martabat filem Hindi, keadaan tersebut mungkin sesuai dengan mereka dan sistem kasta antara mereka cukup membuatkan mereka berpegang dengan hukum karma. Dan bukan juga niat untuk merendahkan pengarah-pengarah berbakat negara, tetapi inilah hakikat, hasil seni – tak kira nyanyian, perfileman, teater dan tarian – dan hasil persuratan menggambarkan di mana letak

duduknya sesebuah negara dalam tamadun besar dunia.

---

Penulis merupakan penonton dan penggemar seni perfileman. Penulis juga tiada berlatar belakangkan atau berpendidikan tinggi dalam bidang ini. Jika berpeluang penulis mahu mendengar komen daripada pelajar-pelajar dari sekolah seni layar atau yang berkaitan dengannya tentang filem-filem tempatan. Malah kita boleh berbincang mengenai mutu perfileman negara di alamat emel berikut:  
[stidia\\_merah@yahoo.com](mailto:stidia_merah@yahoo.com)

---

### **Pengaruh Kiri dalam Panggung Amerika**

**M**enonton filem Shrek 2 baru-baru ini, membuatkan penulis berfikir, adakah Hollywood benar-benar bebas daripada fahaman kiri (sosialisme dan Marxisme).

Lihat sahaja si Muffin, Shrek, Puss, Donkey, Pinocchio dan tiga ekor tikus buta meyerang istana mahu meyelamatkan Fiona bagai satu revolusi menentang feudal. Dan bukankah Fairy Godmother (kapitalisme dongengan besar) yang berkomplot dengan feudal pernah berkata kepada Shrek di dalam satu babak filem tersebut, "Kau, Ogre tidak akan hidup bahagia selamanya! (You Orge, will not live happily ever after!)" Dan lihat sahaja si Fiona yang mahu meninggalkan kehidupan mewah di istana,

pergi ke lembah tasik kotor tempat tinggal Shrek dan dia enggan menerima Shrek dalam keadaan kacau, sebaliknya lebih berbahagia dengan keadaan sebenar Shrek si Ogre.

Hollywood pernah diselubungi pengaruh kiri, dan kemuncak daripada pengaruh tersebut beberapa orang karyawan filem – pengarah dan penulis skrip lakon layar – telah disoal siat di bawah suatu lembaga khas menyekat pengaruh komunis di Hollywood beberapa orang karyawan filem yang disiasat dan digelar sebagai Hollywood Ten oleh media dan kerajaan Amerika.

Sememangnya, perang dan ideologi banyak mempengaruhi media. Dan filem juga tidak lari dapat pengaruh-pengaruh tersebut. Seseorang pembuat filem boleh merefleksikan apa yang dipegang, dan apa yang dianutnya melalui sesebuah filem buatannya sendiri. Dan di Hollywood nyata jika diselidiki dengan teliti banyak di antara filem-filem keluaran mereka merupakan filem-filem kiri. Atau paling tidak yang membincangkan tentang isu ini.

Marxisme merupakan asal bagi komunisme dan sosialisme. Dan melalui idea Karl Marx ini jugalah pemikir mula menjumpai nilai-nilai sosialisme Musa dan Isa. Dan dari situ juga ramai penduduk dunia terpengaruh dengan idea Karl Marx ini. Muncul Green Party, feminisme dan gerakan yang memperjuangkan wanita, Parti Buruh, gerakan pembelaan kanak-kanak dan perkumpulan-perkumpulan komuniti anak muda sebagai gerakan Kiri Baru atau New Left.

Dan gerakan-gerakan anti penindasan ini mula menembusi karya-karya filem pengarah-pengarah yang terpengaruh dengan pemikiran Kiri ini. Dan Hollywood merupakan panggung yang sekarang ini giat mengeluarkan filem-filem sebegini. Lihat sahaja trilogi Matrix – The Matrix, Matrix Reloaded dan Matrix Revolution – bukannya cukup terpengaruh dengan teori Marx sehinggakan di hari pembukaan di Russi sebahagian anak muda telah turut ke jalan meraikan filem tersebut dan menyifatkan Neo dalam filem tersebut sebagai seorang komunis tulen.

Sebelum itu, dua buah filem yang memaparkan kecantikan pantai dan keindahan pulau tropika iaitu The Beach lakonan Leonardo D'caprio dan Swept Away lakonan Madonna juga turut membincangkan baik buruknya ideologi yang berasaskan daripada teori Karl Marx ini. Kelojikan revolusi yang membawa kepada kehidupan sosial primitif semula, adakah sebuah kelojikan yang patut diterima atau Cuma doa yang tidak akan dimakbulkan sahaja. Jawapannya seperti biasa terletak ditangan penonton dan kedua-dua filem ini berjaya memaparkan hujah-hujah kuat pro dan kontra. Dan filem ini seakan menjadi ruang diskusi membincangkan tentang permasalahan masyarakat.

Kemunculan pengaruh sebegini, penulis kesan selepas Hollywood era Rambo. Jelas, James Bond, Rambo dan siri tv Mission Impossible lebih ke arah mengagungkan Amerika yang menjadi teraju blok komunis di era perang dingin. Cuma pada tahun 1960an, filem Planet of The Apes masih lagi terpengaruh dengan kiri. Tonton betul-betul filem ini, dan anda akan lihat apa yang penulis maksudkan. Filem yang mendapat sambutan hangat di Amerika ini membawakan perbincangan mengenai kedua-dua blok, blok komunis dan blok kapitalis.

Selain daripada itu, kartun Smurf turut dikatakan sebagai kartun yang memiliki ideologi Marx ini. Small Men Under Red Flag – Smurf yang memaparkan sebuah komuniti yang hidup secara sosial primitif dengan setiap daripada anggota komuniti memiliki kebolehan dan kelebihan masing-masing, namun disamakan dengan cara berpakaian sesama mereka. Dan Cuma pemimpin sahaja dibezakan dengan topi berwarna merah, berjambang dan lebih tua daripada yang lain. Gargamel si gergasi dan kucingnya Izrael dilambangkan sebagai kapitalis yang sering mengganggu keharmonian komuniti smurf.

Kemuncak daripada 'perang dingin' antara karyawan filem Hollywood dengan pentadbiran studio dan kerajaan Amerika mungkin penghasilan filem Majestic. Dan terang-terangan filem ini mempertikaikan apa yang terjadi kepada Hollywood Ten. Jim

Carrey yang menggalas tugas sebagai watak utama, di akhir filem ini berdepan dengan sebuah suruhanjaya dan mengaku tidak bersalah, sebaliknya dia mencabar keputusan panel tersebut dengan membawa hujah yang bersandarkan kepada salah satu daripada perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan Amerika Syarikat.

---

Penulis adalah peminat utama filem-filem Hollywood (selepas era Rambo dan James Bond). Penulis terpikat dengan resipi perfileman mereka – memasukkan unsur-unsur komersialisme serta yang berbudaya fikir. Sememangnya, penulis tidak menyangkal bahawa Hollywood masih lagi boleh dinobatkan sebagai panggung perfileman terbaik dunia.

---

## Tentang Dia

**F**

ilem arahan Rudi Sodjoerwo ini benar-benar memberikan sesuatu yang istimewa kepada penulis. Penulis kagum dengan sudut kamera filem tersebut.

Penggunaan dolly yang diulitikan dan sudut penangkapan gambar bagi filem tersebut tidak konvensional. Rudi bijak membuat eksperimen. Filem yang biasa (tidak biasa di Malaysia) menjadi lain daripada yang lain.

Sudut kameranya - kedudukan objek yang tidak seimbang, tiada close up pada muka pelakon semasa adegan perbualan, babak panjang dan memerlukan pelakon yang baik serta penggunaan dolly yang sewajarnya -

bagaikan sungguh profesional dengan sinematografi yang cantik. Berbeza dengan filem arahnya Ada Apa Dengan Cinta. Dan satu lagi filem arahnya Bintang Jatuh.

Watak Randu bagaikan kesampingan dan watak Gadis (lakonan Adinia Wirasti) seta Rudi (lakonan Sigi Wimala) dihighlightkan. Nampaknya peran utama diberikan kepada Rudi dan Gadis. Lakonan mereka nyata hidup. Dan naratifnya berbeza sedikit daripada filem-filem konvensional yang lain.

Naratifnya bergerak atas nama cinta. Gadis yang tersepit dengan cinta daripada seorang lelaki (Randu) dan seorang perempuan (Rudi). Gadis boleh sahaja untuk menafikan hubungannya yang melebihi kawan di dalam filem tersebut. Tetapi dia tidak dapat menolak bahawa Rudi Sodjoerwo adalah pengarah yang sangat berbakat.

Sebagaimana Rudi (peran utama filem tersebut) yang menidakkan untuk mengguna nama sebenar begitulah juga ia menafikan dia juga mempunyai perasaan terhadap Gadis. Bagi penulis persoalan cinta sesama jenis jantina mahu diangkat disini. Gadis yang dalam tekanan menghadapi dilemma yang paling besar dalam hidupnya. Cinta antara Randu dan Rudi.

Apabila menghadapi saat-saat sukar dalam hidup, manusia sering mencari alternatif yang terdekat. Dalam kondisi Gadis dalam cerita ini, dirinya begitu rapat dengan Rudi dan pertaliannya yang rapat jelas digambarkan pada babak selepas Rudi mati. Pak Dibyo (lakonan Didi Petet) memberikan pada Gadis diari kepunyaan Rudi. Sambil memberikan diari tersebut dia berkata, "nampaknya lho yang pantas untuk memilikinya (nampaknya kamu yang layak untuk memilikinya)."

Jelas, Melly Goeslow mempunyai idea. Cukup besar ideanya, bukan sahaja di dalam bidang muzik, malahan dalam bidang seni layar. Skrip tersebut dikatakan adalah hasil cuplikan daripada sebuah cerpen karya Melly Goeslow.

Mungkin Grand Brilliance tidak tersilap untuk mengambil filem ini dan menjadi pengedar

di Malaysia. Di tambah lagi filem ini diarahkan oleh Rudi Sodjoerwo

Penulis hanya menanti para pelakonya, Melly dan Rudi Sodjoerwo untuk datang ke Malaysia seperti yang dibuat oleh para pelakon Ada Apa Dengan Cinta, Melly dan Rudi Sodjoerwo. Penulis akan pastikan untuk tidak ketinggalan bersama mereka seperti yang penulis lakukan di Mid Valley Kuala Lumpur kira-kira 3 tahun lalu menyambut Melly, Rudi Sodwarjoe dan para pelakon filem Ada Apa Dengan Cinta.

Filem Tentang Dia dipandu oleh runut bunyi yang menarik. Lagu-lagu runut bunyi adah hasil daripada gubahan dan ciptaan Melly Goeslow sendiri. Dikatakan Melly mencipta dan menggubah lagu-lagu runut bunyi tersebut sesudah filem ini disiapkan. Sudah penulis katakan sebelum ini, bahawa Melly mempunyai idea yang besar. Runut bunyi dalam filem berkenaan bersesuaian dengan adegan yang dipaparkan.

Nyata filem ini mempamerkan tentang harapan mereka di bumi Malaysia. Dan penulis dapat rasakan bahawa harapan mereka diberi reaksi positif oleh penduduk di sini.

## **Al-Islam**

### **Imam Mahadi Dari Pandangan Ibnu Khaldun**

**M**ungkin ramai yang mengenali nama ini. Ibnu Khaldun, seorang cendekiawan Islam yang merintis namanya di antara sarjana-sarjana dunia Islam, mempunyai pandangan yang agak berbeza dalam memperkatakan tentang Imam Mahadi.

Beliau dilahirkan di Tunisia, seorang penghafaz al-Quran dan arif dalam bidang astronomi, sosiologi, neurologi, kimia, politik dan pelbagai lagi bidang yang berkaitan dengan sosial dan sains.

Dalam buku beliau yang agak terkenal juga, iaitu Al-Muqaddimah, beliau menolak persoalan tentang Imam Mahadi dan mempertikaikan kewujudan Imam tersebut.

Beliau berpendapat bahawa, kebanyakan hadis-hadis yang diriwayatkan adalah hadis yang tidak boleh dipercayai dan ditolak

kebenarannya oleh sebilangan perawi hadis. Dalam Al-Muqaddimah (Edisi Kaherah, mukasurat 311), Ibnu Khaldun menegaskan:

"Kebanyakan hadis yang ditemui, yang menyatakan tentang pemimpin agama itu memang sudah tersebar luas. Mereka telah membincangkannya secara terperinci sekali, (cuma sayangnya mereka) mengambilnya melalui rawi-rawi yang tidak dapat dipertanggungjawabkan dan ditolak periwayatannya dalam kebanyakan hadis."

Selain itu beliau juga menolak dan mempertikaikan kewujudan Imam Mahadi berdasarkan alasan bahawa di dalam Shahih Bukhari dan Shahih Muslim tidak pernah pun menyebut nama Imam Mahadi atau lain-lain jenis nama yang boleh dikaitkan dengan imam ini.

Dalam buku beliau, iaitu Al-Muqaddimah, beliau juga ada menyatakan bahawa Imam Mahadi ini cuma satu propaganda sebilangan optimis yang sudah kehilangan pengaruh. Seperti yang ditulisnya pada muka surat (Edisi Kaherah, mukasurat 327):

"Kebenaran yang mesti diketahui oleh seseorang ialah tiada tokoh agama atau politik yang boleh benar-benar berjaya, melainkan tokoh dan kumpulan itu merasakan wujudnya sokongan kepada cita-cita agama dan politik, dan mempertahankannya daripada orang-orang yang menolaknya. Kami telah menyebutkannya sebelum ini dengan bukti-bukti yang tepat."

Sambungannya lagi, "Kumpulan yang merasakan sedemikian adalah dari kalangan anak-anak Fatimah dan Bani Abu Talib, iaitu dari kalangan kaum Quraisy, yang sudah tiada lagi di mana-mana pun. Pengecualian cuma diberikan kepada sisa-sisa keturunan Abu Talib - Hassani, Hussaini dan Jaafariah - di Hijjaz, di Makkah, al-Yanbu' dan Madinah. Mereka sekarang sudah berpecah ke serata kawasan dan cuba menguasainya."

Menurut beliau lagi, kebanyakan mereka ini telah menjadi Arab Badwi dan mereka sekarang sudah mula berpecah, hingga ada di antara mereka telah mendiami beberapa kawasan kecil dan terpencil. "Mereka

mendiami dan memerintah di tempat-tempat terpencil dan mengeluarkan fatwa-fatwa yang jauh menyeleweng. Bilangan mereka cuma mencecah beberapa ribu orang sahaja."

Beliau kemudiannya membuat kesimpulan, bahawa semua ini, iaitu isu mengenai Imam Mahadi, adalah suatu usaha sebilangan pihak yang mahu mencetuskan propaganda demi kepentingan kumpulannya.

"Jika benarlah yang Mahadi itu akan zahir, inilah satu-satunya cara propaganda untuk membuatnya benar-benar zahir. Dia mestilah salah seorang dari mereka, dan Allah mestilah menyatukan mereka untuk menjadi pengikutnya, sehingga dia mempunyai cukup kekuatan dan kumpulan pengikut untuk menambahkan kejayaannya, sekali gus menggerakkan rakyat menyokongnya."


Ibnu Khaldun mengakhiri kembara hidupnya di pejabat beliau sendiri di ketika beliau memegang jawatan sebagai hakim di Mesir. Beliau telah melalui pengalaman hidup yang beraneka warna, suka dan duka. Mengembara dari tempat lahirnya Tunisia, hingga ke Granada di Andalusia.

Sumbangan beliau dalam bidang sains dan sosial serta agama kepada umat Islam amatlah tidak ternilai. Dan bukunya Al-Muqaddimah adalah salah satu dari sumbangannya dalam pembangunan-pembangunan tersebut.

## Tamadun

### **Pena: Mungkinkah Selesai Masalah?**

Oleh Pauh Janggi dan Sam Ahmad



anya satu golongan masyarakat lagi yang boleh memusnahkan budaya politik wang dan rasuah, iaitu golongan penulis." Ini

pendapat Sdr Ahmad Lutfi Othman. Adakah ini benar atau hanya satu ungkapan yang dicipta untuk memberikan kita harapan sahaja.

Kebanyakan kita kurang pandai menterjemahkan ayat sastera atau persuratan yang berbelit-belit tapi mempunyai maksud yang tersirat. Mungkin kita telah banyak sangat diracuni oleh majalah-majalah songsang perosak minda yang mudah didapati di mana-mana.

Berbeza dengan ayat sastera atau penulisan esei biasa, majalah-majalah songsang ini lebih mudah difahami selain

dari mengutarakan isu-isu ringan dan gossip artis yang sebenarnya tidak melibatkan rakyat terbanyak.

Kita imbau semula sejarah. bagaimana usaha mendapatkan kemerdekaan negara. Bagaimana usaha yang telah dilakukan oleh penulis zaman pra merdeka? Kebanyakan penulis zaman itu, menulis hasil penulisan mereka berkaitan dengan kemerdekaan. Mereka juga pencetus semangat rakyat dan memperjuangkan kebangkitan ke arah kemerdekaan hanya dengan tulisan mereka.

Adakah situasi seperti ini masih lagi wujud sekarang? Adakah penulis dapat mengeksploitasikan bakatnya demi untuk perjuangan bangsa dan negara? Kalau pun ada penulis yang berbakat, adakah karya yang dihasilkan setanding dengan penulis-penulis zaman sebelum merdeka?

Sesetengah penulis sengaja berkias dalam menulis karyanya. Tidak menuju ke arah maksud beliau menulis. Kenapa? Mungkin kerana bagi penulis, lebih baik hasil penulisan itu ditulis begitu disebabkan tekanan atau demi kepentingan sesuatu perkara.

Jika dilihat pada zaman sebelum merdeka dahulu, akibat ancaman dari pihak penjajah, penulis-penulis ini telah menghasilkan suatu tulisan yang maksudnya tersembunyi dibalik unsur-unsur jenaka dan cinta. Ia kemudian diolah secara sinis dalam bentuk satira yang boleh buat pembaca tidak faham dengan apa yang mahu disampaikan.

Walaupun bagaimanapun, tumbuhnya akhbar, risalah dan majalah juga pada zaman sebelum perang, dapat membuktikan bahawa peranan penulis juga adalah besar. Melalui akhbar dan lain-lain media cetak jugalah kita dapat menyaksikan hasil penulisan, penulis ulung seperti Ishak Hj Mohamad, Hj Abas Taha, Za'ba, Said Zahari dan A. Samad Ismail (sekadar menyebut beberapa nama) mula tersebar sebagai agen perubahan menuntut kemerdekaan.

Dan hasilnya, mereka ini ada yang sesetengahnya ditangkap oleh pihak imprealis dan dikenakan pelbagai tekanan dan ancaman. Mereka bukan setakat

menulis. Malah mereka juga mengatur gerakan menuntut kemerdekaan.

Kalaupun ada penulis yang begitu sekarang, mampukah mereka menulis seperti penulis terdahulu. Perjuangan mengisi kemerdekaan tidak pernah akan selesai. Penulis kini seharusnya menyambung usaha penulis terdahulu. Tapi, mampukah mereka menyambung perjuangan ini? Mampukah mereka memperjuangkan hak rakyat?

Mampukah mereka mengatur gerakan? Terlalu banyak soalan. Terlalu banyak persoalan. Terlalu banyak ragu-ragu. Dan terlalu banyak was-was. Tanggungjawab besar ini terletak ditangan penulis. Cuma penulis sahaja yang boleh lakukan!

Seperti yang saudara Ahmad Lutfi katakan, cuma penulis sahaja sekarang ini satu golongan yang boleh menghapuskan politik wang. Tapi, mampukah penulis sekarang menghadapi risiko seperti penulis-penulis yang terdahulu?

Sebagai seorang rakyat yang memperhambakan diri dalam sebuah sistem demokrasi, mampukah penulis ini menghasilkan karya yang tajam dan berterus terang hingga boleh menggugat kedudukan mana-mana pihak yang mengamalkan rasuah dan politik wang? Dan mampukah penulis ini menyenaraikan kebobrokan dan penyalahgunaan kuasa oleh pemegang kuasa?

Peranan dan tanggungjawab menulis amatlah besar. Tambah lagi dalam melalui zaman-zaman kesenangan enak dibuai cerita-cerita indah. Tapi mesti diingat, ketika musim-musim indah seperti inilah, Dinasti Tsar di Rusia yang sedang sibuk minum air anggur di dalam gelas emas dan perak, tumbang dipukul revolusi komunis. Dan ketika musim-musim indah ini juga Shah Iran yang duduk di takhta jatuh dilanggar pengaruh Revolusi Rakyat Iran pimpinan Ayatullah Khomeini.

Kejatuhan imprealis-imprealis ini yang terdiri daripada bangsa sendiri juga memerlukan peranan penulis. Das Kapital hasil penulisan Karl Marx, memainkan peranannya di Rusia. Risalah-risalah dan

tulisan-tulisan berbau revolusi juga tersebar dengan meluas di Iran. Sama seperti peranan al-Imam, Saudara, Idaran Zaman, Panduan, Lidah Benar dan Novel Hikayat Faridah Anum di Tanah Melayu sebelum merdeka. Menjadi suara penentang kepada ketidakadilan dan penjajah yang menyekat kebebasan rakyat.

Penulis harus bangkit semula dan berperanan seperti seorang penulis. Menulis bukan hanya untuk cari makan, tetapi lebih dari itu lagi!

## **Siasah (Majalah)**

### **Ini Hal Peribadi!**

**B**ukan soal kepentingan diri sendiri mahu diketengahkan tapi tindakan kejam Sang Penguasa dan masyarakat majoriti kepada hak peribadi. Itu soal moral.

Moral peribadi. Moral peribadi seseorang individu.

Selagi moral itu tidak menyentuh atau mengganggu individu yang lain, ia masih kuat dipanggil moral peribadi. Seperti yang diutarakan oleh John Stuart Mill di dalam bukunya yang berjudul *On Liberty*. Beliau memperkenalkan "prinsip gangguan" atau "harm principle". Menurut prinsip tersebut, selagi moral seseorang individu tidak mengganggu hak orang lain, selagi itu jugalah moralnya tidak boleh dikenakan sekatan dalam bentuk undang-undang.

Berbogel adalah suatu tabiat yang tidak bermoral bagi sesetengah masyarakat. Berbogel dalam rumah adalah suatu perbuatan tidak bermoral tetapi tidak boleh dikenakan sekatan atau tindakan undang-undang. Berbogel di khalayak ramai juga tidak bermoral tetapi boleh dikenakan sekatan atau tindakan undang-undang. Cuma ia bergantung kepada suasana masyarakat dan undang-undang setempat.

Pernah sekali diriwayatkan dalam kisah sahabat nabi tentang peristiwa ketika Khalifah Umar al-Khattab masih lagi menjadi Amirul Mukminin. Kisah di mana beliau mengintip seorang pemabuk di dalam sebuah rumah. Beliau kemudiannya telah menceroboh masuk ke rumah tersebut dan ingin menangkap pemabuk berkenaan kerana mabuk dalam rumah sendiri. Beliau berkata: "Aku ingin tangkap kau kerana satu kesalahan mabuk." Dibalas balik oleh pemabuk berkenaan: "Kau tak boleh tangkap aku. Aku lakukan satu kesalahan sahaja sedangkan kau telah lakukan dua kesalahan". "Apa kesalahan-kesalahanku?" tanya Umar semula. "Pertama, mengintip aku dan kedua, kau menceroboh masuk ke rumahku tanpa memberi salam."

Rumah juga adalah hak individu. Hak peribadi. Apa yang berlaku dalam peristiwa di atas boleh dibuat pengajaran. Pelajaran pertama: kalau nak buat perkara tak bermoral, buatlah di rumah dan melibatkan hak kita sahaja. Pelajaran kedua: jangan ceroboh hak peribadi seseorang, kerana itu tabiat yang paling tak bermoral!

Moral manusia berbeza antara manusia. Ini mengikut budaya, persekitaran dan kepercayaan masing-masing. Ini juga bukan mahu mengelaskan manusia kepada berbangsa-bangsa tetapi itu hakikat hidup manusia. Seperti termaktub dalam al-Quran, surah al-Hujurat, yang kurang lebih bermaksud; "Aku cipta manusia dari pelbagai keturunan dan bangsa adalah bertujuan untuk saling mengenali antara satu sama lain".

Darwin juga mengakui perbezaan manusia yang ini. Manusia jika dikaji secara saintifik mempunyai ciri-ciri yang berlainan mengikut kawasan. Perbezaan manusia inilah yang dipanggil sebagai bangsa. Sudah tentulah

dari ciri yang ini, manusia juga berbeza dari tindakan moral mengikut kawasan, pergaulan, budaya dan suasana.

Mana mungkin moral dapat disatukan dengan undang-undang. Paksaan dalam mematuhi undang-undang adalah sesuatu yang dipanggil oleh John Stuart Mill sebagai "government tyranny" atau "kezaliman kerajaan". Tiada kuasa juga bagi masyarakat setempat untuk menetapkan moral yang patut dipatuhi. Menurut beliau perbuatan ini boleh dikategorikan sebagai "social tyranny" atau "kezaliman masyarakat". Moral sepatutnya di amalkan dengan rela hati dan tanpa paksaan. Ini soal pilihan dan hak.

Bukankah dalam ajaran Islam juga menyemaikan semangat keikhlasan. Dalam al-Quran sendiri ada menyatakan bahawa, "tiada paksaan dalam beragama". Soal moral yang berkait rapat dengan agama atau ad-deen juga tidak boleh dipaksa. Ini soal hak dan pilihan. Dalam mendaulatkan masyarakat bertamadun atau "civil society" paksaan adalah sesuatu yang bersifat membunuh. Biarkanlah masing-masing punya hak dan tabiat masing-masing. Selagi individu tersebut tidak mengganggu hak orang lain selagi itulah perbuatan tidak bermoral yang dilakukannya adalah atas tanggungjawabnya sebagai manusia bersendirian.

Dalam tahun 1976, Williams Committee on Obscenity, juga telah memberi cadangan bahawa semua bahan porno atau lucah tidak perlu sepenuhnya diharamkan, tapi mendedahkannya di khalayak ramai patut disekat. Masalah bahan porno dan lain-lain bahan lucah bersangkutan dengan moral.

Namun demikian prinsip kemasyarakatan harus dijaga. Hampir semua kepercayaan dan agama mahukan penganut mereka jadi baik. Bermoral. Titik kesempurnaan manusia bila hidup di muka bumi ini ialah - baik. Dalam kepercayaan Buddha, ada menyebut lima petua yang harus diikuti penganutnya. Iaitu, tidak membunuh, tidak mencuri, tidak berzina, tidak berbohong dan tidak mengambil minuman atau makanan yang memabukkan. Ini bagi penganut Buddha adalah perkara yang tidak bermoral. Ia harus dijauhi. Dalam Islam juga ada

konsep "amar maaruf nahi mungkar".  
Mengajak orang kepada kebaikan dan  
mejauhkan orang dari kejahatan.

Maka pergunakanlah ruang hak dan pilihan  
tersebut dengan sebaik mungkin. Hak  
seseorang individu kepada individu yang  
lain ialah nasihat. Diingatkan - nasihat  
bukan paksaan. Kemudian hormatilah  
pilihan individu tersebut. Dia mahu ikut atau  
tidak mahu, terpulang kepada pilihannya.  
Itu juga adalah hak individu tersebut selagi  
ia tidak melanggar hak orang lain. Hak kita  
yang telah menasihati ialah menghormati  
keputusannya.

Konsep menghormati pilihan seseorang,  
boleh dilihat dalam al-Quran, Surah al-  
Kafirun, "aku tidak menyembah apa yang  
kamu sembah. Untukmu, agamamu.  
Untukku, agamaku". Ruang kebebasan  
untuk memiliki pendirian dan pegangan  
sendiri langsung menunjukkan kita punya  
pilihan. Kita punyai pilihan dan autonomi  
terhadap diri kita sendiri! Pergunakannya  
dengan bijak!

Maka, Sang Penguasa dan masyarakat  
majoriti tidak boleh mengganggu hak  
individu dan moral peribadi seseorang  
individu. Selagi moralnya dan amalan  
buruknya tidak mendatangkan kesan ke  
atas orang lain, selagi itu dia punya  
autonomi terhadap segala perbuatannya.

Dunia hari ini semakin kecil, namun  
kompleks. Jalankan hak dan tanggungjawab  
sebagai manusia dengan jalan yang boleh  
difikirkan betul. Ini hal peribadi yang patut  
difikirkan!!!

## **Siasah (Tabloid)**

### **Budaya Suap dan Filem Melayu**

**B**udaya suap memang kita akui semakin membarah di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan mahasiswa. Kebanyakan nota diberi secara suap kepada para mahasiswa oleh para pensyarah. Ini sangat menyedihkan. Sangat mecewakan.

Bukan sahaja nota diberikan secara suap malahan ujian oleh para mahasiswa diberi endah tak endah, bagaikan melepas batuk ditangga. Melalui pengalaman penulis ujian diberikan bocor oleh para pensyarah dan segala nota diberikan pula berfotokopi. Mahasiswa dan generasi muda masa kini sudah hilang daya fikir dan melalui hidup ini seperti seorang pesakit sedang makan bersuap.

Dan yang paling memeritkan ialah budaya suap ini semakin menular ke bidang lain seperti bidang perfileman. Bidang yang menjadi cerminan bagi kita – penonton, untuk mengenali diri kita sendiri.

Hasil sesebuah filem melambangkan masyarakat tertentu, seperti kata pengarah kelahiran Malaysia kepada wartawan Majalah Siasah, Tsai Ming Liang yang mendapat tempat pada peringkat antarabangsa (tentu ada yang masih belum mengenalinya), “filem merupakan salah satu alat untuk memahami diri sendiri.

U-Wei Shaari juga bersetuju dengan Tsai Ming Liang, dalam artikelnya berjudul Filem Untuk Festival yang disiarkan oleh Siasah pada bulan Mei 2003, U-Wei berkata “jikalau ditanya apa yang patut ada dan akan memancing juri luar negara untuk menjemput kita ke festival mereka, jawapannya tetap pada niat murni yang dapat mengangkat dalam atau luar diri kita sendiri.”

Kita terpengaruh dengan filem-filem Hindi. Filem-filem Bollywood. Filem melodrama-romantisisme dengan lagu-lagu mendayu-dayu dangdut nyanyian penyanyi yang sama berpuluh-puluh tahun. Aksi tarian ghairah-berguling-guling di kaki bukit-tukar lima enam pakaian dalam satu lagu.

Naratifnya, balik-balik tentang cinta. Tentang kasih sayang. Dan penamatnya selalu sahaja bahagia – seperti hikayat panji watak utama lelaki bertemu jodoh dengan watak utama wanita. Sesudah lama mengembara melawan segala musuh, berpanas, berhujan, tiada tempat untuk berteduh dan macam-macam lagi halangan yang tersedia menghadapani watak utama lelaki, ia pasti aka ketemu juga dengan watak utama perempuan.

Dan mungkin itu hukum orang-orang di sana – hukum karma – hitam akan mendapat balasan hitam dan putih pasti ketemu keadilan. Inilah hakikat filem-filem Hindi – hukum karma tertegak, walaupun hakikat itu sebenarnya berbeza daripada dunia nyata. Dunia nyata yang nyata mengkehendakkan manusia yang berani menghadapi cabaran hidup termasuklah hakikat hidup – yang

putih tidak semestinya akan menang dan yang hitam tidak akan selalunya kalah.

Sejak zaman Studio Jalan Ampas hinggalah ke zaman sekarang, zaman Yusof Haslam dan soon-to-be zaman Prof. Razak Mohaideen kebanyakan filem-filem kita terikut dengan filem daripada Bollywood. Shammi Kapoor, Shah Rukh Khan, Salman Khan, Mitoon Chakravoti, Jackie Shroff dan Dev Annan antara sebahagian nama-nama besar dari Bollywood yang menjadi pujaan sesetengah penonton-penonton Malaysia.

Biarpun tak ramai dari pengusaha-pengusaha filem Melayu yang mengikut mereka di segi aksi tarian ghairah-berguling-guling di kaki bukit-tukar lima enam pakaian dalam satu lagu, namun tetap filem-filem Melayu mengambil rempah ratus resepi filem-filem Bollywood. Dalam filem Anak Mami The Movie dan Mami Jarum arahan Prof. Madya Razak Mohideen, jelas adunan aksi tarian buatan a la Bollywood digunakan menjadi selingan untuk filem tersebut.

Filem bukanlah tempat menyelesaikan masalah – yang baik pasti menang di akhir, sepasang kekasih pasti ditemukan dan yang jahat tersedar insaf dengan keadaannya. Yang putih sudah semesti mengalahkan yang hitam dan dosa yang hitam pasti akan terbalas.

Filem juga bukanlah pasar borong atau pasar lambak tempat orang berjual beli dan mengira keuntungan. Filem menurut Jostein Gripsrud merupakan penggerak masyarakat dan bukan sekadar hiburan semata – menyajikan pengajaran daripada cerita yang dibawa (Ku Seman Ku Hussain – Apresiasi Filem, Panca Indera).

Corak sesuatu filem juga perlulah berkaitan atau bersesuaian dengan keadaan sosial tempat filem itu dikeluarkan. Bukankah Finas bangga menjerit “filem kita, wajah kita.” Jika benar kata Finas, maka wajah kita terlalu hodoh dek kerana filem kita yang terlalu lesu dan membosankan – tiada pembaharuan, jauh ketinggalan dengan panggung-panggung besar di Hollywood, Perancis, Iran, Korea dan Jepun.

Permasalahan dan realiti sosial kotemporari masih gagal dibawa oleh pengarah-

pengarah Malaysia ke atas masyarakat. Kebanyakan filem yang terdorong dengan faktor komersialisme menerapkan budaya popular masyarakat tanpa ada perdebatan tentang isu – pro dan kontra.

Inilah masalah pengarah komersial tempatan. Mereka seakan tidak memikul amanah sebagai penggerak massa, sebuah tugas berat seorang pengarah filem. Yang penting keutungan individual mereka sendiri. Asal filem mereka mendapat sambutan hangat, sudah memadai.

Filem sepatutnya menjadi ruang lontaran pelbagai idea dan pendapat. Dan pembikin filem mungkin terperangkap dengan kehendak massa. Massa berkehendakkan filem ringan, tiada permasalahan berat dan menutup ruang diskusi. Filem kotemporari tempatan sekarang lebih suka menyudukan sajian mereka ke mulut penonton daripada menyediakan hidangan yang disudukan sendiri.

Tiada salahnya membikin cerita ala-ala Bollywood, sarat dengan cinta dan melodrama habis. Ataupun, filem yang happy ending, tidak sekejam filem Iran atau kisah cinta tragis filem Hong Kong. Tetapi gabungkanlah pula dengan asakan pendapat, idea baru dan bukannya ruang perbincangan.

Lihat sahaja Kuliah Cinta arahan Prof. Razak Mohaideen, bukankah carbon copy kepada naratif filem Kuch Kuch Hota Hai. Dan Janji Diana arahan Yusof Haslam, tidak membawa hujah-hujah kuat kenapa Diana menjadi tomboy atau pendapat yang kontra dengannya. Sebaliknya Yusof Haslam lebih mementingkan pakaian Erra, kenderaan Rosyam dan aksesori-aksesori sampingan yang lain – Putrajaya, KLCC, rumah besar dan kerja standard tinggi.

Inilah masalahnya dengan filem Malaysia. Dan filem boleh mencerminkan pengarahnya sendiri. Setakat mana tahap keintelektualan mereka boleh dinilai melalui filem-filem keluaran mereka. Penulis rasa Ho Yu Hang pelakon iklan “kenapa, tak percaya?” lebih tinggi tahap keintelektualannya.

Yu Hang yang mendapat penghargaan di sebuah majlis perfileman di Nantes disebabkan filem arahnya Min, lebih menggambarkan filem yang bermutu. Begitu juga dengan Amir Muhamad, Osman Ali, Yasmin Ahmad, James Lee, Yuen 3R, Adman Salleh, U-Wei, Shuhaimi Baba dan Aziz M. Osman, hasil kerja mereka masih boleh dibanggakan sebagai penggerak massa.

Bukan niat untuk merendah-rendahkan martabat filem Hindi, keadaan tersebut mungkin sesuai dengan mereka dan sistem kasta antara mereka cukup membuatkan mereka berpegang dengan hukum karma.

Dan bukan juga niat untuk merendahkan pengarah-pengarah berbakat negara, tetapi inilah hakikat, hasil seni – tak kira nyanyian, perfileman, teater dan tarian – dan hasil persuratan menggambarkan di mana letak duduknya sesebuah negara dalam tamadun besar dunia.

## **Siasah (OnLine)**

### **Profesor Undang-undang Kritik Perang ke Atas Iraq**

21 Mac : Seorang profesor undang-undang universiti tempatan mengkritik keras perang Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya ke atas Iraq semalam. Professor Dr Shad Saleem Faruqi, Penasihat Undang-undang Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang juga pensyarah Undang-undang Perlembagaan di universiti berkenaan, berkata demikian dalam sebuah majlis di UiTM hari ini.

Pembentangannya mengenai isu tersebut adalah bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan, Persatuan Undang-undang UiTM dan Kolokium yang bertajuk, "Islam, International Law and The War Against

Terrorism" di Pusat Inovasi, UiTM, Shah Alam.

Prof. Dr Shad dalam ucapannya mengingatkan kembali tentang bagaimana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mula diwujudkan. Dan salah sebuah negara arkitek yang membina PBB ialah Amerika. Komitednya Amerika terhadap kedamaian dan demokrasi dunia jelas kelihatan di dalam kebanyakan tindakannya namun ia seperti sebuah topeng yang menutup wajah mereka yang sebenar. "Amerika seperti 'Dr. Jeekyll and Mr Hyde'," jelasnya lagi.

Amerika juga menurut beliau, adalah sebuah negara yang menghancurkan semangat demokrasi dan bukan memperjuangkannya. Dasar apartheid yang mereka tentang di Afrika Selatan adalah sebuah dasar yang mereka perjuangkan di negara mereka sendiri. Dan jelasnya lagi, walaupun terdapatnya "Statue of Liberty" di New York, ianya cumalah sebagai hiasan dan dalam masa yang sama Amerika masih lagi mengekang kekuasaan mereka di negara-negara dunia ketiga. Beliau juga mengutuk serangan unilateral AS ke atas Iraq dan menyifatkannya sebagai melanggar kandungan "Charter of the United Nation".

Di dalam pembentangan ucapannya di hadapan kira-kira tiga ratus orang tetamu yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa dan pensyarah-pensyarah universiti berkenaan, Prof. Dr. Shad juga mengingatkan tentang hegemoni Multi National Corporation (MNC) ke atas dunia. Kira-kira 40% dari kekayaan dunia adalah milik MNC, dan MNC ini adalah milik Amerika. Katanya "IMF, WTO dan lain-lain agensi kewangan dunia adalah di bawah kawalan Amerika."

Apa yang terjadi ke atas Iraq sekarang bukannya perang, tetapi penaklukan yang cuba dilakukan oleh Amerika. Menurut Prof. Dr. Shad lagi, "Amerika telah menaikkan belanjawan mereka sebanyak 48 billion kepada jumlah 335 billion semata-mata untuk perang kali ini. Apa yang terjadi ke atas Iraq adalah suatu penaklukan."

Beliau juga berpendapat, bahawa apa yang terjadi ke atas World Trade Center (WTC)

adalah dari perbuatan bukan pengganas Arab. "Bagaimana seorang yang cuma tahu bawa pesawat Caessna dapat mengendalikan pesawat yang jauh lebih canggih." Dan tindakan Amerika menyerang Taliban di Afghanistan adalah sesuatu yang amat dikesali. "Tiada bukti yang boleh dikaitkan dengan Taliban." Beliau mengingatkan semula tentang kes yang dibawa oleh Nicaragua ke International Court Of Justice. Di mana dalam kes tersebut, Amerika telah didapati bersalah melatih pemberontak di Nicaragua untuk berperang menentang kerajaan yang dipilih rakyat Nicaragua.

Prof. Dr. Shad yang juga merupakan salah seorang daripada ahli suruhanjaya yang menggubal perlembagaan negara Maldive mengulas tentang peranan Naib Presiden Amerika Dick Cheney, "Cheney merupakan bekas CEO salah sebuah syarikat yang menyediakan bahan pertahanan termasuk senjata kepada Amerika. Dan dia juga bersalam dengan Saddam Huseein selepas berjaya membuat urusan perniagaan dengan kerajaan Iraq."

Dalam ucapannya selama lebih satu jam, beliau juga turut menyebut tentang faktor yang menggalakkan Amerika menyerang Iraq, yang antara lainnya untuk mentamadunkan manusia dunia ketiga dan negara timur tengah. Seperti misi mereka yang berlaku pada Zaman Penjelajahan Eropah, mereka rasa seperti mereka juga punya beban untuk mentamadunkan manusia di seluruh dunia. "Mereka fikir itu beban orang putih (white man burden) untuk mentamadunkan manusia di timur tengah."

Selain itu menurut beliau lagi, tujuan mereka untuk menguasai Iraq adalah untuk membantu Israel dan menjadikannya tapak tentera di kawasan timur tengah. Penguasaan mereka di Iraq juga dapat memastikan mereka memonopoli sumber minyak yang berkualiti dan menguasai sumber air untuk kepentingan rejim Israel.

Prof. Dr. Shad juga amat sesal keadaan yang menimpa dunia sekarang selepas tragedi 11 September 2001. Menurutnyanya, dunia sekarang telah dipenuhi dengan sikap prejudis terhadap Islam. "Jangan menilai orang Islam di atas kesilapan muslim

tersebut." Katanya lagi, di dalam al-Quran terdapat lebih 200 ayat mengenai keamanan telah disebut.

Sebelum menamatkan ucapannya itu, beliau juga ada menyebut, "Pengganas tidak boleh diatasi dengan menggunakan kekerasan. Punca kepada segala masalah hendaklah dicari. Tiada negara yang dapat mengelak dari semangat kebebasan. Tiada presiden atau general yang boleh mengganggu hak rakyat sesebuah negara."

Beliau juga menggesa kepada yang hadir ke majlis tersebut supaya lebih bijak menggunakan pena dari menggunakan pedang. Beliau memberi cadangan, terutamanya kepada para mahasiswa supaya menulis untuk menolak dakwaan palsu dan menerangkan yang benar. Selain itu beliau juga mengingatkan para mahasiswa untuk memanfaatkan teknologi maklumat terkini dengan membina lebih banyak lagi laman web yang sebagai alat untuk memerangi keganasan.

Selain daripada kolokium dan Mesyuarat Agung Tahunan, majlis tersebut juga adalah sempena memperkenalkan Dekan baru Fakulti Undang-undang UiTM iaitu Profesor Madya Puan Ramlah Mohd Noh, yang menggantikan Profesor Madya Darby Mohamad Hashim yang dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi.

\*edisi penuh sebelum diedit menjadi makalah yang bertajuk Amerika pegang peran keganasan dunia : Dr Shad untuk Siasahonline.com, bertarikh 21 Mac 2003.

**Jalantelawi.com**

**Logik dan filem**

**P**enulis pernah berbicara dengan salah seorang teman yang merupakan juga peminat filem-filem Inggeris. Katanya, mengapa perlu filem-filem yang ditontonnya berakhir dengan bahagia. Happy ending. Penulis memikirkan persoalan yang ditimbulkannya. Malahan penulis membangkitkan persoalan sendiri: Mengapa semua filem-filem yang penulis tonton (terutamanya filem-filem dari Malaysia) lengkap-lengkap belaka, seolah-olah filem berkenaan (senarionya) terjadi di dunia yang sempurna?

Penulis berfikir, tidakkah tidak logik bagi sesuatu filem mengakhiri plotnya dengan bahagia; watak utama lelaki akan berkahwin dengan watak utama perempuan, yang putih akan berjaya kalahkan yang hitam ataupun yang jahat pasti akan dikalahkan oleh yang baik? Mungkin betul kata Jerry Seinfeld, "Sein Language":

"When you enjoy something, you must never let logic get too much in the way. Like the villains in all the James Bond movies. Whenever Bond breaks into the complex: 'Ah, Mr. Bond, welcome, come in. Let me show you my entire evil plan and then put you in a death machine that doesn't work'." (Dipetik daripada [www.moviecliches.com](http://www.moviecliches.com).)

Seorang teman penulis yang lain pernah menulis sebuah artikel tentang watak utama bagi filem-filem Melayu. Katanya, watak utama filem Melayu seperti papan. Selapis. "Dah jahat, jahat sangat." Filem Melayu, terutamanya, sering menunjukkan kesempurnaan dunia yang klise. Contohnya, kalau adegan sedih, pasti dibuat dengan suasana sekeliling yang hujan.

Sempurnanya manusia apabila adanya ketidaksempurnaan. Begitulah ciptaan Tuhan. Bukan Dia tidak mampu untuk mencipta manusia yang sempurna. Tetapi inilah kuasa-Nya; ketidaksempurnaan menyempurnakan manusia. Kita tidak boleh menolak ketidaksempurnaan dalam hidup; yang hitam sudah pasti akan dicipta putih, yang jahat pasti akan dipadankan dengan baik dan begitulah diciptakannya kita berpasang-pasangan.

Seperti yang dikatakan oleh Sheila On 7 dalam Berhenti Berharap "kenapa adanya sang hitam, kalau putih menyenangkan?" Seringkali manusia berkehendakkan putih tetapi dalam masa yang sama kita tak boleh mengelakkan yang hitam. Maka muncullah kelabu di antara hitam dan putih.

Cerita (filem, drama dan tele-filem) yang berkisarkan 'Dunia Sempurna' ini kebanyakannya beraliran romantisme (cerita [drama, filem dan telefilem] pun seperti karya-karya seni yang lain). Romantisme atau hikayat panji. Uda yang merantau jauh pastikan ketemu dengan si daranya, yang kesepian di akhir naratif.

Romantisisme membawakan idea dan fikiran, yang menyatakan keinginan penciptanya (karya seni). "Beginning with the late -18th to the mid -19th century, new Romantic attitude begun to characterize culture and many art works in Western civilization. It started as an artistic and intellectual movement that emphasized a revulsion against established values (social order and religion). Romanticism exalted individualism, subjectivism, irrationalism, imagination, emotions and nature - emotion over reason and senses over intellect." ([http://www.buzzle.com/chapters/arts-and-literature\\_history-and-the-hum](http://www.buzzle.com/chapters/arts-and-literature_history-and-the-hum))

Kebanyakan cerita-cerita jenis ini adalah berplotkan kisah cinta, naratifnya seringkali bagaikan hidup di alam yang berbeza. Apa yang kita idamkan pasti akan dapat. Kalau dalam dalam cerita itu seorang ahli bom cuba mematikan bom, wayar pilihannya pasti tepat dan bom tidak akan meletup.

Cerita cinta di Malaysia seringkali mempunyai watak-watak utama bernamakan dengan nama yang sedap didengar – mesti memiliki huruf z atau f, hidup di tempat yang mewah, memiliki kenderaan yang besar-besar dan memakan makanan yang enak-enak. Tiada gambaran bagi kawasan-kawasan terbiar, setinggalan dan longkang busuk. Yang ada hanya Putrajaya, KLCC, Menara KL, Dataran Merdeka dan tempat-tempat lain.

Baru-baru ini penulis ada menonton sebuah drama buatan Malaysia. Drama itu beraliran romantisme dan bernaratifkan tentang percintaan. Tempat lakonannya di sebuah tanah tinggi di Malaysia dan kehidupan watak-watak utama di dalamnya semuanya mewah-mewah belaka. Seperti ramalan penulis, drama itu pastinya berakhir dengan bahagia. Dan plotnya sempurna, sesempurna seperti yang kita idamkan.

Si Uda pasti ketemu dengan si Dara pada akhir naratif tidak seperti Romeo dan Juliet – kematian memisahkan mereka (mengikut William Shakespeare, Juliet mati). Maka tidaklah dapat bagi mereka (Romeo dan Juliet) melepaskan rasa rindu untuk bahagia

bersama hingga ke ahir hayat – tidaklah mereka live happily ever after.

Agaknya semua watak dalam drama tersebut tinggal di dunia berbeza dengan penulis. Dan mengalami kehidupan yang lain dengan penulis. Yang putih dibalas putih, yang hitam dibalas hitam. Dunia mereka sempurna!

Sedangkan ketidaklogikan bukanlah sesuatu yang asing bagi filem. Tidak payahlah saya mengemukakan seribu macam contoh tidak logik yang dipaparkan di dalam filem. Baik dalam filem Melayu ataupun filem Inggeris.

Menurut Hishammudin Rais dalam kolumnya Analog, berkata, "filem seram sering bergerak di atas lantai melanggar logik manusia dalam naratifnya. Filem seram memaksa penonton masuk ke dalam logik filem.

Sering terjadi watak seorang wanita yang tinggal dalam sebuah rumah besar tiba-tiba diganggu watak jahat. Jika ini berlaku di alam nyata, wanita ini akan menelefon polis tetapi dalam logik filem wanita ini akan cuba mencari siapa yang cuba mengganggu beliau.

Di sini, berlaku pertembungan dua logik dan dua realiti. Penonton menjadi gelisah kerana mengikut logik penonton polis harus dipanggil untuk menyelamatkan keadaan."

Kenyataan tersebut diambil daripada makalahnya yang berjudul Realiti dan Logik Filem yang tersiar dalam kolumnya di Berita Minggu, pada 12 April 1998.

Bagi saya pula, "semua filem adalah pada asasnya tidak real kecuali dua jenis filem: 1) filem dokumentari, dan 2) 'filem realiti' (adakah filem jenis ini?).

Saya pernah berbincang dengan seorang sahabat saya tentang filem Embun. Dia menyanggah tindakan Embun yang datang balik ke kem tempat dia pernah kena rogol. Tidak logik bagi orang yang telah dirogol datang semula ketempat dia dirogol tanpa ada rasa trauma. Sebaliknya saya mempertahankan Embun. Itu naratif filemnya kenapa mahu dipertikai, kita tak

boleh masukkan logik di alam nyata ke dalam logik filem.

Sekarang saya menonton, perhatikan teknik-teknik filem yang saya tonton. Di tv/pawagam saya seringkali 'nampak' dolly yang di atasnya ada kamera, tukang boom, juru solek, pengarah, tukang penataan cahaya dan lain-lain lagi. Sekarang saya menonton dengan santai, memikirkan sahaja apa yang hendak disampaikan di sebalik naskah skrip si tukang skrip.

Baru-baru ini, ketika cuti perayaan Deeparaya, kawan saya ada mengunjungi saya. Kami berbual. Antara yang kami bualkan ialah mengenai filem. Filem Melayu. Dia tidak banyak menonton filem Melayu. Ini disebabkan filem Melayu penuh tahyul. Saya mengiakan sahaja.

Saya tidak bersempatan untuk menjawab apa yang diperkatakannya pada ketika itu. Kalau saya ada peluang untuk berjumpa dengannya, mahu saya katakan mana ada filem yang tidak tahyul. Bariskanlah filem dari pengarah terkenal seluruh dunia. Quentin Tarantino, Akira Kurosawa, Steven Spielberg, Michael Moore, Peter Jackson dan James Cameron. Cuma filem dokumentari sahaja bukan tahyul.

Filem Dari Jemapoh Ke Manchesteer arahan Hishammudin Rais menampilkan ketidaklogikan yang nyata dalam filem tersebut. Mengapa kita tidak persoalkan motorsikal yang digunakan dalam filem tersebut. Dalam filem tersebut, motorsikal baru (RXZ, Suzuki 110, Honda EX5 dan lain-lain lagi — nyaris tak guna skuter) digunakan sedangkan suasana dalam filem tersebut suasana 70an — George Best, polis dengan seragam lama dan sebuah kereta lama. Ini kerana filem tersebut bukannya filem period. Bukannya filem yang meletakkan sesuatu zaman sebagai latar yang bergerak seiringan dengan naratif sesebuah filem.

Merupakan sesuatu yang tidak logik untuk kita mengembara dengan pedang samurai. Pasti akan ada PBT yang menahan anda. Kill Bill (volume 1) arahan Quentin Tarantino menampilkan filem yang sebegini tidak logik. Dan perempuan yang koma hanya memerlukan masa berbelas jam untuk pulih

dan jalan seperti biasa. Kalau ikutkan, kita perlu menjalani sesi terapi untuk pulih seperti sediakala.

Tetapi filem-filem Quentin tetap dipuji — Pulp Fiction, Reservoir Dog, Jackie Brown dan satu bahagian daripada Four Room. Ini kerana filem-filemnya mempunyai kekuatan skrip.

Satu lagi ada pihak yang menyatakan bahawa filem yang baik menampilkan realiti masyarakat. Filem Ada Apa Dengan Cinta menampilkan realiti kehidupan pelajar-pelajar sekolah menengah di Indonesia. Ya betul, Ada Apa Dengan Cinta menerobos ruang hidup anak muda di Indonesia.

Begitu juga dengan filem Andai Ia Tahu (menampilkan realiti seorang penulis), Biola Tidak Berdawai (mungkin menampilkan realiti orang yang menjaga kanak-kanak cacat), Jelangkung (menampilkan 'perbahasan' tentang metafizik dengan alam tahyul), Tusuk Jelangkung (sama seperti Jelangkung) dan Daun Di Atas Bantal (mungkin menampilkan realiti anak-anak gelandangan).

Tetapi, bagaimana kita tahu bahawa apa yang ditampilkan adalah realiti masyarakat setempat? Kita tahu bahawa yang ditampilkan dalam Berlari Ke Langit, arahan Bade Hj Azmi, adalah realiti KL kerana kita pernah 'memerhati', tinggal, atau pernah tinggal, di KL. Begitu juga filem Jogho dan Kaki Bakar arahan U-wei Hj Saari. Realiti sesebuah masyarakat hanya diketahui oleh masyarakat tersebut dan orang-orang yang terlibat dengannya.

**satu@RAH**

### **Filem The Matrix: Propaganda Komunis?**

**T**

ayangan pembukaan filem The Matrix:Revolution pada 6 November, di Russia disambut bukan sahaja dengan orang ramai bersesak dipanggung-panggung, malahan ia juga disambut dengan piket dan demonstrasi oleh penyokong fahaman komunis negara tersebut.

Seperti yang dilaporkan di web Annanova, seramai 32 orang anak muda telah berpiket di luar panggung Pushkinskiy - dengan mengenakan pakaian berwarna merah, memakai helmet tentera Soviet dan spek

mata hitam ala Matrix - bagi menyambut filem tersebut dan merayakan ulang tahun Revolusi Bolshevik.

Web tersebut yang juga sebuah web akhbar dan majalah, turut melaporkan bahawa seorang daripada ahli Parti Komunis (KPRF) telah berkata bahawa, Neo - watak utama dalam filem tersebut - adalah seorang komunis tulen. Dalam mengulas perkara yang sama, menurut web tersebut, Oleg Bondarenko, pemimpin pemuda gerakan Parti Komunis, berpendapat bahawa Neo adalah tidak ubah seperti Lenin, seorang revolutioner.

Dalam perkembangan berkaitan AFP, sebuah agensi berita antarabangsa turut mengulas berita ini, dan melaporkan bahawa anak-anak muda tersebut, yang menyertai piket/flash mob, turut memegang sepanduk bercahaya yang berbunyi "We are NEO-communists (Kami Adalah Komunis-Neo [Komunis-Baru])" dan "Destroy the Matrix (Musnahkan Matrix)".

Berita yang sama juga turut disiarkan dalam web akhbar MoscowTimes.com, sebuah web yang beribu pejabat di Russia. Oleg Bondarenko juga dipetik, sebagai berkata bahawa Parti Komunis adalah dalam perancangan untuk menarik minat ramai lagi penyertaan dari golongan muda dan salah satu daripada usaha mereka ialah dengan mengadakan piket atau 'flash mob' ini. "Rakyat mungkin menganggap Parti Komunis sudah 'pencen', namun kami akan ubah persepsi tersebut dengan program 'Mengemaskini KPRF (Upgrading KPRF)' dan 'Kiri Baru (The New Left)'" kata Bondarenko yang juga merupakan pengarah projek pemuda Parti Komunis.

Beliau turut menambah, "Kami mahu ramai lagi anak muda yang menyertai kami. Dan kami juga mahu meyakinkan mereka, bahawa KPRF adalah sebuah pertubuhan yang cool."

Di negara ini, seorang penulis, sutradara dan pengkritik filem, Sdr Hishamuddin Rais, turut menyatakan filem The Matrix berjaya membawa persoalan tentang falsafah, terutamanya isu berkaitan dengan ideologi,

selain daripada turut membawa tentang persoalan agama.

Menurut beliau, "Jangan diperbodohkan dengan pelbagai aksi dalam filem Wachowski brothers ini. Setiap perbuatan dan lakonan mempunyai maksud yang tersirat. Pelakon tidak di suruh sahaja berlakon mengikut skrip, malahan berlaokn mengikut kehendak mereka." Beliau menambah lagi, "Filem ni, berjaya menampilkan imej Buddha, Jesus dan Allah, pastikan mata tu terbuka luas bila menonton filem ini."

Beliau berkata demikian ketika sesi Diskusi Filem, The Matrix anjuran Universiti Bangsar Utama, yang dianjurkan baru-baru ini.

Seorang professor dari University of Texas Arlington, turut berkongsi pendapat yang sama dengan Sdr Hisham. Namun profesor ini melanjutkan lagi pendapatnya dengan mengaitkan filem ini dengan Marxisme. Pemikiran Karl Marx yang mencetuskan ideologi komunisme, merupakan musuh pihak kapitalisme nombor 1. Dan dalam filem ini, Matrix ialah sistem kapitalis, manakala Neo, Morpheus, dan Trinity adalah lambang bagi perjuangan komunis.

Dalam filem ini, menurut profesor tersebut, batteri yang dijadikan bekalan tenaga bagi kehidupan robotik di dalam Matrix, adalah seperti keringat dan usaha para pekerja, yang dimetaforkan sebagai manusia yang hidup cuma untuk bermimpi. Beliau berkata demikian, seperti apa yang dilaporkan oleh Patrick McGee, dalam buletin internet Star Telegram.

Dan seperti perjuangan komunis, revolusi adalah penyelesaian, maka begitulah filem The Matrix ini. The Matrix: Revolution menjadi penutup kepada sebuah siri filem yang bukan sahaja berjaya melakukan revolusi ke atas teknik perfileman malahan turut memaparkan kepelbagaian falsafah ideologi dan agama, disebalik layarnya.

## **Jiwa Kacau**

**P**ergolakan politik yang berlaku dalam negara ini sekarang adalah konsekuensi daripada kerakusan jiwa politikus yang gila kuasa dan harta. Perkara ini tidak mungkin berlaku tanpa kehadiran nafsu dan sifat tamak terhadap unsur duniawi yang merosakkan.

Kuasa dan harta adalah segalanya. Fikiran yang lebih banyak menjurus kepada usaha untuk berkuasa dan inginkan kemewahan yang lebih, lebih daripada yang sepatutnya telah merosakkan juga peribadi manusia yang sepatutnya luhur dan suci jiwa,

perasaan dan akal membawa kepada kemakmuran kehidupan manusia dan akhirat.

Kewujudan perasaan tamak dan nafsu menggila yang lebih pentingkan harta, darjat, kuasa dan kemewahan berkait rapat dengan sifat ego manusia yang merasa diri lebih berkuasa. Keengganan diri untuk membawa keluar rasa besar hati, taksub pada diri sendiri dan sifat tidak mahu mengikut apa yang telah disuruh serta sikap menafikan kebesaran sifat tuhan, telah mencipta satu makhluk yang hilang punca hidup dan tenggelam punca, sesat dalam keadaan yang sudah sememangnya sesat.

Manusia sebagai makhluk ciptaan tuhan seharusnya berpandukan hidup kepada apa yang telah ditetapkan. Penolakan secara terang atau senyap terhadap apa yang diperintah oleh tuhan, melanggar perjanjian alam yang sepatutnya yang berkuasa, berkuasa terhadap yang tidak berkuasa. Kerana yang berkuasa itu berkuasa maka berhaklah baginya untuk berkuasa ke atas yang tidak berkuasa.

Seharusnya manusia membuat penarikan semula kebesaran diri dalam jiwa dan menanam kebesaran pencipta yang maha agung. Tolak semua daya atau usaha yang mencengkam minda dan jiwa daripada terus yakin bahawa kita berkuasa ke atas dunia ini, kita mampu buat apa sahaja tanpa bantuan yang maha kuasa.

Tolak semua itu, rendahkan diri dan mengaku tiada yang mampu termasuk diri kita untuk melakukan semua perkara dan berkuasa ke atas dunia ini selain dengan izinnya. Jika kita tolak penolakan ini seumpama kita tolak kewujudan pencipta kita. Tundukkan kepala dan terima segala takdir yang maha penentu. Yakin dengan sepenuhnya terhadap suruhan yang maha kuasa, bahawa kejayaan hanya datang jika mengikut jalannya.

Jangan pula kita samakan takdir utusan ketuhanan ini dengan ideologi manusia yang kita cipta sendiri yang boleh berubah mengikut hawa nafsu dan kehendak hati. Tapi utusan yang bersifat ketuhanan ini perlu diikuti. Jika salah satu perkara asas

dalam menyempurnakannya itu kita bantah dan enggan, bermakna kita derhaka kepada pencipta kita yang maha kuasa lagi berkuasa ke atas kita.

### **Kawanku Pembunuh!**

**D**ia jadi teman semasa aku  
keseorangan. Ketika aku benar-  
benar memerlukan teman. Bila  
aku berhadapan dengan  
pelbagai masalah. Namakan  
sahaja apa masalahnya. Kewangan,  
perempuan atau pelajaran dia pasti setia  
jadi kawanku.

Walaupun aku sedar satu dunia panggil dia  
sebagai pembunuh dan aku cuba  
membenci. Tetapi, makin hari aku benci,  
makin sayang jadinya. Aku sanggup buat

apa sahaja untuk mendapatkannya. Aku juga tak kisah jika duit tiada untuk makan. Tapi kalau pasal dia. Boleh sahaja.

Pernah sekali, masa aku kering duit. Memang cukup makan sahaja. Tapi kerana dia, aku sanggup makan mi segera sahaja untuk jimatkan kos. Bila fikir-fikir balik aku rasa apa yang aku buat macam tak waras. Aku dah jadi macam bukan aku lagi.

Kalau dulu, ketika aku tak kenal dia, aku tak alami masalah macam ini. Tak susah nak jimatkan duit. Tak susah keluar malam pasal nak cari dia. Penyakit yang aku hidap sekarang ini pun tak makin teruk. "Tapi, dia amat setia menemani aku." Dia betul-betul jadi teman aku. Aku seperti tak mahu kehilangannya.

Ada seorang kawan aku, selalu juga tanya: "Kau ini ada banyak masalah ke?" Aku tak jawab. Aku cuma diam. Tapi dalam kepala otak aku, cuma tuhan sahaja yang tahu.

Setiap hari aku menginginkn masa indah bersamanya. Aku akan rasa lega lepas jumpa dia. Dia juga seperti sudah menjadi sumber ilhamku. Aku tak dapat bayangkan bagaimana keadaan aku menulis tanpa kehadirannya. Aku juga tak dapat bayangkan bagaimana aku belajar tanpa kehadirannya. Aku tak nak bayangkan!

Teman wanita aku tak tahu pasal dia. Ada juga terlintas niat dihati nak beritahu. Tapi tak mampu. Aku takut teman wanitaku tak boleh terima kehadirannya dalam hidup aku. Aku takut perhubungan kami sampai ke hujung jalan. Aku tak mahu berpisah dengan teman wanitaku, tapi dalam masa yang sama, aku juga tak mahu untuk kehilangan dia.

Aku tahu, teman wanita aku pasti akan membencikannya. Membenci dengan sepenuh hati. Serba salah aku jadinya. Bagaimana pula jika teman wanita aku suruh pilih, sama ada pilihkan dia atau pun pembunuh itu. Sudah pasti aku akan mati kutu. Tak berdaya untuk menjawab.

Kawan sebilik, kawan sekelas dan kawan sekampung sedar akan perubahan aku kerana kehadirannya dalam hidup aku. Ada

di antara mereka dah mula ubah persepsi tentang diri aku. Sudah mula fikir lain pasal aku. Aku tak kisah. Aku tak peduli. Aku cuma pedulikan dia sahaja.

Masa depan aku dengan pembunuh ini? Aku tak tahu. Aku serahkan pada tuhan sahaja. Kalau jodoh kami tak lama, itu kuasa tuhan. Tapi kalau sampai mati aku akan bersama dia, itu juga takdir. Pasrah!

**Malysiakini.com Lambang Kebebasan  
Media Siber Malaysia.**

**B**ila sahaja terdengar berita tentang serbuan, rampasan dan tahanan beberapa kakitangan dan cpu komputer milik Malysiakini.com, penulis segera tunduk dan mengaduh. Bukannya terkejut kerana mereka akan diambil tindakan begitu, tetapi kecewa dengan tindakan kerajaan menafikan hak bermedia sama sekali hak untuk menulis semua wartawan,

baik yang di bawah Malaysiakini.com mahupun wartawan di syarikat-syarikat penerbitan yang lain.

Kebebasan media di negara ini sekarang dan sebelumnya sudah berada di titik sama ada mahu kebelakang atau kehadapan. Cuma disebabkan oleh laporan polis yang dibuat oleh Pemuda UMNO, Polis sudah cukup melatah seperti bertindak bukan mengikut kemampuan mereka sendiri, tetapi seperti mengikut suatu telunjuk ghaib.

Kejadian seperti ini sepatutnya tidak terjadi di sebuah negara yang cukup komited memperjuangkan haknya dan dunia ketiga secara keseluruhannya. Negara yang diwakili oleh pemimpin yang cukup lantang di luar, namun cukup takut di dalam negaranya sendiri, sekali lagi menggunakan polis sebagai instrumen pembekal kuasa. Tindakannya kali ini seperti tindakan penutupan sekolah agama rakyat, sama sekali menafikan hak rakyat untuk menerima maklumat yang cukup telus dan seimbang.

Sememangnya negara kekurangan undang-undang yang itu. Undang-undang untuk menerima maklumat atau right to access information. Walaupun di dalam Perlembagaan tidak dinyatakan tentang hak untuk menerima maklumat, kerajaan yang cukup komited dalam memperjuangkan nasib rakyat seharusnya lebih mengetahui tentang hak ini, dan sepatutnya berhak mengiakan segala penerimaan maklumat oleh rakyat.

Cukuplah dengan sekatan melalui undang-undang yang tidak lengkap penunjuknya. Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dan Akta Hasutan menjadi semacam penghalang kepada kewujudan kebebasan media di negara ini. Namun dengan ruang yang cukup sempit Malaysiakini.com masih mampu menjana perubahan dalam kebebasan media siber negara.

Mungkin Steven Gan sekarang ini sedang bersedih tentang cpu komputernya, namun beliau tidak akan sedih lama jika beliau cukup tahu tentang apa yang diperjuangkan. Wartawan dan kolumnis buangan The Sun itu masih boleh berbangga dengan perjuangannya.

Bertahan walaupun sudah sekian lama ujud di alam siber ini. Dari edisi yang percuma hinggalah yang berbayar, Malaysiakini.com masih mampu hidup, walaupun dalam keadaan serba kekurangan dari bentuk wang ringgit.

Laman web yang juga terkena percikan semangat reformasi ini walupun disyaki beberapa pihak tentang keseimbangannya masih lagi mengutarakan dan menyiarkan berita-berita yang telus dan tidak berat sebelah. Selepas beberapa kontroversi yang pada realiti sebenar menjadi dilema untuk terus ujud, Malaysiakini.com masih terus gagah melayari samudera perubahan negara. Menjadi agen perubahan dalam aspek kewartawanan bebas dan media siber merupakan satu tanggungjawab berat yang harus dipikul oleh Steven Gan dan anak-anak buahnya.

Biarkanlah mereka menyerbu! Biarkanlah mereka menahan! Biarkanlah mereka merampas! Namun perjuangan pasti tetap akan diteruskan. Malaysiakini.com dan lain-lain media siber harus bersama-sama menjalankan tugas mereka dalam menjadi fungsi utama kebebasan media. Lagipun, bukankah maklumat dan ilmu jua menjadi ibu segala perubahan manusia.

### **Rokok Nan Sebatang.**

"A

maran oleh kerajaan Malaysia: Merokok membahayakan kesihatan". Itu amaran yang pasti ada pada setiap kotak rokok pelbagai jenama di Malaysia. Memang jelas tulisannya. Terang. Ringkas dan padat. Malahan, aku juga faham maksudnya.

Tapi kotak rokok yang baru aku beli tadi berlainan sedikit. Tertulis di kotak rokok

tersebut, "Merokok Dapat Menyebabkan Serangan Jantung dan Impotensi." Rokok ini diimport dari negara jiran Indonesia. Atau boleh aku katakan dengan lebih tepat sekali, diseludup. Harganya berbeza dari yang biasa aku beli. RM3.00. Kata pekedai tersebut, ia rokok asli. Bukan tiruan. Aku faham. Mungkin taktik atau strategi pekedai nak kaut untung lebih. Sekali lagi aku faham.

Macam yang aku tulis tadi - "memang jelas tulisannya". Bukan sahaja jelas tapi mudah difahami. Aku rasa semua yang merokok pasti akan faham maksudnya, sama seperti aku. Memang ia bahaya untuk kesihatan. Memang ia boleh menyebabkan serangan jantung. Memang ia boleh menyebabkan mati pucuk. Tapi masih juga merokok.

Ini memang tabiat manusia. Sudah tahu bahayanya, lagi mahu dibuatnya. Ialah, bukankah yang terlarang itu suatu godaan? Dan bukankah yang bahaya itu suatu cabaran. Tambah-tambah lagi aku ini. Sudahlah berpenyakit, lagi pula mahu merokok. Rakan-rakan sudah ramai yang melarang. Nasihat pun ada. Tapi nak buat macam mana, memang sudah tabiat aku. Memang aku mahu mati cepat agaknya? Memang mahu bunuh diri!

Orang lain sibuk mahu berhenti merokok, aku baru mula mahu hisap rokok. Mungkin keadaan sekeliling atau pun perubahan diri aku, buat aku jadi macam ini. "Jangan nak salahkan orang. Mengaku sahajalah itu salah diri sendiri". Memang kelemahan aku agaknya. Mudah terpengaruh.

Tapi dalam masa yang sama, aku cuba juga tidak mahu terpengaruh. Kalau orang lain hisap rokok buatan Amerika. Buatan Multi-Nasional Corporation@Kapitalis. Aku mahu hisap rokok buatan Asia. Buatan yang kurang kapitalisnya. Mungkin nak tunjukkan yang aku bencikan kapitalis. Atau mungkin aku tidak mahu membantu dalam perlaburan memperbesarkan lagi syarikat-syarikat yang kapitalis tersebut.

Alih-alih, terdengar pulak cerita dari seorang kawan yang mengatakan bahawa rokok jenis yang aku hisap ini pun buatan dari kaum imprealis juga. Aku mati kutu. Tak

tahu nak kata apa. Tapi dalam masa yang sama tangan aku terus keluarkan sebatang lagi rokok. Aku hisap. Aku puas!

Tak tahu apa pasal aku merokok. Nak cari idea agaknya. Ataupun nak bebaskan diri dari tekanan. Mungkin. Berjaya. Tak tahu. Mungkin. Boleh cuba kalau nak tahu. Kawan-kawan rapat aku memang terkejut dengan perubahan diri aku yang ini. Mereka tak terkejut aku simpan rambut panjang. Mereka tak terkejut aku mula pakai seluar pendek. Mereka tak terkejut aku dah mula fikir pasal penampilan diri. Tapi mereka terkejut aku sudah mula hisap rokok!

Sebatang lagi aku ambil untuk hisap. Tinggal lagi sebatang. Ya. Tinggal lagi sebatang. Perkara yang paling berat dalam dunia bagi aku sekarang. Masalah yang sama berat seperti beratnya penduduk dunia mahu terima perang Amerika ke atas Iraq. Masalah rokok habis. Lagi berat jika kawan serumah juga sudah mula kehabisan.

Pelbagai jalan, kerajaan yang dipilih sekarang cuba menyelesaikan isu rokok. Mahukan rakyatnya tidak merokok. Salah satu daripadanya ialah dengan menaikkan cukai rokok. Cukai rokok naik, harga pun naik. Tapi apa yang aku nampak - rakyat makin kuat merokok. Masalah tak selesai juga. Itu belum campur kempen dan promosi "gaya hidup cool tanpa rokok."

Masalah juga bila dapat teman wanita yang tak sukakan teman lelakinya bertabiat merokok. Setakat hari ini, aku masih tak bagitau lagi teman wanita aku tentang tabiat buruk aku yang ini. Bila jumpa dia, aku tak merokok. Bila jumpa dia lewat beberapa hari kebelakangan ini, performance aku menurun. Lepas makan selalu aku tarik muka sepuluh sen. Tak dapat merokok. Aku pun tak tahu nak jelaskan pada dia. Takut dia marah. Dia tinggalkan aku. Tapi kalau dia betul sayangkan aku, dia mesti terima tabiat buruk aku. Dia mesti terima aku seadanya. Dia mesti terima baik buruk aku.


Memang aku mula merokok sejak dari sekolah menengah lagi. Tapi pada masa itu, aku tak terketagih lagi. Aku masa itu cuma tumpang kawan hisap. Lepas sekolah menengah, aku henti tabiat buruk aku itu.

Paru-paru aku kira selamatlah juga dari asap rokok. Walaupun masih tercemar lagi dengan asap rokok orang lain. Kira hebat juga aku dapat tahan merokok masa itu. Tapi sejak setahun sudah aku mula mengalah. Mengalah dengan tabiat buruk yang ini.

Paru-paru aku mula tercemar dengan asap rokok sekarang. Sudah setahun aku mulakan tabiat buruk yang ini. Mula-mula rokok daun. Kemudian aku mula hisap rokok batang. Sekarang rokok kotak pula. Setiap hari satu kotak paling kurang. Setiap hari paling kurang RM2.30 duit aku habis pada rokok. Bakar duit dengan tabiat buruk yang ini. Bakar RM2.30. Sebulan aku bakar RM69. Setahun aku bakar RM828. Banyak benda yang aku boleh beli dengan jumlah duit yang itu.

Yang kali ini rokok aku terakhir. Aku ambil. Aku bakar hujungnya. Bila sudah mula terbakar rokok itu, aku mula sedut asapnya. Aku tarik, kemudian aku hembus. Terasa nikmatnya. Nikmat apa? Aku tak tau nak jelaskan. Kalau mahu tahu, baik cuba. Sekarang rokok yang sebatang pasti akan habis. Aku mula fikir nak keluar cari sekotak rokok lagi. Di sini tiada masalah. Kedai 24 jam banyak dibuka. Cuma kerajinan sahaja yang diperlukan untuk keluar. Tapi dalam keadaan macam ini, apa sahaja sanggup. Sanggup kerana rokok nan sebatang!

### **Surah Ke Langit Buat Rachel Corrie.**



Wajahmu ayu. Rambut lurusmu berserta wajah putih gebumu mencerminkan keindahan budi pekertimu. Biar sahaja aku bagaikan engkau seperti bidadari di syurga langit tinggi. Bidadari yang tidak terperi dengan kejelitaan gadis-gadis remaja seusia denganmu.

Namun wajah cantikmu tidak menjadi suatu godaan berahi buat tentera-tentera zionis yang kejam itu. Bagaikan tiada perasan (lebih teruk dari haiwan), mereka (tentera-tentera itu) melanggar tubuh manismu dengan sebuah jentera pembajak. Habis tubuhmu.

Aku yakin, sekarang kau berada di tempat impianmu. Tempat yang tidak bisa didiami oleh manusia-manusia seperti mereka-mereka itu. Aku pasti juga yang engkau puas dengan kematianmu itu. Perjuangan engkau sudah selesai.

Bila darah yang mengalir dari tubuhmu mengeluarkan bau syurga idaman manusia, terbayarlah juga hutang darah Ali, Masirah,

Nuha dan anak dalam kandungannya, dan lain-lain yang menjadi mangsa kezaliman zionis dan sekutunya.

Mungkin engkau sudah lupa agaknya saat manis masa remaja. Berlari berkejaran dengan kekasihmu di taman sambil bernyanyi. Bermain bowling meriah dengan rakan-rakan. Mencari ilmu yang tidak mempunyai had sempadan. Berkerja mencari kemewahan hidup di dunia, sama seperti anak-anak muda lain yang seusia denganmu.

Atau mungkin juga engkau masih ingatkan lagi perkara-perkara itu. Tapi demi kerana hati tulusmu itu, engkau sanggup melupakannya buat sementara. Oh, sungguh mulia dirimu. Engkau lebih pentingkan manusia yang bukannya satu bangsa denganmu berbanding peluk cium dengan kekasihmu. Yang bukannya juga satu kepercayaan denganmu.

Jika aku lelaki, sudah pasti engkaulah gadis remaja idamanku. Inginku impikan hidup semati denganmu. Akanku rentasi hidup ini walaupun pastiku tahu ranjau duka akan mendepani kisah cinta kita. Jika aku pula aku ini gadis sebaya denganmu, biar sahaja, aku menjadi teman setiamu. Pasti akan kudengar setiap masalahmu, kisah suka duka hidupmu.

Aku mahu beritahu sekarang. Jika semua ini berlaku pada diriku. Aku tidak mampu menjadi sepertimu. Aku tidak mampu memilih kemuliaan seperti mu. Aku tidak mampu meninggalkan kekayaan dan kesenangan dunia kerana orang lain. Aku juga tidak mampu mahu meninggalkan kekasihku kerana perjuangan. Aku tidak mampu Rachell.

Langsung juga aku putus asa dengan perjuangan, tidak mampu berkorban.

Kemuliaanmu luar biasa. Kekuatan jiwamu juga luar biasa. Aku tidak reti mahu bandingkan dirimu dengan sesiapa yang seusia denganmu dan juga sezaman dengan kita sekarang.

Aku tahu susuk tubuhmu sakit ketika itu. Di kala, jentera raksasa itu melanggari, merempuh dan menodai diri sucimu. Aku

juga masih terdengar lagi suara rintihanmu. Terngiang-ngiang lagi di telinga ini, tangisan kesakitanmu. Dan aku di sini, diam, tidak menolongmu. Apakah jenis manusia aku ini? Dosa aku padamu, tidak dapat terbalas selagi segala kezaliman di bumi suci itu tidak dihapuskan.

Aku akan terus termangu dengan peristiwa sedih lagi berdarah yang menimpa dirimu itu. Mangu aku, aku yakin tidak seorang. Mangu aku berteman. Tidak seperti kau sekarang. Biar sahaja menanggung dosa. Biar sahaja kami yang teruskan perjuangan ini pikirku.

Dosa ini memang milik kami. Manusia yang tidak pernah mahu mengerti tentang kezaliman. Yang terus mahu diam walau kezaliman jelas di depan mata. Membiarkan adalah suatu kezaliman dan cara itu jugalah yang aku lakukan ke arah situasimu ini.

Rachel, jika kau membaca surah ini . . .

### **Dari Labirin Politik Khalid Jaafar**

**P**olitik menurut Khalid bagaikan labirin. Mulla Sadra pula jadi sanjungannya dalam membahaskan isu berkenaan Islam. Pandangannya terhadap Amerika cukup berbeza. Dan pegangannya kepada perubahan amat jelas.

Pertama kali berjumpa dengan beliau, ialah di pejabat Siasah. Suatu detik yang pasti saya tidak akan lupakan - berjumpa dengan salah seorang penulis yang saya kagumi. Bukan kerana cara beliau menulis, tetapi kerana pegangannya yang jelas dan berani, serta kepelbagaian sumber rujukan yang dibuat sebelum mula menulis sesuatu karya. Dari sumber Greek, Yunani dan Roman purba, hinggalah kepada sumber al-Quran, hadis dan ulama-ulama besar Islam, beliau seperti tidak pernah tinggal satupun daripada bahan bacaan yang ada dalam dunia ini. Dan tabiat membacanya ini benar-benar menggalakkan saya - membacalah untuk menulis dengan baik.

Buku Tumit Achilles yang baru sahaja terbit, merupakan sebuah himpunan karya-karya

dari kolumnya yang pernah disiarkan di Buletin Keadilan dan majalah Siasah. Sentiasa, kolum-kolumnya pedas. Sinis. Dan mengundang pembaca untuk berfikir dengan lebih lanjut.

Buku ini dipisahkan kepada lima bab. Kesemua bab-bab tersebut mencakupi permasalahan berkenaan agama, politik, terrorisme dan perang, isu Anwar lawan Mahathir dan esei-esei lain yang berkaitan dengan isu semasa.

Benar kata pengantar, Eddin Khoo nampak jelas dengan tulisan Pak Khalid. "Sikap romantis dan idealis (yang sangat perlu kepada seorang pemikir) wujud di hampir kesemua esei yang dimuatkan dalam 'Tumit Achilles' ~ hasil tulisan singkat Khalid Jaafar." Beliau memang seorang yang bercita-cita tinggi, meluahkan apa yang dilihat dan menegur apa yang beliau rasakan tidak selesa.

Dari lebih 60 buah artikel, Labirin Politik merupakan artikel yang paling saya minat. Keupayaan beliau menulis, menentang apa yang ada disekelilingnya - termasuk arus Reformasi. Benar-benar saya kagumi. Jelas dalam artikel tersebut pegangannya, "begitupun seorang penulis, meskipun orang parti tetap ada setitik dua darah anarkis yang mengalir dalam tubuhnya. Dia tidak akan jadi seratus peratus kompromis. Dan dalam pimpinan Keadilan semua mengetahui bahawa pendirian saya dalam hal-hal tertentu lari dari pendirian majoriti pimpinan parti. Tentang negara Islam, hudud, persamaan gender, pendirian saya tidak popular. Saya juga mendedahkan ketidakseimbangan kenyataan BA dan NGO tentang Iraq. Bukan sekadar saya suarakan dalam mesyuarat-mesyuarat tertutup bahkan saya tulis dalam kolum saya 'Amat Amati'."

Ya! Dalam buku ini juga terdapat beberapa artikel yang menunjukkan pandangannya tentang isu perang di Iraq. Ya! Memang pandangannya agak lari dari arus perdana. Arusnya kurang popular. Sekali baca pasti akan rasa pandangannya tidak berasas. Namun baca sahaja mungkin tidak cukup. Tulisannya harus diselidiki dan dianalisis benar-benar. Apabila fikiran sudah mula menguasai emosi kembali, maka pada

ketika itu pertimbangan yang adil boleh diberi kepada tulisannya. Kadang-kadang ada tulisannya yang pantas kita akan bagi kebenaran.

Buku ini secara keseluruhannya membenarkan kata-kata Robert Down, bahawa buku sebenarnya suatu benda yang bernyawa, bertenaga dan punyai kemampuan menghasilkan ledakan. Robert Down mengulas lebih lanjut mengenai ciri istimewa sebuah buku. Katanya buku bukan suatu benda jinak dan tidak bertenaga. Tetapi buku sebenarnya menjadi semacam duri dalam daging yang mampu hidup bersemangat, mempunyai kuasa untuk merubah keadaan. Baik menjadi suatu keadaan yang lebih baik, mahupun menjadikan keadaan tersebut jadi lebih buruk lagi.

Inilah yang dikatakan oleh penulis dan pejuang kemerdekaan Tanah Melayu satu ketika dahulu, Syeikh Mohd. Salim Khalali, tentang peranan seorang penulis. Dan buku ini mampu menjadi petunjuk seperti apa yang dikatakan beliau, "mengingatkan mana yang lalai dan menagakan mana yang tidur, menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan."

Biarpun tidak semua yang tertulis di dalamnya betul. Namun berikanlah ia satu pertimbangan yang adil. Biarkan akal yang mengadili, jangan emosi. Seperti buku ini lahir jadinya - dari akal seorang pemikir, seperti kata Eddin Khoo yang mengakhir ayat akhir kata pengantarnya dalam buku tersebut, "Ya, pemikir itu harus berkata, bersama dengan penyair Amerika Robert Frost: 'Dua jalan bercabang di hutan; dan aku/Aku memilih jalan yang kurang dilintasi/Dan itulah bezanya.'"

### **Nirvana, Dunia Artis dan Syarikat Rakaman Besar.**

**K**ematian legenda grunge rock dunia Kurt Cobain, hampir sepuluh tahun yang sudah amat mengejutkan. Riwayatnya ditamatkan oleh senapang patah kepunyaan beliau sendiri. Mukanya pecah. Trigger senapangnya tidak sempat dihalang dari dipetik. Meninggalkan satu nota akhir, bagai wasiat.

Namun, kematian beliau menjadikan kumpulan muzik yang dikepalainya iaitu Nirvana terus melonjak naik, hampir ke seluruh dunia. Popularnya kumpulan tersebut turut juga dirasai di negara ini. Kutipan jualan albumnya juga turut naik di seluruh dunia. Dan keuntungan hasil dari jualan tersebut dilaporkan hampir mencecah ratusan juta dolar.

Baru-baru ini, isu royalti kumpulan muzik tersebut menjadi kontroversi. Pertelagahan antara pihak syarikat rakaman dengan ahli-ahli dalam Nirvana menjadi kecoh sebentar di Amerika dan dunia kapitalis sekelilingnya.

Chris Novoselic, Dave Grohl sibuk melayan hak masing-masing ke atas jumlah royalti tersebut. Tak ketinggalan, isteri Cobain sendiri, pelakon dan vokalis kumpulan Hole, Courtney Love, juga mahukan haknya.

Peristiwa Kurt Cobain ini adalah sebahagian peristiwa dari yang pelbagai lagi tentang kemusnahan hidup artis di tangan syarikat-syarikat rakaman besar. Hakikatnya, artis tidak mampu lawan. Artis mesti juga terima hakikat - dia hidup dalam dunia kapitalis yang mengizinkan segala jenis eksploitasi. Cacat cela sistem ekonomi itu patut kita terima, kerana kita juga yang ciptakannya.

Namun, perlulah ada perimbangan dari segi ini. Dalam konteks artis rakaman sekarang terutamanya yang berada di negara ini, kita perlu tahu hak. Perlu ambil segera autonomi. Seperti yang dilakukan oleh segelintir artis di barat, contohnya, Sex Pistols dan Rage Against The Machine. Kumpulan-kumpulan muzik ini tahu hak mereka. Bila tak puas hati, mereka akan protes. Mungkin ramai yang masih ingat lagu E.M.I dari Sex Pistols, dan kejadian Sony Music Corporation membawa Rage Against The Machine ke muka pengadilan kerana menghina perjanjian syarikat tersebut.

Mereka mengkritik syarikat rakaman mereka sendiri, bukan mahu menentang, ataupun tidak setuju dengan semua perkara syarikat rakaman anjurkan. Cuma, mereka mahukan hak mereka. Mana yang telah dicerobohi, dan mana yang tidak. Mana yang sepatutnya diikuti dan mana yang tidak. Mereka bukannya setia membuta tuli.

Di Malaysia, jika kita lihat, peluang artis negara ini mahu keluar negara dan mencuba nasib di sana amat cerah. Syarikat rakaman besar multi national corporation dunia punyai kuasa terhadap mereka. Oleh itu, pasaran luar negara bagi artis-artis di sini memang ada. Namun perkara sebaliknya berlaku. Artis negara ini masih belum lagi terdedah dengan persekitaran luar. Melainkan satu dua pertandingan kecil yang dimasuki dan selebihnya ruang untuk mereka masih lagi tertutup. Sedangkan artis luar, sejak dari tahun berapa, sudah mula established di negara ini.

Bakat dan kemampuan artis-artis dalam negara sememangnya tidak boleh disangkal. Satu dua nama seperti Sheila Majid, M. Nasir, Too Phat, Yassin, Noraniza Idris dan Siti Norhaliza sudah cukup kuat untuk mewakili negara ke pentas antarabangsa. Muzik nyanyian mereka punyai elemen yang pasti boleh menarik minat pendengar-pendengar muzik di Eropah dan Amerika Syarikat. Namun mereka cuma mencipta nama di negara-negara Asia sahaja seperti Jepun, Indonesia dan Singapura.

Semacam sudah ada peraturan bahawa muzik mereka yang unik dan menarik tersebut tidak boleh keluar. Lihat sahaja pelbagai polisi serta syarat untuk mereka memindahkan bakat mereka keluar. Perlukan itu. Perlukan ini. Dan akhirnya kemampuan mereka tidak berkembang. Bagaimana dengan Avril Lavigne di Kanada yang popular di Amerika. Dan bagaimana pula, lagu Addictive nyanyian True Hurts yang menampilkan muzik serta nyanyian latar Lata Mageshka, popular di Amerika.

Dan Lata Mageshka, sekarang sedang bertarung dengan syarikat rakaman dan True Hurts yang mengeksploitasi lagunya tanpa mendapat izin beliau terlebih dahulu. Nyata, lagu-lagu dari India terutamanya dari filem-filem Bollywood jika betul cara pemasarannya, boleh laku di Amerika.

Saat ini, mungkin ramai komposer negara ini sudah mula putus asa untuk menggubah lagu. Khabar-khabar ada mengatakan mereka-mereka ini betul kecewa dengan syarikat rakaman besar multi nasional corporation dari luar negara. Menurut sesetengah sumber mereka ini sudah mula putus asa dan sudah cuba untuk melakukan yang terbaik supaya lagu-lagu mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Tapi hasilnya tiada.

Sampai bila lagi agaknya, artis-artis Malaysia mahu melukut di tepi gantang. Hanya jadi mangsa eksploitasi pedagang muzik. Tidakkah mahu cemburu dengan prestasi artis-artis Indonesia yang sudah mula mendapat sambutan di negara orang-orang kulit putih. Padi, Dewa dan Slank

sudah pun popular di Australia. Anggun yang berhijrah ke Belanda juga sudah mula dapat tempat di Eropah dan Amerika Syarikat. Rif dan Padi pula sudah berjaya menempatkan kumpulan mereka di dalam album kompilasi bertaraf antarabangsa.

Dan pencapaian artis atau penyanyi Malaysia hanyalah menang Pertandingan Nyanyian Uzbekistan sahaja, yang tarafnya belum sampai antarabangsa. Itupun sudah mula mahu jadi ayam berkokok satu kampung.

Seorang pengacara satu rancangan talk-show stesen tv tempatan, yang juga merupakan seorang artis berkumpulan negara ini, pernah menyatakan bahawa artis hanya mendapat untung royalti tak sampai 10% dari penjualan album mereka.

Selebihnya, wang jualan adalah untuk agihan kepada komposer, krew penerbitan, duit sewa studio, syarikat rakaman yang menerbitkan album mereka, orang tengah dan pekedai-pekedai. Dan sudah pasti yang mendapat untung yang paling besar ialah syarikat rakaman dan pemodal-pemodal tengah.

Dan apabila album-album mereka dicetak rompak, mereka menangis-nangis seperti mak kehilangan anaknya. Sedih dan resah dengan keadaan cetak rompak sekarang. Pada hal mereka cuma mendapat tak sampai 10% pun dari untung jualan. Dan mereka juga sebenarnya sedang menangis bagi pihak syarikat rakaman besar dan pemodal-pemodal tengah yang mendapat hasil lumayan dari jualan album mereka.

Kurt Cobain, teraju utama kumpulan Nirvana, nampaknya layak digelar mangsa keadaan. Eksploitasi muzik dan kematiannya memang memeritkan. Keuntungan dari ideanya langsung tidak dihargai oleh sesiapa. Dan Cobain yang menghadapi krisis hidup ketika itu terpaksa mencari jawapan dengan kematian. Dan yang paling menariknya dia tidak mendapat untung apa-apa dari kematiannya itu.

Biarkanlah mereka dengan telagah mereka. Kurt Cobain sudah pasti tidak akan merasa sesen pun wang royalti dan untung tersebut. Dan Nirvana akan tetap terkubur bersama-sama legasi Cobain. Namun, persoalannya

sekarang, berapa banyak lagikah Nirvana yang perlu muncul. Dan berapa banyak lagikah kumpulan muzik yang mahu terus dieksploitasi dengan syarikat rakaman.

Autonomi dan kebebasan dalam sistem demokrasi patut juga di amalkan dalam pelaksanaan kumpulan muzik atau lain-lain jenis artis rakaman seni. Moga-moga selepas semua penghibur-penghibur ini tahu hak mereka dan tahu autonomi diri masing-masing, Kurt Cobain boleh terus aman dalam pusaranya menjawab soalan-soalan dari tuhan. Rest In Peace!

### Dari Hal Mumia dan Anak

**M**

enurut seorang rakan, sebelum diketahui tentang mumia, pihak kolonial yang menjumpainya satu ketika dahulu telah menjadikan mumia-mumia ini sebagai bahan bakar. Ini disebabkan, ianya mudah bakar.

Amalan mengawetkan mayat sebagai mumia ini bermula sejak beberapa ribu kurun yang lampau. Amalan ini menjadi kegilaan firaun-firaun Mesir dan segala bangsawan yang berada di bawah tampuk kekuasaannya. Tujuannya, adalah untuk mengekalkan bentuk dan rupa sebenar mereka yang dimumiakan tersebut.

Tanpa kita sedar, kegilaan firaun-firaun ini sebenarnya telah menjadi kegilaan kebanyakan manusia dan ia juga telah mempengaruhi manusia masa kini.

Kebanyakan ibu bapa, mahukan anak-anak mereka menjadi seperti mereka, baik dari

segi luaran mahupun dari hal dalaman. "Ayah nak kamu jadi macam ayah. Berjuang demi negara," kata seorang pejuang kemerdekaan kepada anaknya. "Mereka tu, bukan macam kita dulu, rambut je sama, tak bertegur sapa pun," seorang orang tua bercakap dengan rakan lamanya mengenai anak-anak zaman sekarang.

Bagi mereka yang kuat agamanya dan mengikuti jemaah-jemaah seperti tabligh, al-Arqam, tarekat Naqsyabandi atau mana-mana ajaran, juga berkehendakkan anak mereka mengikuti jemaah-jemaah seperti yang mereka ikut. Akhirnya, anak-anak tak mampu nak buat keputusan sendiri dan menentukan nasib hidupnya secara sendiri.

Berapa banyak anak-anak yang dikatakan derhaka apabila tidak menertai parti yang bapa atau ibu mereka ikut. "Kamu kena masuk PAS, macam bapak. Kalau masuk PAS nanti dapat masuk syurga." kata seorang pengikut PAS kepada anaknya. "PAS tu Parti Ajaran Sesat, baikla kamu masuk UMNO, UMNO dah bagi pembangunan kepada negara. Kalau tak disebabkan UMNO, tak dapatlah kamu hidup macam sekarang ni." ini pula dialog yang mungkin diucapkan oleh seorang ahli UMNO kepada anaknya pula.

Kesimpulannya, kebanyakan ibu bapa mahu anak mereka jadi seperti mereka. Atau kalau tidak pun, mahu seperti yang mereka sendiri mahu. Apabila seseorang remaja itu, mencapai usia dewasa dan mampu hidup dengan sendiri, maka berilah mereka peluang untuk hidup dengan sendiri.

Ibu bapa, hanya ada kuasa menasihati, dan mereka tidak boleh mengharap yang nasihat mereka itu patut dituruti. Terpulanglah kepada anak-anak untuk mencari baik buruk dari nasihat yang diberi. Dan sebagai seorang ibu bapa, seharusnya mereka menghormati keputusan anak-anak, walaupun mereka tahu ianya pasti keputusan terburuk bagi anak-anak mereka itu. Mungkin dari situ akan berlaku suatu proses pembelajaran bagi pihak anak-anak, dan melalui keputusan buruk yang mereka ambil itu, akan timbul kesedaran dan lama kelamaan, mereka akan matang dengan hidup.

Bukankah "latihan itu akan menyempurnakan manusia"? Maka anggaplah mereka sedang melatih diri mereka. Akhirnya, dengan harapan dan doa ibu bapa, pasti mereka akan menjadi manusia berguna juga.

Ini mungkin rintihan aku sebagai seorang anak yang tidak lagi menghadapi masalah dan menjadi seorang ibu atau bapa. Mungkin sekarang aku tidak fahami apa yang mereka mahu. Mungkin juga sekarang, aku tidak fahami apa yang orang-orang tua selalu katakan, "orang tua makan dulu garam dari orang muda." Cuma apa yang aku harapkan sekarang, aku menginginkan anak yang lebih baik dan lebih berguna pada rakyat berbanding diri aku sendiri.

Aku tidak mahu memumiakan diri aku sendiri kepada anak aku. Kerana pada aku, yang mati biarkan terus mati dan yang hidup biarkan terus hidup.

### **Edisi Siasat Yang Diharapkan Mungkin. .**

**S**

Seorang gadis, lingkungan umur 19 - 22 tahun berjalan dengan hati-hati ke arah sebuah kereta besar. Nombor plat kereta tersebut, ditutup, megelak untuk dikenal pasti oleh penonton.

Gadis tersebut dengan berpakaian seksi, menampakkan hampir separuh dari bahagian dadanya, selebihnya ditutupi singlet berwarna merah dan baju kulit luar yang berwarna biru kehitaman. Dia memakai skirt singkat berwarna hitam yang hampir sahaja menampakkan pangkal pahanya yang putih gebu. Kaki gadis tersebut lampai, betisnya bunting padi dan mengenakan kasut tumit tinggi juga berwarna hitam.

"Malam itu dia diambil dengan kereta besar jenis BMW. Di bahagian belakang kereta itu sudah ada orang menanti. Orangnya, seperti kereta tersebut berpangkat besar dalam politik negara dan dikenali umum.

Pergerakan mereka sudah lama diperhatikan oleh pihak Edisi Siasat. Apa ke jadahnya yang dibuat mereka?"

Kereta besar itu melunsi jalan raya, mengarah ke sebuah rumah besar jauh dari kawasan bandar. "Dengar khabarnya, rumah tersebut adalah rumah hinggap orang yang berpangkat besar tersebut dan dia hanya menggunakan sekali-sekali sahaja rumah tersebut bersama keluarganya, selebihnya rumah tersebut banyak dihabiskan dengan bersama puluhan gadis-gadis yang jauh lebih muda darinya."

"Setiap malam bersama gadis-gadis tersebut, ia memuaskan nafsunya. Dan setiap malam juga wangnya habis berpuh-puluh ribu sebagai gantian kepada perkhidmatan yang diberikan oleh gadis-gadis tersebut. Bukan itu sahaja, setiap gadis-gadisnya diberikan dengan kemewahan perkakasan emas setiap kali mereka dipakai. Yang paling istimewa, gadis yang baru menaiki keretanya tadi. Pihak Edisi Siasat, telah dimaklumkan, gadis tersebut sudah berkali-kali dipakai dan yang paling istimewa bagi orang yang berpangkat besar itu."

Petikan gambar yang lain pada hari yang lain. Di depan sebuah hotel mewah di ibu kota. Seorang gadis. Bukan gadis semalam. Menuruni anak tangga dengan perlahan. Lenggokan punggungnya dan cara jalan amat menawan. Gadis ini kurang seksinya dari gadis semalam, namun masih boleh memberahikan sesiapa yang melihatnya. Bentuk badan yang cantik dan ketinggian memang melayakkan dia menjadi salah seorang supermodel negara.

Dia memakai seluar jeans biru ketat. Menampakkan jelas bentuk punggungnya.

Bajunya berwarna merah jambu, fesyen terkini, tiada berlehan, ketat dan bahagian bawah baju tersebut dimasukkan ke dalam seluarnya. Bentuk buah dadanya yang bersaiz 36 jelas kelihatan. Bajunya tertulis perkataan "Love and Peace." Tas tangannya yang berwarna coklat kecil sahaja, memang padan dengan ketinggian dan saiz badannya. Rambutnya terurai, lurus dan panjang, kemas dan rapi.

Senyumannya manis menyambut kedatangan kereta besar tersebut.

"Pihak Edisi Siasat juga dimaklumkan, bahawa sejak orang berpangkat besar itu mengambil alih tempat sebagai orang paling berpengaruh dalam kementeriannya dan sebagai salah seorang berjawatan tinggi dalam parti utama negara, pelbagai kemerosotan dari segi kewangan telah berlaku. Kenyataan ini dikuatkan pula dengan khabar yang menyatakan, bahawa beberapa pegawai Badan Pencegah Rasuah telah datang ke kementerian tersebut."

"Kami difahamkan, beberapa polisinya sejak kebelakangan ini seringkali diperdebatkan oleh pihak pembangkang di Parlimen sebagai polisi yang mengarah kepada kepentingan dirinya sendiri. Tambah-tambah lagi, apabila polisi tersebut berkait dengan soal kewangan."

"Kami di Edisi Siasat amat kecewa dengan tindakan yang melibatkan orang yang berpangkat besar ini."

"Bukan itu sahaja, pihak kami juga telah diberitahu tentang kegiatan-kegiatan orang yang berpangkat besar ini di luar negara. Menurut sumber yang dekat dan boleh dipercayai, di luar negara, terutamanya ketika membuat lawatan kerja tanpa bersam isterinya, dia pasti akan melanggar pelacur-pelacur kelas atasan, sebagai pemuas nafsunya. Dan mereka juga dibayar dengan pendapatan lumayan hingga ada yang mencecah enam angka."

"Persoalannya sekarang, adakah rakyat akan terus menerima seorang pemimpin seperti ini untuk menguruskan hal-hal mereka serta soal kewangan yang pasti menjadi tulang belakang kemajuan negara. Sudah masanya rakyat menolak pemimpin seperti ini. Apa kejadahnya mahu disimpan pemimpin seperti ini lama-lama. Saya bagi pihak Edisi Siasat melaporkan."

\*Versi Edisi Siasat di atas tidak mungkin akan ditayangkan di Malaysia.

## Dunia Selepas 11 September 2001

11

September 2001, tarikh berlakunya sebuah tragedi menyayat hati. Tidak perlulah lagi gamaknya hendak diterangkan secara panjang lebar tentang tragedi tersebut. Kebanyakan dari kita, masyarakat dunia sudah pasti tahu mengenainya.

Panggil aje, ia 911. September eleven. Atau apa saja. Cuma yang pasti, kita akan dihadapkan dengan suatu persoalan. Betulkah, ia kemuncak kepada satu pertembungan tamadun seperti kata Samuel Huntington dalam bukunya yang terkenal, *The Clash of Civilization*. Persoalan ini agak popular di kalangan pemikir dan penulis dunia. Namun, kebenarannya tiada siapa yang tahu.

Kecuali kata-kata Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush, mungkin membenarkan teori tersebut. "Perang ini perang salib", Bush mengungkapkannya

dihadapan berpuluh-puluh orang wartawan dan berjuta umat manusia yang menonton televisyen beberapa hari selepas peristiwa 911.

Walaupun tragedi sedih dunia itu, sudah berlalu lebih dua tahun, namun kesannya masih lagi terpalit pada dunia dan seluruh isinya. Dunia selepas 911, sudah jadi dunia lain.

Yang pasti peristiwa tersebut serta rentetan peristiwa-peristiwa pengeboman berani mati di kawasan awam selepas itu, menjadikan manusia hidup dalam keadaan ketakutan. Takut kalau-kalau nanti mati dibom.

Manusia di JW Marriot Jakarta, merupakan manusia yang paling baru terkesan dengan 911. Kebanyakan yang mati bukan dari mereka yang menjadi musuh utama pengebom-pengebom. Malahan ada yang tidak tahu menahu dan ambil sikap tidak peduli dengan apa yang berlaku di sekeliling. Tindakan di hotel terkemuka dunia ini (pengebom berani mati), adalah dari semangat penganas yang menyerang WTC. Dan tindakan mereka ini juga telah dibuat berdasarkan sokongan serta kebenaran dari pihak tertentu untuk menyerang orang awam.

Usama bin Laden dalam satu temuramahnya dengan wartawan berita dari al-Jazira, telah mengeluarkan semacam fatwa yang menghalalkan perbuatan membunuh orang awam. Dan dia juga telah memuji dan berdoa agar tuhan memberikan pemuda-pemuda yang melanggar WTC berkenaan berkah dan pahala jihad. Katanya apa yang terjadi di WTC adalah sesuatu yang sangat patut diterima oleh rakyat awam Amerika, ini disebabkan dosa Amerika yang membunuh rakyat awam di Palestine dan penindasan dasar ekonominya yang dibantu zionis menekan rakyat Islam seluruh dunia.

Masyarakat dunia sekarang sedang paranoai (risau dan takut). Ugutan demi ugutan diterima, baik dari pihak yang dikatakan penganas mahupun dari pihak yang mengaku menjadi polis dunia. Balas-membalas sudah pasti akan dihadapi. Yang jadi mangsa - orang awam yang tidak bersalah.

Mulai saat itu jugalah semakin ramai manusia dunia ini yang mempercayai Islam adalah agama ganas dan bukan agama damai seperti yang mereka (umat Islam) perkatakan. Nampaknya ungkapan yang mengatakan Islam is a religion of peace hanya tinggal omong-omong kosong, semuanya kerana 911. Dan, tambah menyulitkan lagi keadaan, timbul pula kebencian dan rasa kurang senang masyarakat terhadap penganut agama Islam. Hasilnya mereka dipandang serong, dibenci dan segala ibadah yang selama ini senang untuk dilakukan sekarang sudah menjadi satu macam kepayahan pula.

Jika peristiwa 911 ini dikatakan suatu kejayaan besar muslim, maka nafikanlah segala pandangan serong serta kebencian masyarakat dunia ini kepada Islam. Peristiwa ini malahan, telah menyusahkan lagi umat Islam dan akhirnya nanti akan membawa kemunduran terhadap umat Islam seluruhnya.

Ruang demokrasi dan ruang politik umat Islam dalam dunia hari ini juga sudah makin tersempit dengan tragedi ini. Yang peliknya Usama bin Laden menyokong pula hujah ini. dan bersama-sama menuduh Amerika dusah tidak sedemokratik dahulu lagi. Bukankah yang mendapat bahananya, golongan dari agamanya sendiri. Amerika dan lain-lain negara yang menyokongnya sudah pasti akan menggunakan undang-undang demi kepentingan elit-elit mereka, dan hasilnya ruang demokrasi, hak asasi manusia serta ruang keadilan di dunia sudah pasti akan mengecil mengikut saiz yang mereka (Amerika dan sekutunya) mahukan.

Usama dalam satu temuramah dengan seorang wartawan penyiaran dari stesen tv al-Jazira menyebut, "Hal itu (hal berkenaan hak asasi manusia) boleh dilihat dengan jelas ketika pemerintah AS mengadakan campur tangan dan melarang pihak media untuk menyiarkan ucapan-ucapan dari kami yang tidak pernah lebih dari beberapa minit, sebab mereka takut dengan kebenaran yang mulai terlihat oleh rakyat Amerika dan bahawa kami bukanlah penganas seperti yang mereka definisikan, sebab kami telah diserang di Palestine, di Iraq, di Lubnan, di

Sudan, di Somalia, di Kashmir, di Philipina, dan di segala penjuru, dan hal itu hanya merupakan reaksi dari kaum pemuda umat ini (untuk) melawan kekejaman dari pemerintah(AS) Inggeris. Selanjutnya, mereka menyeru apa yang ingin mereka serukan, dan mereka perintahkan apa yang ingin mereka perintahkan, dan mereka sama sekali telah lupa atas kebebasan berbicara, pemikiran yang tidak berpihak dan segala hal yang sejenis itu. Jadi, saya katakan, mereka telah membawa pisau guillotine (pisau pancung) kepada kebebasan dan hak-hak di Amerika, juga hak-hak asasi manusia dan hal ini tidak mungkin dipulihkan kecuali mereka secara cepat berusaha mengembalikan ke posisinya semula."

Jika benar perbuatan mereka (pihak yang menindas umat Islam) itu salah, apa yang mahu ditakutkan. Bukankah setiap perbuatan yang jahat itu pasti akan dihukum dan kebenaran pasti akan muncul juga. Muhammad dalam sunnahnya ada bersabda, bahawa setiap perbuatan jahat jangianlah hendak dibalas jahat. Itu asas pendidikan akhlak dalam Islam, setiap perbuatan jahat hendaklah dibalas baik. Mungkin Usama dan pemuda-pemuda dalam skuad yang melanggar WTC itu kurang sabarnya. Mungkin mereka tidak sesabar umat jahiliah seperti yang diceritakan dalam al-Quran, menunggu nabi kelahiran mereka sampai beratus tahun. Mungkin juga mereka tidak sesabar Muhammad dan sahabat-sahabatnya dalam berdakwah hingga akhirnya berjaya juga mendaulatkan Islam di muka bumi ini.

Dalam pada itu, Noam Chomsky seorang pemikir yang mula terkenal dalam dekad 21, menyatakan dalam suatu temuramah dengan sebuah stesen radio dari Belgrade, bahawa dunia hari ini dihadapkan dengan suatu tawaran terbuka dari Amerika dan sekutunya, sama ada mahu ikut kami atau tidak.

"Polisi Amerika Syarikat telah diumumkan secara rasmi. Dunia sedang dihadapkan dengan "pilihan terbuka" untuk menyokong kami (AS), atau "menghadapi kematian dan kebinasaan yang sudah pasti." Kongres telah meluluskan kegunaan kekuasaan menentang mana-mana individu atau

negara yang dianggap oleh Presiden AS, terlibat dalam serangan-serangan tersebut (serangan 911)"

Tambah beliau lagi, "Sekali lagi, serangan-serangan penganas, dan kitaran keganasan yang ia mulakan, biasanya mengukuhkan kekuasaan dan kehormatan unsur-unsur yang paling zalim dalam sesebuah masyarakat."

Amerika jelas Chomsky lagi, mempunyai kuasa mutlak dan ia sekarang bergerak secara unilateral tanpa ada imbalan kuasa menghadapinya. Dan serangan penganas ini akhirnya akan menjadi alasan yang kuat untuk misi penaklukan mereka.

Pendapatnya disokong oleh seorang Profesor Undang-undang tempatan, Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi. Berhubung apa yang berlaku di Iraq, salah satu negara sasaran Amerika dalam agendanya menentang penganas, beliau berkata, "Apa yang terjadi ke atas Iraq sekarang bukannya perang, tetapi penaklukan yang cuba dilakukan oleh Amerika. Amerika telah menaikkan belanjawan mereka sebanyak 48 billion kepada jumlah 335 billion semata-mata untuk perang kali ini. Apa yang terjadi ke atas Iraq adalah suatu penaklukan."

Maka, jika inilah kesan yang mahu dilihat oleh pejuang-pejuang mujahiddin Islam berani mati, maka mereka sudah berjaya. Dan mereka akhirnya sekarang ini, berjaya masuk ke dalam perangkap Amerika yang sengaja mahukan mereka menganas dan kerana keganasan yang mereka lakukan ini, bolehlah menjadi alasan kukuh untuk Amerika menguasai satu persatu negara-negara di dunia ini. Dan mereka (Amerika dan sekutu-sekutunya) sekarang sudah menjuarai isu keganasan ini, menunggu masa untuk menjuarai dunia dan seisinya.

Apabila kekuasaan tunggal menguasai dunia, ketika itu, semua manusia akan menghadapi suatu kongkongan daripada kebebasan. Tidak kiralah, sama ada kita umat Islam atau bukan. Manusia yang berkuasa pasti tidak akan kenal apa bangsa kita, agama mahupun kepercayaan kita. Yang penting bagi mereka, cukup jika dapat terus berkuasa.

Namun, dalam masa yang sama, ada juga pendapat yang mengatakan keruntuhan WTC ini adalah plan pihak Amerika dan sekutunya sendiri. Pelbagai misteri dikaitkan. Dari ketidak hadiran beberapa orang pekerja berbangsa yahudi ke tempat kerja mereka di WTC hinggalah kepada kemampuan AS sendiri sebagai kuasa besar dunia dalam cara mengendalikan keselamatan dalam negara mereka. Agak mustahil rasanya sebuah kerajaan besar, longgar sistem pertahanannya. Terlampau banyak tanda tanya yang menyoal kelojikan serangan tersebut. Dan akhirnya mereka yang tidak mampu menjawab mister-misteri ini mengaitkan Amerika dengan runtuhnya menara ini.

Jika betul pula, Amerika yang membuat sandiwara WTC ini, maka kenapa pula Osama bin Laden memuji serta menyokong tindakan menyerang pusat dunia perdagangan di New York ini? Mungkin juga Osama bin Laden ini orang Amerika?

Antara mereka yang berpendapat demikian (serangan ke atas WTC adalah plan Amerika) ialah Presiden ABIM, Ahmad Azam Abdul Rahman. Dalam satu temubual dengan sebuah majalah tempatan, beliau ada menyatakan, "Kita mengesyaki ini (serangan ke atas WTC) sebahagian dari rancangan Amerika Syarikat dengan menggunakan umat Islam untuk terus mencengkam dunia Islam ke akar umbinya. Untuk itu kita lihat, untuk membina empayar ini (Amerika) dengan menggunakan kekuatan ketenteraan mereka terpaksa mempersiapkan keperluan minyak. Sebab itu, negara-negara yang mempunyai kepentingan minyak diserang kini."

Thierry Mayssan juga mempunyai pendapat yang sama, dengan beliau. Bukunya yang bertajuk 911: The Big Lies ada menyatakan pendapatnya tentang peristiwa 11 September 2001 tersebut. Pelbagai teori hasil dari penyelidikan beliau telah membuktikan bahawa kejadian tersebut hanyalah direka elit-elit Amerika, yang akhirnya mendapat kepentingan hasil daripada peristiwa menyayat hati tersebut.

Dalam bukunya beliau ada menyebut, "So therefore, according to his own declaration, the President of the United States saw

pictures of the first crash before the second had taken place... if US intelligence services could have filmed the first attack, that means they must have been informed before hand. And in that case, why didnt they do anything to save their fellow countrymen?...all this under the eye of intelligence services, who observed but did not intervene." ("Oleh itu, menurut deklarasinya, Presiden Amerika Syarikat itu telah melihat rakaman serangan pertama. . . jika pihak perisikan AS telah merakamkan serangan pertama, ini bermakna mereka telah diberitahu mengenainya sebelum itu. Dan dalam perkara ini, kenapa mereka tidak melakukan apa-apa untuk menyelamatkan rakyat mereka sendiri? . . . semua ini berlaku dihadapan mata pihak perisikan, yang memerhati tetapi tidak mahu mengambil apa-apa tindakan.")

Biar sahajalah Samuel Huntington dan Thierry Meyssan terus dengan teori mereka. Jualan buku The Clash of Civilization dan 911: The Big Lies sudah pasti akan meningkat dan kita masih lagi samar-samar dalam menentukan kebenaran teorinya. Dan, tumpuan kuasa dunia No. 1 - Amerika, sekarang sudah tertumpu kepada dunia Islam, itu yang pasti.

Masa ini, dunia menanti-nantikan, apakah tindakan Amerika sesudah dapat menguasai Iraq yang dikatakan kononnya pengawal Islam di timur tengah, suatu kawasan tempat lahirnya agama dari Muhammad. Afghanistan awal-awal lagi sudah kena dengan Amerika, kawasan pangkalan al-Qaeda dan strategik dalam ketenteraan serta industri minyak. Siapa mangsa mereka selepas ini, Iran? Syria? Libya?

### **Belasungkawa Buat Edward Said**

**K**

etika ada seorang insan yang menderita leukimia serta meninggal dunia dalam memperjuangkan haknya dan hak rakyat Palestine yang ditindas rejim Zionis, masih ada rakyat Malaysia yang dikatakan sesaudara dengan rakyat di Palestine tidak mengenalinya.

Lewat penghujung bulan September 2003 (25hb) baru-baru ini, dunia kehilangan seorang pejuang keadilan, Edward Said. Seorang intelektual Palestine-Amerika. Said menghembuskan nafasnya yang terakhir pada usia 67 tahun akibat penyakit leukimia yang ditanggungnya lebih 12 tahun.

Said, seorang professor dalam Universiti Columbia , juga merupakan seorang yang cukup komited dalam memperjuangkan isu Palestine dan mahukan kesepaduan hidup antara bangsa di Palestine. Beliau pernah menuntut di Universiti Princetion dan Universiti Harvard, sebelum menyertai

Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia dan Timur Tengah di Universiti Colombia.

Setiap idea perjuangan dan kritikan beliau disalurkan dalam bentuk penulisan. Beberapa buah buku dan artikel telah dihasilkan, dan kebanyakannya menyentuh isu-isu berkaitan dengan Palestine dan timur tengah. Selain itu beliau juga merupakan penulis isu-isu biasa yang berkaitan dengan kehidupan manusia, muzik, kesusasteraan Inggeris dan budaya.

Dalam bukunya bertajuk *Orientalism* (1978), iaitu bukunya yang dianggap terbaik, Said mengkaji perilaku orang-

orang timur terutamanya di timur tengah dan mengatakan bahawa orientalism adalah berasaskan daripada gerakan bekas penjajah barat. Selain daripada itu, lain-lain buku yang membincangkan tentang timur tengah ialah *The Question of Palestine* (1979), *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World* (1981), *Blaming the Victims: Spurious Scholarship and the Palestinian Question* (1988; dikarang bersama Christopher Hitchens), *The Politics of Dispossession* (1994), dan *Peace and Its Discontents: Essays on Palestine in the Middle East Peace Process* (1995). Di samping itu, *The World, the Text, and the Critic* (1983), *Nationalism, Colonialism, and Literature: Yeats and Decolonization* (1988), *Musical Elaborations* (1991), dan *Culture and Imperialism* (1993) adalah antara beberapa buah buku lain yang menceritakan, membincangkan dan memperjuangkan isu-isu berkenaan timur tengah terutamanya berkenaan Palestine.

Beliau pernah menyatakan dalam pendahuluan buku yang baru dikemaskini semula iaitu, *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*, bahawa umum kebanyakannya berpendapat, kutukan terhadap ancaman Islam adalah satu jenis kutukan terbaru yang diterima dengan baik oleh orang barat.

Said pernah menimbulkan kontroversi pada tahun 2000, kerana imejnya melontar batu "ke arah Israel" bersama-sama rakyat

Palestine yang menuntut kemerdekaan. Imej ini telah digunakan oleh pihak yang tidak berpuas hati dengan idea dan tulisan beliau. Beliau telah dituduh sebagai militan pelontar batu.

Mengambil petikan Mazlan Nordin dalam kolumnya di *Utusan Malaysia* sebagai ayat akhir, Goenawan Mohamad penulis terkemuka dari negara Indonesia, ketika berbicara dengan seorang teman: "Kenapa saya sedih?" tanya temannya. Goenawan menjawab: "Kenapa kita sedih?" "Mungkin kerana hati kita adalah Palestine, jawab saya, pernah merasakan diringkas, diringkus dan dibungkam di dunia." Perjuangannya untuk kebebasan dan hak rakyat di Palestine adalah komited hinggakan seorang penulis yahudi menggelarnya "pembela sivilisasi Islam"

(Mazlan Nordin, Edward Said Pembela Tamadun Islam?, *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 2003).

**Media: Bolehkah Sampai Ke Titik Bebas?**

“M

esti tulis, mesti tulis perkara yang benar. Jangan diam, biar pun diketepikan orang sekarang tetapi saudara akan mendapat perhatian

kemudian. Jangan diam" - Dato Usman Awang.

Kalau dia masih hidup mahu sahaja aku tanya: "Bagaimana mahu menulis yang benar Pak Usman, dunia tidak sebebas mimpi? Banyak sangat sekatan dan undang-undang yang menghalang untuk menulis perkara yang benar."

Jawapan aku tidak terjawab. Pak Usman lebih dahulu meninggalkan kita pergi sebelum aku sempat menanyakan soalan tersebut. Meninggalkan aku dengan persoalan.

Mungkin jika aku tanya soalan ini pada aktivis reformasi, mereka mungkin akan menjawab: "Jika takut dengan risiko, usah

bicara soal perjuangan." Aku tak puas dengan jawapan tersebut.

Dan pula jika aku bertanya pada seorang yang pro kerajaan, mungkin ini jawapannya: "Apa perkara yang benar? Semua sudah benar sekarang! Yang kau cari pasal, nak tegakkan benang yang basah, buat apa?"

Aku tak puas dengan jawapan-jawapan tersebut. Aku masih tercari-cari.

Akhirnya, aku terjumpa juga dengan jawapan yang aku cari. Aku cukup puas bila mendapat jawapan tersebut. Editor muda tersebut berjaya menemukan aku dengan jawapan yang sepatutnya Pak Usman mungkin jawab.

Katanya lebih kurang: "Sekatan hanyalah dalam fikiran atau jiwa sahaja. Kita yang mencipta sekatan tersebut sebagai alasan untuk tidak menulis. Kita tetap akan terus menulis jika kita mahu."

Kebebasan ada dalam diri manusia. Kita mampu untuk capai titik kebebasan jika kita sendiri mahu. Sekatan atau undang-undang hanyalah sebuah ilusi yang kita cipta sendiri. Jika kita yakin dengan apa yang kita tulis, maka tulislah kita!

Dan dari kebebasan dalam diri inilah munculnya wira-wira penulisan dan kewartawan dunia, yang sesetengahnya menjadi ikon bagi penulis-penulis masa kini.

Dari kebebasan ini jugalah kita dapat menyatakan kebenaran seperti dalam pesanan Pak Usman tersebut. "Mesti tulis, mesti tulis perkara yang benar." Persoalan darihal kebebasan cuma akan terjawab jika kita sudah mula benar-benar bebas.

Jangan pula kita mahu meminta pihak yang berkuasa menghentikan segala sekatan dan undang-undang, demi kerana kita mahu bebas menulis. Kita minta diri kita dahulu untuk terus jadi bebas menulis! Sekatan dan undang-undang hanyalah ilusi.

Bukankah menurut Said Zahari dalam bukunya yang bertajuk, Meniti Lautan Gelora: "Ironi bagiku ialah mereka yang sering-sering 'buat bising' menyuarakan tuntutan agar diwujudkan kebebasan akhbar

dan kebebasan menulis di negara ini terdiri daripada orang politik parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), bukannya wartawan dan pengamal-pengamal media."

Mana mungkin mahu menuntut kebebasan menulis, sedangkan kebebasan dalam diri mereka sendiri untuk menulis masih tidak dituntut. Masih lagi menyalahkan undang-undang dan sekatan dari diri mereka sendiri. Masih lagi menjadikan undang-undang dan sekatan sebagai alasan untuk tidak menulis kebenaran.

Dunia mana yang tiada sekatan? Negara mana yang tiada undang-undang menyekat penulis untuk menyatakan kebenaran? Sampai bila kita mahu berjuang untuk kebebasan media. Isu kebebasan menulis tidak mempunyai titik hujung. Ia akan terus berlaku dan terjadi.

Cuma fikirkan sekarang, bagaimana mahu membebaskan diri dari cengkaman undang-undang dan sekatan yang kita cipta sendiri. Bebaskan diri dari ilusi. Jangan jadikan halangan dari penguasa untuk tidak menulis.

## Cinta

**B** enar cinta tidak kesampaian itu merupakan sebuah cinta yang agung. Seperti kata Hishammudin Rais dalam kolumnya di Malaysiakini.com lewat beberapa tahun sudah. Katanya, "Cinta yang agung adalah cinta yang gagal. Cinta ke jinjang pelamin tidak pernah menjadi satu tarikan untuk dijadikan naratif. Jika si Uda berkasih, bertunang, berkahwin dengan Dara; dan Dara mengandung beranak, bercucu, bercicit, pastilah teater Uda Dara Usman Awang membosankan.

"Romeo dan Juliet tanpa dihalangi percintaan mereka, pasti tidak akan di bangsawankan oleh Shakespear. Babak-babak akhir dalam kisah hidup Jebat adalah kisah cinta mautnya terhadap Dang Wangi. Dr.Zhivago dan Lara, terhalang cinta mereka kerana Revolusi Oktober. Ali dan Nina berpisah juga akhirnya akibat perang.

"Sesekali, seorang suami atau seorang isteri, mungkin teringat juga pada kekasih lama yang ditinggalkan, walaupun kini mungkin hidup dalam bahagia/sengsara berumah tangga. Dalam saat-saat sunyi, hati kecil ingin bertanya, apa yang akan terjadi jika aku berkahwin dengan si anu dan bukan dengan yang ini. Inilah sebahagian keindahan cinta gagal. Berahi cinta yang menolak manusia untuk terus belayar dalam hidup mereka.

"Tiada seorang suami atau seorang isteri atau seorang anak muda yang ingin mendengar/ membaca/melihat percintaan klise yang berakhir dengan anak cucu. Naratif dalam satu percintaan gagal adalah kanon dari semua naratif perjalanan sejarah manusia."

(Kolum Dot Mai, Janji di musim panas, 13 Disember 2003, malaysiakini.com)

Penulis teringat akan surat Muhamad Yusof kepada Siti Salina dalam novel agong Salina. Tulis surat itu, "Inah tau kan? Bom pertama yang jatuh di Singapura 8 hari bulan Disember itu membimbangkan saya benar-benar. Saya rasa seolah-olah bom itu jatuh di dalam hati saya sendiri.; saya rasa bom itu hendak memusnahkan Inah. Hati saya tidak sedap saja selepas itu.

"Saya bukan hendak membimbang-bimbangan Inah. Saya juga bukan hendak menakut-nakutkan Inah. Tapi benarlah peperangan, selalu dan dimana-mana, membawa akibat yang tidak baik saja. Ia merampas segala.

"Ia boleh rampas kasih sayang kita juga." Betul telahan Muhamad Yusaf itu. Akhirnya peperangan merampas segala-galanya. Termasuklah kasih sayang di antara mereka.

Penulis belum pernah melihat perang sebelum ini, tapi pernah membaca tentang perang dalam cerpen-cerpen, novel-novel dan juga pernah menonton filem perang. Bagaimana kejam! Dan daripada apa yang penulis saksikan pula sekarang ini maka terbuktilah bahawa perang sebenar-benarnya merampas segala-galanya.

Menurut novel itu lagi, "sengaja saya menulis tentang perang, Inah. Dan sengaja saya tulis tentang perang merampas segala, sebab apa yang hendak saya katakan ialah tentang perampasan itu jugalah. Bacalah baik-baik Inah, dan tenangkanlah benar-benar fikiran dan hati Inah bila membaca surat saya ini.

"Inah tahu saya sudah jadi volunteer, kan? Saya sudah cakap kepada Inah dahulu. Sekarang saya akan dihantar ke tempat lain, Inah.

"Saya dan kawan-kawan lain akan dibawa ke suatu tempat yang masih belum diketahui lagi di mana. Khabarnya kami akan belajar menggunakan senjata (tidak lagi belajar cara mengikat bandage dan membalut luka!). Saya dan kawan-kawan lain akan belajar pula cara hendak menggunakan senjata untuk membunuh manusia yang menjadi musuh. Saya akan menjadi perampas kasih sayang orang pula, kalau orang yang saya bunuh itu ada kekasihnya nanti. Dan saya akan dibunuh mereka pula dengan tidak mengira apakah saya ada kekasih atau tidak. Perang suka begitu! Barangkali Inah mengerti sekarang apa yang saya maksudkan dengan perang merampas segala itu.

"Kalau saya pergi Inah janganlah memikirkan saya pergi dengan melupakan Inah.


"Saya pergi hanya memenuhi panggilan masa; saya pergi kerana paksaan keadaan. Saya tidak suka pergi perang; saya tidak suka mendengar tentang perang ataupun melihat perang. Tetapi masa dan keadaan memaksa! Tapi, bila saya pergi, Inah tetap tidak luput dari hati saya, sebab Inah berada di dalam hati saya. Walau apa pun terjadi ke atas diri saya, walaupun, umpamanya - dan siapalah tahu - perang merampas saya dari Inah . . . "

Benar. Sekali lagi penulis katakan bahawa cinta yang gagal adalah cinta agong. "Hanya saat ini yang akan mengerti, pasti tidak kau menoleh pada waktu indah itu, hanya saat ini mengubah dirimu kasih, meresapi jiwamu yang lara, tidak kuduga mengapa begini berakhirnya episod cinta nan luka, tak mungkin akan bersinar

kembali, tak mungkin kau sedari, musnah semua janji yang terucap dalam senyum menusuk di dada dan kini kau telah pergi tinggal ku sendiri.”

Lagu itu kedengaran dihujung telinga penulis. Masih terngiang-ngiang lagi walaupun sudah tidak kedengaran. Penulis faham akan maksud lagu tersebut dan penulis dapat rasakan apa yang mahu disampaikan oleh penyanyi berkenaan.

## Machiavelli



icollo di Bernardo Machiavelli (1469 – 1527) -- ada lumpur terpalit di atas nama tersebut. Lumpurnya busuk, kotor dan pekat. Dia menjadi contoh

buruk mereka yang baru mula berjinak-jinak dengan politik kotor matlamat menghalalkan cara.

Ungkapan berkenaan – matlamat menghalalkan cara – menjadi ungkapan sinonim kepada sang pemimpin yang bertindak sewenang-wenang memimpin bagai bersultan di mata, beraja di hati. Tiada contoh yang baik dinyatakan pada dirinya. Inilah malang menjadi seorang insan bernama Machiavelli, tiada sisi baik pada dirinya melainkan sisi buruk.

Principe II (Pemimpin) atau Politik Kekuasaan menjadi semacam rujukan utama bagi mereka yang berhujah tentang tori buruk Machiavelli dalam ilmu politik moden. Kelibatnya sama seperti Adam

Smith yang membentuk teori ekonomi moden – kapitalisme.

Namun begitu, ramai yang tidak tahu tentang sebuah lagi karyanya – iaitu selepas Principe II. Karya itu mengesahkan nilai-nilai baiknya mempromosi apa yang dipanggil sebagai politik kerakyatan ataupun sistem pemerintahan republik.

“Sekelompok rakyat terpaksa mempertahankan diri. Mereka memilih seorang yang gagah-berani menjadi pemimpin, lalu menjadi raja. Jika sesudah itu mereka memilih raja lagi, maka yang terpilih biasanya orang yang lebih bijaksana, bukan yang sekedar gagah berani.

“Ketika rakyat menjadikan jabatan raja itu turun temurun, maka timbullah kerajaan (principato). Namun mutu keturunan raja sering merosot, mungkin kerana keturunan itu tidak perlu lagi berjuang seperti pendahulunya. Raja pengganti itu tahunya cuma menempatkan diri di atas semua orang, sehingga ia sering dibenci oleh rakyat, lalu ditakuti, lalu dilawan. Pemimpin perlawanan itu menjadi tiran, biasanya seorang yang pada awalnya justru pembela pihak yang tertindas.

“Tirani memancing persengkokolan. Akibatnya timbullah perlawanan yang dipimpin oleh beberapa orang dari kalangan atas, yang tidak mau kehormatan mereka diinjak. Hasilnya adalah pemerintahan aristokrasi. Namun jika jabatan mereka turun temurun, maka lagi-lagi mutu keturunan mereka akan merosot menjadi oligarki.


“Jika rakyat, yang melawan tirani dan oligarki, tidak sudi menyerahkan kekuasaan kepada segelintir pemimpin, maka akan muncul demokrasi. Biasanya, demokrasi akan bertahan selama generasi pejuang tadi masih hidup. Sesudah itu tak ada lagi pemimpin yang diakui dan hukum pun diabaikan. Timbullah anarki.

“Manakah yang memadai dari dua kelompok pola pemerintahan ini? Ternyata tak satu pun! Kelompok yang mengarah ke kiri tidak memadai kerana biasanya berumur pendek. Kelompok yang mengarah ke kanan juga tidak, karena dampaknya yang merusak.

“Yang memadai hanyalah ramuan dari keenam pola tersebut. Oleh karena itu peletak dasar suatu negara yang bertanggungjawab tidak akan memakai hanya salah satu pola, melainkan merancang suatu pola yang mengandung berbagai unsur dari keenam pola. Dengan demikian berbagai unsur yang berbedabeda itu akan saling mengontrol satu sama lain. Contoh: Republik Roma (509 - 27SM).”

Yang di atas merupakan sebahagian kata-kata daripada buku Politik Kerakyatan Menurut Niccolo Machiavelli (Discorsi). Buku ini adalah daripada Siri Seri Kembali Ke Dasar terbitan Kepustakaan Populer Gramedia (KPG). Buku ini juga antara lainnya terkandung pendapat Machiavelli daripada karyanya yang bertajuk Discorsi, iaitu karya yang dihasilkan selepas buku The Prince.

## Janji Joni



chet Baker merupakan seorang pemuzik jazz – peniup trumpet dan flügelhorn – yang terkemuka. Beliau meninggalkan legasi merupakan sebuah buku autobiografi untuk tatapan peminat-peminatnya sebelum beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Pada tahun 1988, Baker meninggal dunia selepas terjatuh daripada sebuah tingkap bilik hotel di Amsterdam selepas mengambil heroin dan cocaine.

Autobiografi yang penulis maksudkan itu bertajuk *As Though I Had Wings: The Lost Memoir* yang diterbitkan sebagai sebuah filem adaptasi oleh Miramax. Filem sejenis ini – berbentuk autobiografi – mendapat sambutan yang menggalakkan di panggung-panggung besar di seluruh dunia. Dan seringkali juga penulis saksikan filem-filem Hollywood mendapat resepi sebegini.

Di negara ini, filem-filem yang sebegini jarang dibuat oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan, tidak tahu penulis apa sebabnya. Adakah kerana kurang mendapat sambutan, sekatan terlampau banyak atau tiada penulis lakon layar yang berkemampuan membina suatu naratif yang berdasarkan autobiografi ini?

Janji Joni memaparkan sebuah autobiografi seorang budak penghantar roll filem ke bioskop (pawagam). Filem ini memaparkan naratif dalam sehari bagaimana Joni mahu mengotakan janji-janjinya seperti yang dia lafaz ketika mahu mula berkerja.

Sebuah filem arahan Joko Anwar, dibintangi oleh Nicholas Saputra (Joni), Mariana Renata (Angelie), Rachel Mariam (Voni) dan Surya Saputra (Otto). Filem yang bercorak autobiografi ini adalah suatu naratif simple, tetapi tetap filem ini menarik.

Teknik filem – sinematografi yang menarik, penggunaan kamera yang diutilitkan, kekuatan skripnya, bakat yang tinggi oleh pelakon-pelakonnya, sistem lighting yang baik, boom yang berkesan dan sudut-sudut fotografi yang cantik – Janji Joni ini sememang baik. Maka tidak hairanlah filem ini memenangi Penghargaan MTV bagi filem terbaik dan akress terbaik bagi tahun ini, tahun 2005.

Penulis kagum dengan babak panjang yang ditampilkan di dalam filem itu. Beberapa adegan babak panjang nyata memerlukan lakonan yang mantap dari para pelakonnya. Sebagai contoh, babak panjang ketika Joni sedang mencerita penonton pawagam memiliki beberapa tabiat.

Babak panjang yang dilakukan mengkehendakkan seluruh orang di dalam pawagamsupaya berlakon. Pengarah hendaklah mengawal jumlah penonton yang ramai. Ini (tanggungjawab pengarah) boleh dikurangkan dengan adanya pelakon-pelakon yang berbakat.

Penulis tidak mahu tergolong dalam lingkungan orang-orang yang dijeniskan Joni. Penonton perfectionist, penonton spoiler, penonton berpacara, penonton tidur, penonton kritikus dan penonton-penonton lain antara mereka yang wujud di pawagam,

menurut kata Joni. Penulis tidak mahu dikatakan penonton spoiler disebabkan memberitahu sinopsis atau ending filem ini.

Yang penulis boleh ceritakan ialah wajah yang menarik Mariana Renata. Keanggunan benar menyentuh jiwa penulis. Tanpa perlu bersolek banyak wajahnya mampu untuk kelihatan cantik.

\*\*\* ½ bintang untuk filem menarik Janji Joni ini. Dan \*\*\*\* bintang untuk penampilan Mariana Renata.

## Proses Institutionalized dan Masyarakat Korup Tertindas

**P**ernah tonton filem Shawshank Redemption? Belum? Pastikan anda tontonnya selepas ini. Filem keluaran zaman 1990an tersebut membawa pada penulis pengertian tentang 'institutionalized' dengan jelas sekali.

Satu babak, ketika Red (lakonan Morgan Freeman) dan kawan-kawannya berkumpul berbicara tentang pembebasan Brooke (seorang orang lama dalam penjara Shawshank) untuk menjalani parol, beliau mengatakan "Apa yang terjadi kepada Brooke, ialah dia ter'institutionalized'."

Dia menyambung lagi, "Brooke sudah berada di penjara ini selama 50 tahun. Di sini dia menjadi orang penting, orang yang terpelajar, tapi di luar dia tiada apa."

Dia kemudian menamatkan perbualan mereka dengan berkata, "Dinding-dinding di sini kelakar sebenarnya. Mula-mula kita benci, kemudian, kita akan biasa

dengannya. Dan bila masa berlalu, kita akan rasa bergantung padanya. Itulah 'institutionalized'."

Apabila sesebuah masyarakat biasa dalam keadaan mewah, senang atau aman, masyarakat tersebut terinstitutionalized dengan keadaan yang dimilikinya sekarang. Begitu juga jika sesebuah masyarakat sudah biasa dengan keadaan yang korup, penindasan belaku tanpa disedari, dan penyalahgunaan kuasa sudah menjadi resam masyarakat, maka ianya juga terinstitutionalized dengan keadaannya itu.

Seperti kata Red, "Mula-mula kita membencikannya, kemudian kita akan biasa dengannya, dan bila masa berlalu, kita akan rasa bergantung padanya."

Machiavelli pernah menyentuh mengenai perkara ini dalam esainya, yang julung-julung kali dipetik oleh pemikir-pemikir ataupun penulis-penulis masa kini, iaitu Discorsi Di Nicolo Machiavelli, Cittadino, et Segretario Fiorentina, Sopra La Prima Deca Di Tito Livio, Zanobi Buondel monti, et a Cosimo Rucellai (Perbincangan Niccolo Machiavelli, Canselor dan Sekretariat Dewan Republik Firenze, dengan Sepuluh Buah Buku Pertama karya Titus Livius, untuk Zanobi Buondelmonti dan Cosimo Rucellai). Ataupun nama pendeknya, Discorsi.

Dalam esainya itu, beliau ada menyatakan, "Jika pemimpin dan rakyat sudah sama-sama korup, maka teramat susah, walaupun bukan mustahil bagi masyarakat tersebut untuk hidup bebas dan merdeka." Lagi sambungnya, "Setelah dilanda korupsi sejak kekuasaan Julius Caesar, Roma terus menuju keruntuhannya."

Beliau juga berpendapat, sesebuah masyarakat yang korup dan biasa ditindas hanya mungkin bebas atau merdeka jika punyai pemimpin yang adil dan mempunyai tekad ke arah kebebasan dan kemerdekaan jiwa dari kekorupan. "Namun demikian, masyarakat berjiwa bebas itu hanya dapat bertahan selama penguasa tersebut hidup, kecuali sudah ada satu sistem atau peraturan sosial yang mengangkat kebebasan."

Menurut ajaran Islam pula, Muhammad SAW telah dilahirkan di dalam sebuah masyarakat yang penuh dengan kegelapan. Usaha dakwah baginda menyampaikan kalimah tauhid, dari secara senyap hinggalah secara terang-terangan telah mengambil masa selama beberapa tahun.

Baginda akhirnya mengalah dengan kedegilan masyarakatnya dan wahyu Allah menyuruhnya untuk berhijrah ke Madinah pula, di mana masyarakat Madinah lebih bersedia untuk menerima Islam.

Muhammad umpama cahaya pada ketika itu. Mana lagi tempatnya cahaya melainkan di kegelapan. Masyarakat Madinah yang juga pada mulanya gelap, menerima cahaya dari jauh. Silauan cahaya dari Mekah diserap dan dijinakkan dahulu sebelum boleh mereka menerima cahaya tersebut dengan rela hati.

Bagi sesebuah masyarakat yang sudah ter'institutionalized' dengan kegelapan, maka haruslah cahaya itu ditangani dengan cara lembut. Di perkenalkan dahulu. Dibiasakan. Barulah boleh terus hidup dengan cahaya. Akhirnya, Mekah dapat dikuasai dengan cara damai. Dan baginda telah menjadi penguasa seluruh kerajaan Islam.

Masyarakat yang hidup dalam kegelapan atau kekorupan, mestilah terlebih dahulu di perkenalkan dengan cahaya. Disogok dengan idea-idea sederhana, isu yang berkaitan dengan mereka. Bukannya, secara radikal terus berusaha membawa atau mencipta satu gerakan untuk membasmi terus kepimpinan yang korup. Jalan-jalan da'i pembawa sinar cahaya adalah terlampau jauh.

Mungkin mengambil umur hidup mereka sebagai pembayaran ke arah usaha membawa cahaya tersebut. Sesetengahnya, mungkin tidak mampu untuk melihat cahaya tersebut bersinar ketika hidup mereka.

Terokai dahulu isi hati masyarakat, seperti kita meneroka sebuah hutan dara. Jentolak jangan dibawa dahulu. Raksasa pembajak juga kita tinggalkan. Cuma bawa beberapa orang pakar tentang kayu, tentang tanah,

dan tentang alam sekitar. Nilaikan dahulu sesebuah hutan tersebut sesuai untuk dibuat apa di situ. Langkah demi langkah ditangani dengan cermat.

Jangan sahaja mahu terus revolusi dan jangan sahaja mahu terus tukar kerajaan. Perubahan yang drastik tidak membawa apa-apa kebaikan. Yang penting sekarang kita sediakan tapak untuk perubahan, kerana kita sudah terlalu lama terinstitutionalized, dan mungkin kita sudah mula lupa untuk hidup dalam suasana yang sepatutnya.

Jangan nanti, apa yang berlaku terhadap Brooke, berlaku pula pada masyarakat kini. Brooke yang terlampau terinstitutionalized akhirnya mengambil langkah menggantung dirinya. Mati bersama kenangan-kenangan di penjara bersama rakan-rakan dan meninggalkan maksud institutionalized secara jelas kepada penulis.

### Janji Diana Tidak Menjanjikan Apa-apa

**D**iana bukan seorang lesbian atau bohsia. Dia seperti gadis-gadis lain. Punya sifat kelembutan seorang perempuan. Tapi setelah dia dikecewakan oleh lelaki, dia cuba berubah untuk menjadi seorang yang kasar dan agresif seperti lelaki yang pernah mengecewakannya dahulu. Hasilnya - dia temui semula kelembutan hati seorang perempuan.

Erra Fazira, mungkin bukan seorang pelakon berbakat yang mampu membawakan watak Diana dengan baik. Namun disebabkan kepopularannya, dia berhak berlakon menjadi seorang tomboy dalam filem terbaru Yusof Haslam ini. Gayanya sebagai seorang tomboy, nampak sangat seperti dibuat-buat, kadangkala terlampau over pula.

Itu bukan satu isu yang boleh menukarkan pegangan Yusof Haslam dalam mengambilnya untuk dijadikan pelakon utama dalam filem Janji Diana ini. Yang

penting wajahnya, popularitinya dan kemahuan penonton yang mahukan Erra Fazira, lebih-lebih lagi dia boleh bikin duit untuk Datuk Yusof Haslam.

Mungkin tidak terlampau melampau, kalau hendaknya dinyatakan di sini, plotnya menarik. Skripnya jika diperbaiki di beberapa tempat mungkin boleh buat plot dan ceritanya lebih menarik lagi.

Tapi, apa sangat yang boleh ditawarkan oleh Datuk Yusof Haslam dalam filemnya. Tiada banyak perubahan. Audionya tidak berubah sejak filem Pemburu Bayang. Sinematografinya juga tiada perbezaan apa-apa. Filemnya terlampau romantika. Romantisme. Berkhayal pada bumi yang nyata serta meninggalkan realiti bahawa dunia bukan selamanya indah.

Selama beberapa tahun ini, Datuk Yusof Haslam sudah mengeluarkan pelbagai tajuk filem dan kesemuanya barangkali (penulis tidak menonton kesemua filemnya) memaparkan suatu ciri utama, iaitu cinta hanya berhak pada orang-orang kaya sahaja.

Orang yang berpangkat besar dan selebriti, seperti Haikal, Diana, Awie, dan Maria. Punyai kenderaan besar (bukan bas atau lori ye), juga macam Haikal, Awie, Inspektor Mazlan, Diana, Maria dan Inspektor Haliza. Kepingin sangat rasanya untuk menonton filem beliau yang punyai peran-peran seperti Azizah, Syawal, Ghazali, Ramli dan trio bujang lapuknya, Do, Re, Mi dalam karya-karya seniman agung P.Ramlee.

Seperti biasa juga, mungkin sudah jadi tabiat filem-filem atau cereka-cereka melayu, melatar belakangkan tempat-tempat menarik, seperti KLCC, taman-taman tasik dan masjid-masjid. Tapi nampaknya kali Janji Diana, telah berjaya mempelopori latar belakang Putrajaya sebagai beberapa latar belakang indah dalam beberapa babak filem ini. Agaknya ini yang dikatakan filem kita wajah kita.

Sudah tiada gamaknya wajah-wajah huduh dalam negara ini. Sudah hilang agaknya setingan seperti dalam filem Entrapment dan kampung-kampung melayu seperti


dalam filem Beyond Rangoon. Itulah filem kita.

Memperlihatkan wajah menarik, tetapi dalam masa yang sama realitinya masih ada lagi wajah-wajah buruk hanyalah seperti menutup telur tembelang yang pecah. Telurnya memanglah tak nampak, tapi baunya.

Mungkin satu-satunya kelainan dalam filem Yusof Haslam kali ini, penyudahnya tidaklah seindah pemandangan yang dipaparkan. Dan di adegan yang terakhir itu, Diana berjanji pada Haikal, "aku berjanji Haikal, aku takkan kembali ke dunia lamaku, aku akan ubah cara hidupku, aku akan jadi orang yang seperti kau mahukan."

Tapi aku harap Diana dapat juga berjanji dengan aku, yang tidak akan ada pula Janji Diana II.

### **Bila manusia jadi tuhan**



uhan pun bercuti?" tanya Bruce (lakonan Jim Carrey) kepada Tuhan (lakonan Morgan Freeman), bila sahaja Tuhan mahu menyerahkan

kepadanya dengan tugas besar untuk menjadi Tuhan. Tuhan telah memberikan alasan cuti sebagai alasan pemberian tugas yang maha berat itu.

"Ya. Dan aku pernah bercuti ketika Zaman Kegelapan beberapa abad sudah." jawab Tuhan dengan ringkas kepada Bruce.

Filem Bruce Almighty diharamkan tayangannya di Malaysia. Walaupun sempat ditayangkan untuk beberapa hari, namun ditarik balik kerana beberapa sebab yang telah dikemukakan oleh pihak berkuasa agama negara iaitu JAKIM.

Mula-mulanya, adalah kerana sebuah peraduan yang dianjurkan oleh sebuah stesen radio berbahasa Inggeris tempatan.

Dalam peraduan tersebut satu soalan telah dikemukakan kepada pendengar. Soalan itu berbunyi, "Jika anda menjadi Tuhan, apa yang akan anda lakukan?" Gara-gara sebuah soalan itu, habis tidak dapat disiarkan sebuah filem pengajaran antara terbaik Hollywood pernah keluarkan.

Namun, keputusan kerajaan pasti bersebab. Dan sebab utama pasti JAKIM iaitu pihak berkuasa agama negara tidak mahu lihat iman yang telah sedia lemah terutamanya di kalangan penganut ajaran Islam, akan tergugat. Dan akhirnya boleh menyebabkan masyarakat Islam di Malaysia jatuh kafir kononnya.

Itu keputusan yang sudah dilaksanakan. Kita juga sebagai rakyat biasa yang tidak mampu berfikir jauh, perlu mendengar kata-kata 'Tuhan'. Jika ingkar pasti akan dihukum dengan neraka!

Walau bagaimanapun, penulis bernasib baik. Semalam penulis menontonnya lagi setelah beberapa kali menontonnya. Dan penulis mendapat dua pengajaran dari filem tersebut. Satu, dunia akan hancur jika manusia mahu jadi tuhan, bertindak dengan cara tuhan. Ini kerana manusia punya nafsu, punya perasaan, punya hati walaupun punya akal.

Dan yang kedua, setiap yang teratur di dunia ini sekarang adalah sebaik-baik tadbiran oleh Tuhan. Walaupun manusia mengalami ketidakadilan yang dikatakan Tuhan lakukan, seperti yang dialami oleh Bruce di awal filem tersebut. Bencana, celaka dan kemalangan datang silih berganti.

Diberhentikan kerja, dipukul oleh samseng jalanan, kehilangan teman wanita yang amat dikasihi dan menghadapi kemalangan jalan raya. Namun setiap yang tuhan tadbir adalah sesempurna pekara. Setiap yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya.


Mungkin juga pengharamannya ada hikmah yang tersembunyi. Yang kita sendiri tidak ketahui. Jadi, jangan cepat melatah dengan tindakan JAKIM. Ia mungkin hantaran Tuhan kepada manusia, untuk menilai sama ada manusia itu beriman kepada hikmahnya.

Ternyata Tuhan bukan dari kalangan Nigar ataupun manusia berkulit putih. Tiada gambaran imej yang boleh digambarkan untuk menggambarkan Tuhan. Itu sudah pasti. Dan kehadiran Morgan Freeman sebagai Tuhan sudah pasti punya sesuatu yang belum kita lihat.

Dan seterusnya Jim Carrey yang menggantikan Morgan Freeman ketika Tuhan sedang bercuti merupakan hukuman kepadanya yang mempersoalkan tentang bala dan bencana yang tuhan telah turunkan.

Maka cabaran pun bermula, seperti Firman Allah yang mencabar, pencipta-pencipta patung dan lukisan-lukisan menghidupkan karya mereka selagi mana mereka mengaku bahawa karya merekalah yang terbaik jika mahu dibandingkan dengan karya Maha Agung Allah Tuhan Semesta Alam.

### **Duit Segalanya Bukan Luaran**



emalam diTV3 di slot skrin raya disiarkan filem Melayu yang mendapat sambutan hangat – Cinta Kolestrol. Hangatnya sambutan daripada penonton sehinggakan filem tersebut dibuat versi Thai berjudul Cholestrol Teerak.

Filem ini merupakan sebuah filem dari seorang sarjana -- professor panggilannya. Razak Mohaideen sekali lagi mengecewakan penulis. Dari segi teknikalnya, memang filem ini hancur. Honestly. Tapi, penulis tak mahu emosi. Buang segala kekurangan teknikal. Buang dahulu, penampilan Ira (Erra yang di mekap gemuk) solekan pada tangannya seringkali merunsingkan penulis, lakonan Yusri yang sedikit keras dan ruang kosong dalam sejarah hidup semasa di sekolah, kedua-dua watak utama.

Ambil saja nilai-nilai kemanusiaan di dalamnya. Filem ini masih lagi ada kebaikannya -- itu yang penulis nampak. Memaparkan nilai-nilai hidup manusia yang masih berpegang kepada "judge a book by its cover". Kisah ini akan berterusan. Manusia akan tetap menilai manusia yang lain dari segi luaran. Yang laki mahukan seorang isteri yang cantik, bergaya, pandai (tidak melebihi dia) dan kurus. Dan yang perempuan pula masih lagi mahukan lelaki yang handsome, tampan, smart dan kaya (size doesn't matter). Itu masalah yang takkan selesai.

Dan filem ini berjaya membawa permasalahan tersebut, walaupun dengan tidak begitu berkesan. Babak ketika Ira dibawa oleh Yusri mengadap cermin, memang satu babak yang baik (bukan lakonan Yusri). Penghinaan ke atas golongan ini, memang satu babak. Dalam realitinya, masih banyak lagi orang-orang yang seperti Yusri, mahukan teman wanita secantik Nadia (Aleeza Kassim) seperti dalam filem tersebut.

Namun, filem ini masih belum dapat lari lagi dengan filem-filem lain semasa. Watak dari golongan-golongan kaya tetap wujud. Dan ianya disampingi oleh harta benda, rumah besar, kenderaan mewah dan gaya hidup golongan-golongan berada. Walaupun watak Ira dalam filem ini - gemuk, namun dia memilik kekayaan. Agaknya, bagaimana penerimaan Yusri, jika Ira itu bukan sahaja gemuk, malahan miskin! Sudah tentu makin besar lagi penghinaan ke atas diri Ira.

Agaknya, penerbit mahu tackle golongan berada tonton filem ini. Yelah, cuma golongan berada sahaja yang mampu beli tiket panggung-panggung besar GSC atau TGV, yang berharga RM10 (betul? penulis dah lama tak pergi panggung). Dan cuma orang-orang ini sahaja yang mampu beli VCD original. Orang-orang yang tak mampu, cuma beli kat lanun-lanun cetak rompak.

Hey! C'mon. Wake up la! Entertainment is for all! Jadi orang-orang kayalah tolong korang (penerbit) ye. Fasal itu buat cerita semua tampilkan orang-orang kaya. Orang miskin cuma nak melingkupkan sahaja

bisnes korang! Oops!! Terlepas cakap pula...

Di segi lakonan, penulis nak puji lakonan Abu Bakar Omar. Dia memang hebat. Mampu membawa watak bapa Ayie dengan baik. Yalah, mungkin wataknya dalam filem ini senang dibawa. Tiada masalah.

Pelakon-pelakon yang lain, setakat yang aku tengok, tak seorang pun mampu berlakon dengan berkesan (Yusri berlakon macam gay, Aleeza Kasim stereotype, Erra tak improve). Mungkin mereka boleh berlakon, tapi cabaran utama bagi seorang pelakon ialah membawa watak sehingga menimbulkan kesan kepada penonton. Dalam hal ni, aku tak nak salahkan pelakon. Mungkin kombinasi skrip dan kreativiti arahan juga memainkan peranan.

Kalau penulis diberi peluang mengarah filem ni, sudah pasti penulis akan olah skrip, ubah plot. Penulis akan ubah, Ira tetap tidak akan diterima oleh Yusri dan Yusri akan terus tidak sedar dengan kesalahannya. Kerana itulah realiti!

### **Perjuangan Kelas dalam Tollgate Girl**

**B**uat pertama kalinya cereka ini ditayangkan di TV (2003), penulis terlepas peluang untuk menyaksikannya. Dengar kata kawan aku, cereka ini memang menarik. Teramat menarik ceritanya. Penulis mula mengenali Osman Ali dengan melihat hasil kerjanya -- Bukak Api. Ulasan-ulasan berkenaan cerita tersebut, kebanyakannya positif. Kisah Bukak Api memang memperjuangkan golongan tertindas - golongan pelacur dan mak nyah dalam filem tersebut dipaparkan dengan kehidupan mereka di Lorong Haji Taib.

Orang asyik menghina, mengeji, tidak pernah mahu melihat punca dan sebab kenapa ianya terjadi. Masing-masing memandang hina pelacur dan mak nyah, meletakkan mereka ke tahap paling rendah,

menginjak-injak bagai mereka tidak berhak untuk hidup dalam dunia ini. Namun, orang memang selalu berperangai begitu, tidak tahu menahu langsung tentang apa yang dihinanya. Sering menyalahkan keadaan tanpa melihat punca berlakunya keadaan tersebut.

Begitulah kenalnya penulis dengan Osman Ali. Seorang pengarah muda yang berbakat besar. Sehingga penulis mula mengetahui bahawa Osman Ali adalah pengarah dan penulis skrip cereka Tollgate Girl. Dan ketika mula mengetahui, tentang perkara tersebut, penulis benar-benar rasa rugi tidak menonton cereka Tollgate Girl buatannya yang disiarkan di NTV7 dua tahun (sekarang 2003) sudah.

Penulis amat bertuah, terjumpa dengan CD berkenaan beberapa hari sebelum raya tahun ini (2003). Tanpa membuang masa, penulis membeli CD - sudah tentu CD haram - dan, nah! Penulis menontonnya berkali-kali. Ini yang penulis nampak dari filem tersebut - perjuangan kaum tertindas mahu menegakkan hak-hak mereka. Waktu pertama kali penulis menonton cereka ini, terus fikiran penulis terarah kepada feminisme.

Cereka ini benar-benar memperjuangkan kaum wanita - antara kaum yang sering ditindas umum. Perhatikan babak ini -- babak ketika teksi yang membawa Markonah (Amy Mastura) rosak di tengah jalan. Pemandu teksi tersebut, mahu menolak teksinya yang rosak itu dan disuruhnya Markonah membawa kereta, tapi Markonah enggan, sebaliknya menawarkan dirinya untuk menolak teksi tersebut.

Ketika dia sedang menolak teksi itu, datang, Polis Bantuan PLUS, dan salah seorang pegawai polis tersebut berkata kepada Markonah, "Biar saya tolak teksi ni." Markonah sebaliknya menjawab dengan penuh feminismenya, "Saya perempuan, saya pun boleh tolak". Itu satu contoh persoalan feminisme dibawa dalam filem tersebut. Dilema seorang perempuan tinggal dalam satu dunia patriarchy seperti dunia hari ini. Namun, kali ini, dalam cereka tersebut dipertontonkan bagaimana pula seorang lelaki hidup dalam dunia yang penuh dengan wanita. Kita cuma akan sedar

setinggi mana kita di atas dengan duduk di tempat paling bawah sekali.

Dan kita juga akan kenal benar erti kesusahan, apabila kita sendiri berada dalam keadaan susah. Kesusahan orang lain serta masalah orang lain, jangan berani cakap kita boleh atasi. Cuma dengan menjadi orang itu, barulah kita mampu kenal kesusahannya! Osman Ali juga jelas, walaupun tidak ada niat, mahu memaparkan tentang perjuangan kelas. Orang kelas bawahan, sudah bosan berada di bawah, mahu juga supaya orang yang di atas melihat orang yang di bawah. Jeritan, emosi serta pemikiran kelas bawahan - kelas yang selalu juga ditindas, diejek serta diherdik - dipaparkan, mungkin bukan dengan niatnya, mungkin, dalam adegan selama 30 minit perbualan antara Markonah dan Johan (Rasyid Salleh) dalam kereta BMW warna merah milik hartawan muda, Johan.

Jauh perbezaan kelas antara Johan dan Markonah dapat dilihat dengan penampilan Johan - kereta mewah, tidak berapa faham dengan bahasa loghat, sibuk dengan bisnes - dan Markonah - gadis Melayu yang simple, kerja jaga tol, terdesak nak balik beraya di kampung, pilih gerai tepi jalan - itu sendiri. Dan Johan akhirnya merasa kehilangan sesuatu, apabila melihat keluarga Markonah berpelukan di pagi raya. Ada satu babak, ketika mereka mula-mula keluar minum. Dalam babak tersebut, Markonah dengan lantang menghina kelas atasan yang dirasakannya cuma pentingkan gaya dan kedudukan mereka.

Perhatikan baris-baris ini, (baca dengan loghat Utara), "Tapi, saya memang tak suka nak keluaq kat tempat-tempat yang ade kelaih, kena jaga cara makan, kena jaga cara duduk, cakap pun cot cet - cot cet, bebisik-bisik, nyampah, tahu dak. Pasai tu la saya tak suka keluaq dengan oghang kaya. Depa ni ngada-ngada, gila glamer. Cik Johan, tau kalau depa nak minum kopi, sanggup pi kat kedai-kedai kat tepi jalan nu, kedai kopi branded, tau dak, kedai branded la, kononnya, sanggup ni, berasap, berpanaih, berabuk, depa tak kisah tau. Janji depa boleh tunjuk, tayang muka kat semua oghang, la ni, yang depa tu banyak

duit, boleh minum kat tempat yang ada  
kelaih macam tula, kann..

lanya bukan satu filem cinta kosong. lanya  
padat mesej dan mesej ini ditujukan kepada  
sipenindas-penindas supaya hentikanlah  
menindas. Terapkanlah kasih sayang.  
Kekayaan bukan suatu alat atau lesen  
supaya kita menindas. Lakonan bersahaja  
para pelakon dalam cereka tersebut,  
membuatkannya jadi lebih kuat. Pelakon  
dalam cerita ni, bukannya berlakon tapi  
seperti berada dalam dunia nyata. Amy  
Mastura dan Rasyid Salleh berjaya bawa  
watak dengan berkesan. Sama seperti  
keluarga Markonah di kampung. Dan buat  
pertama kalinya penulis memuji lakonan  
Rita Rudaini, cukup bagus dan berkesan.